

Jilid 11
Bil. 17



Hari Rabu
29hb Jun, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli -- Kebenaran:

Y.B. Tuan Karpal Singh (Jelutong)

Y.B. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman (Shah Alam) (Ruangan 2983)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2983)

USUL:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1988:

Jawatankuasa -

Maksud P.18 (Ruangan 3079)

Maksud P.19 (Ruangan 3083)

Maksud P.21 [Ruangan 3099]

Maksud P.26 [Ruangan 3112]

Maksud P.31 [Ruangan 3127]

Maksud P.33 [Ruangan 3127]

Maksud P.44 (Ruangan 3134)

Maksud P.46 [Ruangan 3134]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura -

Pengeluaran Wang, Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Ruangan 3146)

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO- MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M K-, D.S D.K., J.M N

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.AP., SP.M.S., S-P.MJ. D.P., DUPN., S.P.N S., S.P.D.K., SPCM, S.S.M.T. D.UNM.,p.i.s.(KubangPasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA(Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.. P.C.M., A.M.N.(Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO- DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P, S.S.AP., P.M K (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.BS (Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.s, A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO- DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P, P.N.B.S., J B s. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K , D.G.S.M., s.M.K (Jerlun Langkawi)

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUETTZE, D A., p.N.B.s. (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

” Menteri Luar Negeri, DATO- ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kewangan, DATO- PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P, JS.M., A.M.N., P.J.K., J.P, (Bentong).

” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI. P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.J. (Sri Gading).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO- K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO- MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO- HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO- ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, DATO- WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO- DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P (Mentakab).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO- KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- " Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alarn Sekitar, TUAN LAW HIENG DING. K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL. D.P.M s., s.M.s., K.M.N. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., p.J.K. (Hulu Terengganu).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M.. P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BINOTHMAN (Ledang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUANONGTINKIM (Telok Intan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan,
TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN
BIN ABDUL (Pendang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHAMEO BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan
Datok).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH
(Gopeng).
- " TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- " DATO- ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- " DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- " DATO- ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, DSD.K., A.M.K. (Kulim
Bandar Baharu).
- " TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Sungai Petani).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K.
(Lembah Pantai).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- " DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok
Lanas).
- " DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.
(Kepala Batas).
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan
Chepa).
- " DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K.
{Padang Terap).
- " TUAN AHMAD BIN OMAR.P.PN (Pagoh).
- " TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Ruala Langat).
- " DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- " TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " TUANCHEWKAMHOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

- " TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- " TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- " DR. V. DAVID (Puchong).
- " TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- " TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jcrai).
- " DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- " TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- " TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Beraam).
- " TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BINS AID, s.M.T.. A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANC (Lubok Antu).
- " TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias*, JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (ULU Rajang).
- " DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- " DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- " TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- " TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.U., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- " TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang),
- " DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

- ” PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- ” TUAN MADATANG BIN MOREIAL (Bandau).
- ” TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- ” DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N, P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- " TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- ” TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR IsMAiL (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- ” DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- " TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N.. P.J.M. (Balik Pulau).
- ” TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- ” DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- " TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- ” TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K.. (Sepang).
- ” TUAN MOHD TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MOHD. ZIHIN BIN MoHD. HASSAN (Larut).
- ” DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., KST.j. (Limbawang).
- ” TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- ” TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- ” DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- ” TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- ” TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN K.ITINGAN (Keningau).
- ” DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO(Ipoh).

- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ” DATO- RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P.. P.J.K (Shah Alam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.. S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " DATO- HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P, P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO- SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " TUAN S. S. SUBRAMANIAM, p.j.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUANTANKOKWAI (Sungai Besi).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- " DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAPIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO- ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.DK., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P.(Sik).

2977

29JUN 1988

2978

Yang Berhormat DATO- HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.
(Besut).

" TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hajt Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik,

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penotong Penyunting: Amran bin Ahmad,

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin .

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 29hb Jun, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA**

Cuti Kepada Ahli-ahli - Kebenaran

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada:-

1. Y.B. Tuan Karpal Singh, Ahli bagi Rawasan Jelutong dari 27hb Jun hingga 8hb Julai, 1988 dan
2. Y.B. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman, Ahli bagi Kawasan Shah Alam dari 28hb Jun hingga 1 hb Julai, 1988.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PASARAN UTAMA PETROLEUM
MENTAH MALAYSIA**

1. Tuan Haji Mohd, Zain bin Abdullah

minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dalam enam bulan kedua tahun 1987 negara-negara manakah yang kekal sebagai pasaran utama petroleum mentah Malaysia, dan berapa juta tan metrikkah tiap-tiap negara itu mengimport bahan-bahan yang tersebut; dan
- (b) dalam tempoh yang sama berapa banyak (tan metrik) negara kita mengimport petroleum mentah dari luar negeri. Negara-negara manakah yang menjadi pembekal utama petroleum mentah ke Malaysia dan berapa banyakkah tiap-tiap negara itu membekalkan bahan yang tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam enam bulan kedua tahun 1987, negara-negara pasaran utama petroleum mentah Malaysia adalah seperti berikut:-

<i>Destinasi</i>	<i>Juta (metrik tan)</i>
Jepun	1.97
Singapura	1.46
Korea Selatan	1.39
Thailand	0.87
Australia	0.79
Filipina	0.60
Amerika Syarikat	0.47
Lain-lain (India, Chile, Sri Lanka dan Indonesia)	0.62

(b) Dalam tempoh yang sama juga Malaysia telah mengimport sebanyak 738,532.73 tan metrik minyak mentah dari Kuwait dan Arab Saudi, masing-masing sebanyak 633,898.63 tan metrik dan 104,634 tan metrik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah menjual minyak mentah kita dan pada masa yang sama kita membeli minyak mentah. Apakah faedah dan untungnya kita mengekalkan dasar ini?

Yang kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dasar ini?

Yang ketiga, kenapakah jualan ke negara Thailand, negeri jiran kita, hanya 0.8 juta metrik tan sahaja?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu mengimport minyak mentah untuk menyesuaikan pasaran bahan-bahan petroleum dengan corak permintaan tempatan bagi bahan-bahan tersebut. Pada amnya minyak mentah Malaysia setelah ditapis boleh memberi hasil yang lebih kepada bahan-bahan ringan seperti LPG, motor gasoline, naphtha, minyak tanah dan diesel berbanding dengan minyak mentah yang diimport dari Timur Tengah.

Walau bagaimanapun, hasil bagi bahan-bahan berat seperti minyak bakar iaitu fuel oil, dengan izin, dan bitumen tidak dapat dihasilkan secukupnya bagi memenuhi permintaan tempatan melalui penapisan minyak mentah tempatan. Oleh yang demikian, minyak mentah import adalah perlu bagi menambahkan hasil selaras dengan permintaan bahan-bahan tersebut.

Untuk soalan yang kedua, oleh kerana ketidakcukupan hasil ataupun bahan itu untuk memenuhi permintaan tempatan di Malaysia, kita akan terus

mengimport bahan-bahan tersebut daripada Timur Tengah.

Mengenai soalan mengapa hanya 0.8 juta metrik tan minyak sahaja yang dieksport ke Thailand, itu adalah mengikut permintaan bagi tiap-tiap negara.

Tuan Mutang Tagal: Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, walaupun Sabah dan Sarawak mengeluarkan minyak, kita dapati bahawa harga minyak petrol dan minyak mentah serta minyak diesel di kedua buah negeri itu tinggi kalau dibanding dengan Semenanjung. Apakah sebabnya dan adakah Kerajaan bercadang supaya harga minyak tersebut di semua negeri diselenggarakan untuk tidak membebankan penduduk di Sabah dan Sarawak? Jadi, harga yang tinggi ini adakah salah satu faktor yang mengakibatkan tambang kapal daripada Malaysia ke Sabah dan Sarawak tinggi.

Kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri di Persidangan OPEC dan negara-negara yang tidak menganggotai OPEC baru-baru ini di Eropah dan memandangkan tidak ada persetujuan untuk menyekat pengeluaran petroleum adakah Malaysia bercadang supaya dasar Kerajaan untuk meninggikan lagi pengeluaran petroleum di negara ini daripada apa yang ada sekarang ini dikekalkan ataupun disekat supaya dapat menstabilkan harga minyak mentah yang terdapat di pasaran antarabangsa?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, memang harga diesel dan juga minyak di Sabah, Sarawak dan Semenanjung tidak sama, oleh kerana ini adalah tertakluk kepada banyak faktor termasuklah tambang kapal sepertimana Yang Berhormat katakan tadi. Faktor-faktor itulah yang sebetulnya yang menjadi faktor utama dalam

penentuan harga minyak diesel dan LPG di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak ini.

Mengenai persoalan untuk mengurangkan keluaran minyak untuk menstabilkan harga, kita mempunyai satu dasar di mana keluaran minyak ini adalah berhubung kait rapat dengan dasar Belanjawan Negara. Jadi pengeluaran minyak ini adalah ditentukan pada tiap-tiap tahun sebelum kita membuat Anggaran Belanjawan Negara. Walau bagaimanapun untuk memenuhi dan juga untuk memberi kerjasama kepada negara-negara OPEC kita selalunya akan mengurangkan pengeluaran minyak setakat mana yang boleh.

Seperti pada tahun-tahun yang lalu 1986 dan 1987 kita telah mengurangkan pengeluaran minyak kita di negara ini sehingga 17% untuk membantu usaha negara-negara OPEC menstabilkan harga minyak di pasaran dunia. Dalam persoalan ini Malaysia akan melihat dahulu sama ada ahli-ahli OPEC akan mengurangkan pengeluaran mereka. Sekiranya mereka akan mengurangkan pengeluaran mereka untuk mencari jalan menstabilkan harga minyak, Malaysia juga akan menyokong. Berapa banyak kita akan mengurangkan, pada masa itu kita akan tentukan, tetapi kita akan sentiasa membantu negara-negara OPEC untuk menstabilkan harga minyak di pasaran dunia.

BIL STM - PUNGUTAN BAYARAN PEJABAT POS

2. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan awam seperti Pejabat Pos masih lagi memungut bayaran bil-bil Syarikat Telekom Malaysia yang sudah diswastakan. Jika ya, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini sama ada STM ada membuat

bayaran perkhidmatan kepada Kerajaan dan berapakah bayarannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa Pejabat Pos masih lagi memungut bayaran bil-bil Syarikat Telekom Malaysia sungguhpun ia telah diswastakan. Ini adalah kerana perkhidmatan pungutan bil-bil telefon adalah termasuk di dalam Sistem Bayaran Bil Setempat yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 1983.

Untuk maksud ini STM ada membuat bayaran perkhidmatan kepada Jabatan Perkhidmatan Pos dan bayaran yang dikenakan adalah sebanyak 50 sen bagi setiap bil teletbn yang dikutip.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar pungutan dijalankan di Pejabat-pejabat Pos berhubung dengan bayaran telefon, air dan seterusnya elektrik, kadangkala lambat sampai ke Jabatan yang berkenaan. Umpamanya Jabatan Telekom seringkali menerima pengaduan yang dibuat oleh orang ramai, bayaran telefon telah dibayar melalui Pejabat Pos, tetapi pihak Telekom (STM) memotong perkhidmatan telefon kononnya belum dibayar lagi. Bila sudah diterangkan haru dipasang balik, keadaan ini rasa saya menjadikan masalah kepada pengguna-pengguna. Bagaimanakah langkah-langkah yang boleh diambil supaya perkara seumpama ini tidak berlaku.

Tuan Ong Tin Kim; Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, STM telah mengadakan satu peraturan dengan Pejabat Pos supaya pada tiap-tiap hari kutipan seperti butir-butir resit, butir-butir bil itu akan

dilaporkan kepada STM di Kuala Lumpur. Ciri-ciri butir-butir berkenaan dengan bil dan kutipan resit itu akan dimasukkan ke dalam komputer dan ini akan dimasukkan kepada akaun pelanggan STM. Tetapi seringkali pula terdapat kelewatan kerana bil bayaran itu ada satu cut of date iaitu tarikh yang ditetapkan untuk mengeluarkan bil. Jadi jikalau bayaran seseorang kemudi-an daripada tarikh itu bayaran itu tidak akan masuk di bil pada bulan itu, tetapi akan masuk dalam bil pada bulan hadapan. Itu seringkali mengakibatkan kelewatan dalam bil yang didapati oleh pelanggan STM. Perkara ini sedang dikaji oleh STM bagaimana untuk mengatasi soalan ini.

Tuan Teoh Teik Huat: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memberitahu sama ada Kerajaan akan menaikkan kadar perkhidmatan ini memandangkan kenaikan hasil dan cagaran oleh STM.

Tuan Ong Tin Kim: Pada masa ini tidak ada cadangan untuk menaikkan kadar ini. Jikalau kita menaikkan kadar ini mungkin STM akan merungut kenaikan ini dan mereka akan pindah kenaikan ini kepada pelanggan dan orang ramai juga. Jadi Kementerian saya tidak ada cadangan untuk menaikkan kadar pada masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Bakar.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib tidak hadir)

PENYIASATAN KE ATAS SYARIKAT INSURANS

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kema-juan yang telah dibuat oleh Bank Negara dalam penyiasatan ke atas syarikat-syarikat insurans sejak ia mengambil alih pentadbiran industri insurans mulai 1 hb April tahun ini dengan memberi butir-butir bilangan syarikat yang disiasat, bentuk siasatan dan tindakan yang diambil. Berapakah jumlah aduan yang diterima oleh Ketua Pengarah Insurans daripada pemegang-pemegang polisi sehingga akhir Mei 1988, bentuk aduan dan apaka'h tindakan yang diambil ke atas aduan-aduan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat insurans yang dibuat dari masa ke semasa oleh Perbendaharaan Malaysia adalah diteruskan oleh Bank Negara selepas tanggungjawab penga-wasan industri insurans diambilalih oleh Bank tersebut mulai 1 hb Mei, 1988. Setakat ini Bank Negara sudah memulakan pemeriksaan ke atas 7 buah syarikat insurans. Pemeriksaan ini hanya masih berjalan adalah tertumpu kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan keperluan modal, kaedah kutipan premium, kaedah pembayaran tuntutan, perbelanjaan asas, bentuk pelaburan dan pematuhan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang.

Bagi tempoh 5 bulan pertama 1988 sejumlah 730 aduan bertulis telah diterima daripada pemegang-pemegang polisi syarikat-syarikat insurans. Sebahagian besar daripada aduan-aduan tersebut adalah berkaitan dengan ketidakpuasan pemegang-pemegang polisi terhadap mutu perkhidmatan insurans. Semua aduan yang diterima akan dikaji dan disiasat dengan teliti oleh Bank Negara Malaysia sebelum

tindakan-tindakan wajar diambil terhadap pihak-pihak yang didapati menjalankan perniagaan yang bertentangan dengan kepentingan pemegang-pemegang polisi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Bank Negara telah menetapkan suatu jangka masa ataupun time frame, dengan izin, untuk membolehkannya menjalankan penyiasatan ke atas syarikat-syarikat insurans memandangkan bahawa jangka masa ini adalah perlu untuk menentukan masalah yang dialami, agar tindakan wajar dapat diambil terhadap syarikat insurans yang berkenaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 60 syarikat insurans di Malaysia dan 9 daripada antaranya adalah syarikat insurans luar negeri. Pada umumnya Bank Negara mengambil masa lebih kurang tiga bulan hingga ke enam bulan untuk menyiasat sesuatu syarikat insurans itu. Tetapi pada masa ini Bank Negara Malaysia menumpukan perhatian mereka kepada syarikat-syarikat insurans yang mempunyai aduan yang banyak daripada pemegang polisi.

Oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat insurans kadang-kadang tenat, kadang-kadang tidak begitu tenat, maka oleh kerana itu satu time frame yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Bintang tidak boleh ditentukan.

Walau bagaimanapun, setakat ini Bank Negara Malaysia telahpun bersungguh-sungguh berusaha melihat syarikat-syarikat insurans yang sedang menghadapi masalah dan telahpun selesai membuat penyiasatan ke atas beberapa syarikat-syarikat tertentu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tanibahan. Daripada banyak syarikat-syarikat insurans yang ada di negara kita, terdapat satu syarikat insurans yang bernama Syarikat Insurans Talasco Sdn. Bhd.

Saya ingin tanya daripada pihak Yang Berhormat bahawa baru-baru ini ada kumpulan yang telah membuat aduan kepada pihak polis bersabit dengan Talasco Insurans Sdn. Bhd. dan adakah pihak-pihak ini membuat aduan kepada Bank Negara dan apakah Bank Negara sedang menyiasat kedudukan Syarikat Talasco Insurans Sdn. Bhd. ini dan apakah Bank Negara berpuas hati mengenai dengan Syarikat Talasco Insurans Sdn. Bhd. ini sebelum ini di dalam perjalanannya. Dan yang keempat, kalau benar timbulnya penyelewengan sebagaimana yang kita baca dalam akhbar, apakah pihak Bank Negara dan Kerajaan akan bertindak tegas kerana dari segi prinsipnya kita menyokong sebarang tindakan yang menentang penyelewengan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, laporan polis seperti disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas yang dibuat oleh beberapa orang tertentu mengenai Syarikat Talasco ini sememangnya dalam pengetahuan kita. Dan sememangnya pun untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah dan sedang menyiasat kedudukan Syarikat Talasco Insurans Sdn. Bhd.

Adakah Bank Negara berpuas hati atau tidak mengenai perjalanan syarikat ini masih tidak boleh ditentukan, bergantung kepada keputusan ataupun hasil penyiasatan yang sedang dijalankan oleh pegawai-pegawai Bank Negara Malaysia. Tentu sekali jika sekiranya terdapat sebarang penyelewengan ataupun kclarian daripada landasan yang telahpun ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan yang

ada, maka pihak Kerajaan tentu sekali akan mengambil tindakan yang tertentu terhadap syarikat tersebut.

CAMPURTANGAN ASING MEMBURUKKAN PEMIMPIN DAN KERAJAAN

6. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindak balas Kerajaan Malaysia terhadap kekerapan campur tangan asing dalam soal dalam negen Malaysia dengan cara memburuk-burukkan pemimpin dan Kerajaan melalui media cetak dan eletronik di luar negeri. Tidakkah Kerajaan mengesan bahawa perbuatan ini dilakukan oleh rakyat negara ini yang tidak menyokong Kerajaan yang kini berada di luar negeri.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, kekerapan campur-tangan asing dalam hal ehwal negara kita dengan jalan memburuk-burukkan pemimpin dan Kerajaan melalui media cetak dan elektronik dilakukan oleh organisasi-organisasi serta individu-individu tertentu di luar negeri. Kerajaan sedar akan niat buruk kumpulan berkenaan. Dengan itu, Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri dan jabatan-jabatannya yang lain telahpun mengambil langkah-langkah tindakbalas dalam menghadapi tindakan mereka itu.

Usaha-usaha demikian merupakan penyebaran penerangan yang cukup mengenai perkembangan dalam negeri kita serta dasar-dasar Kerajaan. Langkah ini diambil dengan tujuan memupuk kefahaman orang-orang asing terhadap negara pada keseluruhannya supaya mereka tidak mudah terpengaruh oleh tohmahan yang memburukkan Kerajaan kita. Banyak di antara mereka menghargai ke terangan yang diberi itu.

Kementerian Luar Negeri juga mengambil tindakan khusus bagi membanteras tohmahan-tohmahan dari pihak-pihak tertentu dan usaha-usaha demikian diarahkan kepada; mereka yang berpengaruh serta kumpulan-kumpulan yang berminat mengenali Malaysia.

Untuk tujuan kegiatan ini, Kementerian Luar Negeri telah membekalkan perwakilan-perwakilan dengan maklumat-maklumat latar akan keadaan perkembangan dalam negeri yang sebenar.

Seperkara lagi, Kementerian Luar Negeri juga mengetahui adanya peranan yang dimainkan oleh rakyat negara ini yang tidak menyokong Kerajaan. Mereka ini bukan sahaja terdiri daripada mereka yang kini berada di luar negeri, malahan ada di antara mereka yang sanggup ketuar negeri untuk melakukannya.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu antara sebab-sebabnya kenapa mereka jadi begitu dan tindakan yang diambil setakat ini dan bagaimana pula tindakan yang diambil kepada orang-orang yang memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin di dalam negara kita ini hari ini.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang tertentu banyak sekali. Tidak mudah bagi saya untuk menyenaraikan satu persatu sebab-sebab mengapa mereka mengeluarkan kata-kata negatif terhadap Kerajaan kita. Tetapi pada umumnya saya nyatakan "bahawasanya kebanyakan apa yang dikeluarkan oleh mereka di kalangan antarabangsa adalah perkara-perkara yang tidak menyoal masalah pokok ataupun isu-isu besar, malahan banyak menunjukkan bahawasanya ada perkara-perkara tersendiri atau

berkepentingan peribadi ataupun kumpulan yang dibawa di kalangan orang ramai ataupun yang mana hanya menarik minat orang-orang tertentu ataupun badan-badan yang tertentu sahaja. Tidak secara dasar ataupun tidak secara isu yang besar yang membabitkan pentadbiran ataupun perjalanan Kerajaan.

Yang keduanya, tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Luar Negeri ialah untuk menjawab tohmahan-tohmahan tersebut melalui akhbar-akhbar ataupun majalah-majalah yang mengeluarkan cerita itu pada awalnya.

Dan ketiganya, tentang tindakan yang akan diambil dalam negara bagi mereka yang memburuk-burukkan Kerajaan dan pemimpin kita, saya kira ini kita semua maklum bahawasanya berbagai-bagai penerangan, siri dialog dan lawatan dibuat oleh pemimpin kita di merata tempat di mana-mana platform yang ada dan dengan itu dapat pihak Kerajaan menangkis ataupun menjawab apa sahaja tohmahan buruk ataupun negatif yang dilemparkan oleh mereka itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa jawapan yang diberikan tadi terlampau umum dan tidak tegas. Jadi, soalan saya, yang pertamanya sebutkan nama-nama orang yang terlibat memburuk-burukkan negara ini, dengan itu boleh kita perbincang panjang mengenainya. Yang kedua, tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa tiap-tiap usaha untuk memburukkan Kerajaan di luar negeri, tindakan balas telah diambil. Apakah tindakan yang diambil terhadap akhbar-akhbar, adakah tindakan boleh diambil sebagai yang dibuat oleh Singapura iaitu dengan menghadkan pengedaran majalah ataupun akhbar yang sentiasa memburukkan Kerajaan. Yang kedua, apakah tindakan balas ataupun khas mungkin dengan membuat laporan

kepada Polis ataupun Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan seorang pemimpin Kesatuan Sekerja iaitu Y.B. Dr. V. David yang telah bukan sahaja memburuk-burukkan Kerajaan, tetapi telah merosakkan imej Kerajaan di samping menjejaskan kepentingan pekerja dan rakyat negara ini? Dan akhir sekali...:

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah berapa soalan, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada lagi. Akhir sekali saya minta supaya Kementerian yang berkenaan lebih tegas dalam mengambil tindakan dan jangan memberi jawapan secara umum oleh kerana kami tidak faham.

Dato Dr. Abdulah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, salah seorang nama yang sebut tadi iaitu Y.B. Dr. V. David adalah antara orang-orang yang telahpun mengeluarkan kenyataan yang memburuk-burukkan pemimpin dan Kerajaan kita. Yang lainnya saya kira setengah daripada kita tahu, setengahnya masih belum tahu, tetapi saya kira lebih baik perkara ini kalau ingin tahu, tolong tulis surat kepada pihak Kementerian saya ataupun Kementerian yang lain yang berkenaan. Saya kira kita boleh memberitahu kepada mereka tentang mereka yang telahpun memburuk-burukkan Kerajaan dan pemimpin kita. Saya kira tidak moleklah bagi saya untuk mengemukakan nama-nama orang yang berkenaan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang keduanya, tindakan balas terhadap akhbar-akhbar yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan buruk di luar negeri terhadap Malaysia. Kita tidak mengambil apa-apa tindakan melalui undang-undang ataupun mahkamah terhadap akhbar-akhbar yang berkenaan. Hanya secara pihak Kerajaan melalui missi-missi kita di luar negeri mengeluarkan kata-kata yang boleh

menerangkan keadaan yang biasanya salah dilaporkan oleh akhbar-akhbar yang tertentu dan hanya mendapatkan ataupun menceritakan bahan-bahan daripada satu sumber sahaja yang biasanya tidak rasmi dan disebabkan oleh orang-orang tertentu ataupun kumpulan tertentu dan tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya. Pada umumnya selepas kita memberi penerangan melalui akhbar-akhbar ataupun memberi kepada orang-orang tertentu yang mengemukakan pendapat-pendapat yang kesat itu biasanya mereka terima, sedar dan tetahpun kembali memahami keadaan yang sebenarnya. Setakat ini pihak Kementerian Luar Negeri agak berasa puas hati dengan keadaan yang dibuat secara itu. Lagi pun lebih baik pihak wakil-wakil kita di luar negeri mengatasi masalah ini secara diam-diam melalui perjumpaan antara mata ke mata daripada kita memperhebahkan masalah-masalah yang mungkin tidak perlu diperhebahkan melalui media massa.

Yang ketiga ialah berkenaan Y.B. Dr. V. David yang telahpun membawa perkara untuk menarik balik suatu keistimewaan iaitu GSP kepada Malaysia yang mana sekarang ini menjadi satu bahan yang pating hangat sedang diperbincangkan oleh kita di dalam negara. Pihak Kerajaan setakat ini sedang melihat keadaan dan kita berfikir lebih baik sama ada rakyat jelata ataupun ahli-ahli Union menganggotai badan-badan yang dipimpin oleh Y.B. Dr. V. David itu sendiri mengambil tindakan terhadap pemimpin mereka sendiri yang tidak langsung memikirkan tentang penting, tentang masa depan, tentang apa yang akan jadi kepada pekerja sekiranya....

Dr. V. David: Point of order. Apa tindakan Kesatuan ambil, itu kita punya fasal. Yang Berhormat sendiri jaga Team A dan B.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat, duduk! Minta jalan dahulu. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia bercakap 'lu' tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, duduk! Teruskan Yang Berhormat.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Cbe Wan: Saya kira lebih baik pekerja-pekerja sendiri mengambil tindakan terhadap pemimpinnya yang tidak tangsung memikirkan daripada segi masa depan dan kepentingan mereka.

Dr. V. David: Lagi apa tindakan, ISA?

Seorang Ahli: Kurang ajar!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta jangjan berucap. Teruskan.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Cbe Wan: Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, yang keempat berkenaan dengan tindakan lebih tegas. Pihak Kementerian juga sedang berusaha untuk bertindak lebih tegas dari masa ke semasa untuk mengatasi masalah akhir-akhir ini yang mana terlampau ramai sangat orang-orang kita sendiri yang sanggup memburuk-burukkan negaranya sendiri di negara luar. Insya Allah, dengan kerjasama Kementerian yang tertentu, pihak Kementerian Luar Negeri akan memperbaiki lagi cara-cara kita untuk mengatasi masalah masalah berita buruk terhadap negara kita.

Dr. V. David: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh.

**KENDERAAN DILARANG
DILETAKKAN DI BAHU
LEBUHRAYA**

7. Tuan Hajj Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (i) tidakkah ada cadangan dikuatkuasakan agar kenderaan-kenderaan berat tidak dibenarkan sama sekali meletakkan kenderaan mereka di bahu-bahu jalan di lebuh raya di dalam negara ini bagi mengelakkan kemalangan kepada kenderaan-kenderaan yang lain sebagaimana yang berlaku perlanggaran di antara bas ekspres dengan lori yang telah berlaku baru-baru ini yang mengakibatkan lebih kurang lima orang kehilangan nyawa;
- (ii) tidakkah ada cadangan agar lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban dipasangkan telefon kecemasan sebagaimana yang telah dipasang di antara lebuh raya Seremban-Air Keroh bagi kemudahan orang awam; dan
- (iii) tidakkah ada cadangan pihak lebuh raya Persekutuan menambahkan lagi lorong-lorong di tol lebuh raya Sg. Besi-Seremban memandangkan setiap hari kebesaran dan juga cuti-cuti panjang terutamanya dari Seremban hendak masuk ke pintu bayaran tol dari Seremban-Kuala Lumpur kenderaan-kenderaan terpaksa menunggu hingga berbatu-batu jauhnya.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhat Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan yang pertama:

- (i) Kerajaan telahpun mengadakan peruntukan undang-undang

bagi melarang kenderaan daripada diletakkan di bahu-bahu jalan sepertimana yang ditakrifkan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu bahu jalan adalah sebahagian daripada jalan raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenderaan-kenderaan adalah dilarang sama sekali diletakkan di bahu-bahu lebuh raya tanpa sebarang sebab kecuali dalam keadaan kecemasan sahaja. Sekiranya perkara tersebut dilakukan, ianya adalah menjadi suatu kesalahan dan jika sabit kesalahannya, pemandu berkenaan boleh didenda sehingga kadarmaksimum \$1,000. Kerajaan telahpun menyediakan tempat-tempat letak kereta atau lay-by, dengan izin, yang khas, jika pemandu-pemandu hendak berhenti atau sebagainya.

Berhubung dengan kemalangan yang berlaku di Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban yang mengorbankan 5 nyawa tersebut, saya telah difahamkan bahawa kenderaan yang berhenti tersebut telah mengalami kerosakan dan pelanggaran yang berlaku itu adalah suatu perkara yang sangat mendukacitakan. Dalam hal ini suka saya mengingatkan pemandu-pemandu kenderaan supaya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sekiranya mereka terpaksa memberhentikan kenderaan mereka di bahu-bahu jalan oleh sebab kerosakan atau sebagainya.

- (ii) LLN memang mempunyai cadangan supaya Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban dipasangkan sistem telefon kecemasan sebagaimana yang telah dipasang di atas Lebuh raya Seremban-Air Keroh. Di samping itu, pihak

LLN juga bercadang untuk menyediakan segala aspek kemudahan-kemudahan awam di keseluruhan rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan.

Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan program penswastan Lebuhraya Utara-Selatan, maka segala rancangan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam itu akan dilaksanakan oleh syarikat swasta yang akan mengendalikan serta menguruskan rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan ini.

Ketiga, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) memang ada rancangan untuk menambahkan lagi lorong-lorong laluan di Plaza Tol Sungai Besi, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban untuk mengatasi masalah kenderaan-kenderaan yang terpaksa menunggu lama di pintu bayaran tol berkenaan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana Kerajaan telah menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan, maka rancangan untuk menambahkan lagi lorong-lorong laluan Plaza Tol Sungai Besi itu khusus untuk kenderaan-kenderaan yang hendak masuk ke pintu bayaran tol akan dilaksanakan oleh syarikat swasta yang telah dilantik untuk melaksakan program penswastan Lebuhraya Tol Utara-Selatan.

Walau bagaimanapun, buat masa ini, beberapa langkah sementara yang telah diambil untuk mengurangkan kesesakan lalulintas pada hari-hari berkaitan termasuklah mengadakan kawalan lalulintas oleh Unit Penguatkuasaan Peronda Lebuhraya. Di samping itu pihak Unit Penguatkuasaan Peronda Lebuhraya telah mengarahkan lalulintas dari Seremban yang hendak ke Kuala Lumpur supaya keluar dari Lebuhraya dengan memasuki persimpangan bertingkat di Kajang dan juga melalui Plaza Tol UPM di Serdang.

Pada masa-masa tertentu kakitangan LLM telah diarahkan supaya membantu pengguna-pengguna Lebuhraya menyediakan tukaran wang yang secukupnya untuk bayaran tol semasa memasuki ke pintu pembayaran tol berkenaan.

Untuk langkah jangka panjang, LLM sedang merancang untuk melaksanakan beberapa lorong laju, fast lanes, dengan izin, untuk digunakan oleh pengguna-pengguna lebuhraya yang sedia mempunyai tukaran wang yang secukupnya untuk membayar tol,

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kemudahan-kemudahan awam diberi di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, adakah pihak Kementerian bercadang membina tandas awam. Buat masa kini, oleh sebab saya selalu menggunakan lebuhraya itu, saya dapati langsung tidak ada kemudahan tandas di sepanjang lebuhraya tersebut dan saya selalu nampak para pemandu kereta terpaksa berhenti dan memasuki estet berhampiran bagi menyelesaikan keceemasan (*Ketawa*) dan mereka selalu mengadu apabila mereka memasuki estet kerana membuat sesuatu itu, mereka digigit oleh nyamuk. (*Ketawa*). Jadi bagi kaum lelaki adalah mudah, tetapi bagi kaum perempuan adalah sukar sedikit. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberikan satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerianya akan membina tandas dan memberikan keutamaan dalam projek ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Saya sedar Ahli Yang Berhormat itu

memang selalu memperhatikan kesuasan khasnya para wanita. Pada masa dahulu, saya masih ingat beliau sudah membela seorang penyanyi wanita di Dewan ini dan sekarang beliau juga mempunyai idea untuk membuat tandas khas bagi wanita. Jadi pihak Kementerian sendiri akan mengambil perhatian di atas syor yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan tindakan yang telah diambil iaitu berhubung dengan pertanyaan yang saya buat. Di sini saya hendak buat soalan tambahan sedikit yakni masih lagi kita lihat kenderaan yang rosak sentiasa sekarang ini mereka itu menaruh tanda-tanda kecemasan, kadang-kadang pokok kayu, kadang-kadang kerusi, kadang kala meja sebagai tanda yang berdekatan pada kenderaan itu. Oleh itu saya di sini mencadangkan supaya pihak Kementerian mengambil usaha yang lebih ketat kerana di lebuh raya selalu kita memandu begitu laju, tak sempat untuk brake dan sebagainya. Kita mengharapkan supaya satu tanda kecemasan harus disediakan oleh tiap-tiap kenderaan yang mesti menyimpan tanda-tanda itu dan apabila kecemasan berlaku, senang sahaja dan tidak payah menggunakan kerusi, meja atau kain merah yang direntangkan di tepi-tepi jalan bagi menandakan kecemasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa soalnya?

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalnya, saya mengharapkan pihak Kementerian supaya mernbekalkan tanda-tanda itu kepada pihak kenderaan-kenderaan. Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu baru soalan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak 'fair' jikalau pihak Kementerian dikehendaki membekalkan tanda-tanda kereta rosak itu kepada tiap-tiap kenderaan. Kalau dapat kita ambil.....

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Minta laluan, bukan Kementerian beri, tetapi Kementerian mengarahkan mereka menyediakan atau membeli.

Tuan Luhut Wan: Sekarang betullah, tadi dia suruh kita bagi. (*Ketawa*) Ya, kita ambil ingatanlah.

TABUNG HAJI - BILANGAN SYARIKAT SWASTA

8. **Wan Omar bin Wan Majid** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan syarikat swasta yang telah didaftarkan oleh Tabung Haji (LUTH) bagi membawa Jemaah Haji Negara ini ke Mekah:

- (a) nyatakan nama dan alamat syarikat tersebut;
- (b) apakah syarat-syarat yang dikehendaki oleh LUTH bagi membolehkan sesebuah syarikat didaftarkan; dan
- (c) adakah LUTH akan menghadkan bilangan syarikat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan (a), terdapat enam buah syarikat swasta telah diluluskan oleh Tabung Haji untuk mengendalikan jemaah-jemaah haji Malaysia secara

bersendirian ke Tanah Suci pada tahun ini. Syarikat-syarikat tersebut ialah:

Nama/Alamat syarikat:	Bilangan jemaah haji:
(1) Asari Murni Agensi, No. 4040, Tamari Mutiara, Jalan Sultanah, Alor Setar, Kedah	130 orang
(2) Triways Travel & Tours Sdn. Bhd., No. 20, Jalan Tun Mohd. Fuad, Kuala Lumpur	234 orang Taman Tun Dr. Ismail,
(3) Citra Travel & Tours Sdn. Bhd., F-1, Jalan Bayan, Kota Bharu, Kelantan	73 orang
(4) SMAS Travel Sdn. Bhd., Tingkat Bawah Annexe Block, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur	33 orang
(5) Blue Moon Sdn. Bhd., Tingkat I, Wisma Merlin, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur	76 orang
(6) Batuta Travel & Tours Agency Sdn. Bhd., No. 9, Tingkat 1, Bangunan Astaka, Stadium Sultan Mohamed Ke IV, Kota Bharu, Kelantan	100 orang

Soalan (b), syarat-syarat yang ditetapkan oleh Tabung Haji kepada syarikat-syarikat swasta adakah seperti berikut:-

- (1) Syarikat perlu menandatangani Perbendaharaan Malaysia sejumlah \$30,000.
- (2) Syarikat juga perlu memberi kepada Tabung Haji:
 - (i) jaminan bank atas kadar \$2,500 seorang bagi bakal Haji Semenanjung Malaysia, \$2,690 seorang bagi Sarawak dan \$2,840 seorang bagi Sabah; atau
 - (ii) jaminan bank sejumlah \$100,000 mana yang kurang.

Jaminan bank ini adalah untuk menjamin adanya wang tam-

bang bagi jemaah-jemaah haji sekiranya pihak syarikat swasta gagal mendapatkan pesawat bagi mereka di saat-saat akhir.

- (3) Syarikat perlu membayar kepada Tabung Haji sebanyak \$60 bagi setiap jemaah hajinya bagi membolehkan mereka mendapat rawatan perubatan dari Rom-bongan Perubatan Malaysia di Tanah Suci.
- (4) Syarikat mengatur sendiri penerbangan/tiket/visa haji bagi jemaah hajinya.
- (5) Syarikat boleh menggunakan Pasport Antarabangsa Malaysia bagi jemaah hajinya.
- (6) Syarikat menguruskan sendiri perumahan jemaah hajinya di Mekah dan Madinah dengan pihak Muassasah di sana tetapi

Muassasah dan Tabung Haji hendaklah meluluskan rumah-rumah yang hendak disewa.

- (7) Syarikat dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian Pengendalian Jemaah haji dengan Tabung Haji.

Syarat-syarat ini adalah untuk memastikan yang syarikat-syarikat tersebut dapat menjamin untuk menguruskan jemaah haji menunaikan haji dengan baik dan sempurna.

Jawapan (c), jumlah syarikat-syarikat swasta tidak dihadkan tetapi hanya dibenarkan membawa tidak lebih dari 5% dari jumlah keseluruhan bakal-bakal haji setiap tahun.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu syarat-syarat yang diberikan kepada pihak swasta dalam menguruskan jemaah-jemaah haji ini, apakah mereka juga bebas memilih penerbangan-penerbangan lain daripada MAS, seperti penerbangan Saudi Arabia dan sebagainya atau daripada lain-lain penerbangan dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebilangan jemaah haji yang baru-baru ini tidak dapat pergi mengikut jadual yang diaturkan oleh swasta, menyebabkan banyak kerugian yang telah menimpa kepada jemaah haji seperti mana yang dibenarkan kepada pihak swasta ini menganjurkan penerbangan ke Mekah.

Tuan Olhman bin Abdul: Untuk soalan yang pertama, sememangnya kita mementingkan syarikat-syarikat swasta ini bagi menggunakan penerbangan MAS untuk ke Mekah.

Soalan kedua, inilah sebagai salah satu daripada kerugian yang akan dialami oleh bakal-bakal haji jika sekiranya mereka berkehendakkan untuk mengikuti rombongan syarikat-

syarikat swasta. Dengan sebab itu, kita lebih menggalakkan supaya bakal-bakal haji Malaysia menggunakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebagai satu agensi Kerajaan yang mengendalikan pemergian para jemaah haji ke Mekah.

Memang kita sedar tentang kejadian itu yang telah pun berlaku di beberapa buah tempat, di beberapa kawasan, di negeri yang telah kita kenal pasti dan kita menyiasat tentang soal ini, jika didapati syarikat yang kita telah beri kebenaran tidak dapat mengendalikan pemergian ini dengan baik, maka pada tahun hadapan kita akan memotong dari senarai kelulusan yang diberikan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

SOVIET UNION MENGUNDURKAN TENTERANYA DI AFGHANISTAN

9. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sikap dan langkah yang telah diambil berikutan dengan niat Soviet Union untuk membatalkan rancangannya berundur dari Afghanistan seperti yang dipersetujui di Persidangan Geneva memandangkan adanya sokongan Pakistan dan Amerika yang berterusan kepada Mujahiddin; dan
- (b) adakah Kerajaan membuat bantahan kepada Kerajaan India yang mengambil sikap membantu regim Najbullah semasa pengunduran tentera Soviet itu kerana itu bererti campur tangan dalam urusan rumah tangga Afghanistan.

Menteri Lnar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia mengalukan keputusan Kerajaan Soviet

Union untuk mengundurkan tenteranya daripada Afghanistan. Walaupun Kerajaan Soviet Union ada berura-ura untuk membatalkan pengunduran tenteranya itu, pembatalan itu masih belum dibuat dan proses pengunduran tersebut masih terus dijalankan.

Kerajaan Malaysia amat berharap supaya pengunduran oleh tentera Soviet daripada Afghanistan ini dilakukan sepenuhnya. Pengunduran sepenuhnya tentera Soviet ini adalah penting kerana pada pandangan kita ianya akan memberi peluang kepada rakyat Afghanistan mencari penyelesaian politik di antara mereka sama sendiri tanpa campur tangan pihak luar.

Berhubung dengan soalan kedua, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia tidak merasakun perlu untuk membuat bantahan kepada Kerajaan India. Terpulanglah kepada pihak Mujahiddin sendiri untuk berhubung dengan Kerajaan India mengenai perkara itu.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri, negara-negara manakah yang telah hadir di dalam Persidangan Geneva yang disebutkan itu dan apakah persetujuan yang telah dicapai serta apakah sumbangan Malaysia terhadap masalah yang timbul itu?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengalu-alukan perjanjian damai tersebut iaitu yang telah diadakan pada 15hb Mei, 1988 yang mana pihak-pihak Soviet Union, pihak Kerajaan Afghanistan yang ada sekarang iaitu yang diketuai oleh Najbullah dan juga pihak Pakistan dan India telah hadir bersama. Kita mengalu-alukan kerana adalah menjadi hasrat kita juga iaitu seperti mana yang telah kita suarakan beberapa kali di Pertubuhan Bangsa-

bangsa Bersatu dan juga di Pertubuhan Negara-negara Islam iaitu supaya rakyat Afghanistan diberi kebebasan untuk menentukan Kerajaan mereka sendiri tanpa apa-apa campuran atau campur tangan daripada pihak-pihak luar ataupun pihak-pihak asing. Kita akan terus memberi sumbangan sedemikian menyuarakan agar pengunduran dan perdamaian telah dicapai akan berterusan di mana-mana forum juga yang kita menyertainya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan kita telah mengalu-alukan mengenai dengan perjanjian damai mengenai dengan pengunduran Soviet Union di negara Afghanistan. Apakah dengan pengunduran itu bererti negara Afghanistan sudah bebas daripada cengkaman politik Soviet Union sama ada secara langsung atau pun tidak. Apakah dengan pengunduran itu negara kita akan mengkaji kembali tentang hubungan dengan negara Afghanistan tersebut.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, proses pengunduran tentera Soviet dari Afghanistan mengambil masa dalam tempoh 9 bulan iaitu mulai daripada 15hb Mei hingga 15hb Februari tahun hadapan. Kita akan membuat kajian seterusnya apabila semua tentera Soviet keluar daripada negara Afghanistan. Pada masa ini kita tidak boleh menyatakan bahawa ianya bebas daripada cengkaman Soviet Union kerana ada lagi sebahagian daripada tentera-tentera yang ada di sana. Kita akan mengikuti perkara ini selanjutnya dan akan membuat ketetapan apabila tiba masanya kelak.

KARYA CHINA DITERJEMAHKAN DALAM BAHASA MALAYSIA

10. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan su-

sulan yang diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyahut seruan Menteri untuk menterjemahkan karya-karya China seperti Confucius ke dalam Bahasa Malaysia. Jika masih belum dilaksanakan apa-apa perancangan mahupun pelaksanaan dan mengapa. Bilakah agaknya usaha ini dapat mula dilaksanakan.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun mengambil langkah-langkah perlu bagi memesatkan penterjemahan karya-karya besar dari Eropah, Arab, China dan India. Di antara usaha-usaha ini termasuklah usaha menterjemah karya ahli-ahli fikir yang terkenal.

Merujuk kepada karya-karya dalam bahasa China, ingin saya memaklumkan bahawa usaha sedang dijalankan untuk menterjemahkan karya penting mengenai sejarah falsafah China "A History of Chinese Philosophy" karangan seorang sarjana yang terkenal Fung Yu-Lan dan penerbit asalnya ialah Princeton University Press. Kita jangka bahawa penerbitannya boleh disiapkan pada akhir tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun hadapan. Di samping itu beberapa usaha telah dijalankan oleh jawatankuasa khas dalam bidang ini yang melibatkan usaha-usaha menterjemah karya-karya lermasuk oleh filsuf Kungfutse, Meng-tse dan Lao-tse.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian di atas usaha-usaha yang telah diambil dan seterusnya saya ingin mendapat tahu daripada segi karya-karya India ini, adakah karya "Thirukkural" meliputi dalam usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Pada peringkat awal Thirukkural memang

termasuk tetapi oleh kerana MIC nampaknya telah menjalankan kegiatan itu, kita tumpukan kepada pengarang-pengarang dan ahli-ahli fikir yang lain pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ada satu jawatankuasa khas untuk menetapkan karya manakah yang dipilih sebagai karya yang penting untuk diterjemahkan. Sebab yang disebutkan tadi yang pentingnya ada 4 buku. Daripada 4 Confu-tse buku itu mana yang dipilih? Adakah pakar-pakar untuk menentukan hal yang sedemikian.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Jawatankuasa Penerbitan ini membahaskan beberapa karya penting dalam bahasa-bahasa yang dimaksudkan tadi dan untuk bahasa Cina juga kita telah menerima beberapa pandangan dari sarjana-sarjana tempatan dan juga karya-karya yang dianggap penting umpamanya kalau 'Four Analects' ataupun 'History of Chinese Philosophy.' Itu merupakan karya-karya yang dianggap asas yang penting dibaca oleh semua cendekiawan. Oleh yang demikian kita memikirkan adalah ini tidak sangat rumit untuk menetapkan karya-karya penting untuk diterjemahkan.

Walau bagaimanapun memang ada Jawatankuasa yang menggabungkan pandangan sarjana-sarjana termasuk wakil dari universiti tempatan.

ELAUN BULANAN ORANG-ORANG TUA

11. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kebajikan Masyarakat menya-takan:

- (a) adakah Menteriannya akan menambahkan lagi elaun bulanan orang-orang tua di rumah-rumah kebajikan orang-orang tua dari \$50.00 kepada \$70.00;

dan

(b) jika ya, bilakah ia akan bermula.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak bercadang untuk menambahkan bantuan kepada orang-orang tua daripada \$50.00 kepada \$70.00.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Basri bin Bajuri.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Basri bin Bajuri tidak hadir).

INDUSTRI PELANCONGAN - USAHA MEMAJUKAN

13. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat oleh pihak Kementerian berkenaan untuk memajukan industri pelancongan di Negeri Sabah; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk membuka sebuah kawasan di Malaysia Timur khususnya di Negeri Sabah untuk dijadikan kawasan bebas cukai, sebagai salah satu cara untuk menarik pelancong-pelancong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam usaha untuk membangunkan industri pelancongan di negara ini, ianya bergantung kepada kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana kedua-dua pihak mempunyai peranan yang sama penting. Bagi Kerajaan Pusat, melalui Perbadanan

Kemajuan Pelancongan Malaysia telah dan sedang menjalankan aktiviti penggalakan bagi menonjolkan satu-satu kawasan.

Dalam hal ini, semua aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, Negeri Sabah telah ditonjolkan sebagai salah satu tarikan pelancong yang menarik seperti tempat-tempat peranginan, keadaan alam semula jadi, ciri-ciri kebudayaan dan kesenian.

Kerajaan juga membantu memajukan industri pelancongan dalam bentuk infastruktur dan kemudahan pengangkutan seperti pengangkutan udara daripada pasaran-pasaran utama. Keupayaan Kerajaan Pusat dalam hal ini bergantung kepada keizinan peruntukan, hak pendaratan (landing rights) yang dibenarkan oleh Kerajaan-kerajaan asing dan lain-lain.

Ingin juga saya tekankan di sini, Kerajaan Negeri juga mempunyai peranan yang penting seperti memelihara kebersihan dan keindahan kawasan-kawasan yang terpilih untuk dilawati oleh para pelancong dan meningkatkan mutu perkhidmatan serta layanan untuk pelancong-pelancong.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan kedua, pihak Kementerian sedar bahawa kawasan bebas cukai merupakan satu cara bagi menarik pelancong. Walau bagaimanapun Kerajaan belum lagi mempunyai rancangan untuk mengadakan kawasan bebas cukai di negeri Sabah buat masa ini. Oleh itu para pelancong boleh membeli barang-barang bebas cukai

di kedai bebas cukai di Lapanganterbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No.14 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

TANAMAN JAGONG - KAJIAN

15. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini apakah keputusan kajian tanah yang sesuai untuk projek tanaman jagong di Negara kita. Dari manakah jagong-jagong yang diimport ke Negara kita sekarang ini dan apakah makanan utama yang diproses dari jagong.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, kajian tanah bagi tanaman jagong menunjukkan negara kita mempunyai kawasan kesesuaian tanah yang terhad. Di samping itu, kedapatan tanah (availability) yang keadaan fizikalnya sesuai adalah juga terhad kecuali tanah-tanah padi yang terbiar. Tanaman jagong pula memerlukan kawasan agro-iklim yang mempunyai musim kering (dry period) yang jelas seperti kawasan utara Semenanjung Malaysia yang meliputi negeri Perlis, sebahagian negeri Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan.

Pada tahun 1986, negara mengimport jagong sebanyak 1,200,944.12 tan metrik bernilai \$316.34 juta. Dahpada jumlah tersebut, sebanyak 1,072,547.3 tan metrik bernilai \$280.9 juta atau 89% adalah diimport dari Thailand sementara bakinya diimport dari Argentina, China, Kenya dan negara-negara yang lain.

AKHBAR STAR, SIN CHEW JIT POH DAN WATAN - PENERBITAN SEMULA

16. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada syarat-syarat dikenakan ke atas akhbar-akhbar Star, Sin Chew Jit Poh dan Watan untuk membolehkannya diterbitkan semula selepas ianya digantung sejak 28hb Oktober, 1987. Jika ada, apakah syarat-syarat itu; dan
- (b) jumlah bilangan perjumpaan dan taklimat dipanggil dan diberikan oleh Kementeriannya bagi pengarang-pengarang akhbar sejak penangkapan beramai-ramai ISA pada 27hb Oktober, 1987. Mengapa taklimat diberikan dan apakah nasihat diberikan kepada pengarang-pengarang akhbar berkaitan tugas mereka dan bentuk laporan berita yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini telah membenarkan akhbar-akhbar The Star, Sin Chew Jit Poh dan Watan diterbitkan semula tanpa sebarang syarat.
- (b) Sejak penangkapan pada 27hb Oktober, 1987 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Kementerian ini telah mengadakan perjumpaan dengan pengarang-pengarang akhbar sebanyak tiga kali. Perjumpaan-perjumpaan tersebut bertujuan mendapatkan kerjasama akhbar-akhbar berkenaan untuk menyiarkan berita-berita dengan penuh tanggungjawab demi mengekalkan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Pengarang akhbar-akhbar berkenaan dina-

sihatkan supaya jangan membesar-besarkan isu-isu sensitif yang boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, minta maaf, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.3,4,12,14 dan 17 hingga 70 adalah diberi di bawah ini).

ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

3. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Orang-orang Asli dan pecahan suku-sukunya di Semenanjung Malaysia. Apakah langkah-langkah yang sedang di susun bagi menyekat eksploitasi hasil pengeluaran (seperti pertanian, kraftangan, ternakan dll.) mereka dari orang tengah. Apakah pihak Kerajaan menyedari bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) mengalami kekurangan kakitangan dan pelbagai kemudahan yang membantut perjalanannya. Apakah langkah-langkah bagi mengatasinya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah Orang-orang Asli di Semenanjung Malaysia sehingga 31.5.1988 adalah 68,935 orang. Mereka terbahagi kepada tiga (3) kumpulan suku kaum yang besar, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli.

Antara langkah-langkah yang disusun oleh JHEOA bagi menyekat eksploitasi hasil pengeluaran masyarakat orang Asli seperti pertanian, kraftangan, ternakan dan sebagainya

dari kegiatan orang tengah adalah seperti berikut :-

- (J) Menubuh dan memajukan Syarikat-syarikat kerjasama di Kampung-kampung Orang Asli;
- (ii) Mengadakan tempat perniagaan seperti Kedai Runcit;
- (iii) Mengawasi serta memperbaiki sistem pemasaran hasil hutan seperti kayu balak, rotan, damar, buluh dan sebagainya;
- (iv) Menganjurkan kursus-kursus untuk memajukan dan meluaskan Seni Perusahaan Kraftangan;
- (v) Menggalakkan Orang-orang Asli menjadi Ahli Koperasi Kijang Mas dan dengan ini dapat mengawal hasil keluaran pertanian dan hasil dari sumber hutan;
- (vi) Melalui Koperasi dapat disalurkan serta memberi bantuan peralatan untuk keluaran hasil pertanian yang maksima;
- (vii) Untuk memastikan hasil Kraftangan Orang Asli mendapat pulangan yang maksima Unit Pembangunan Koperasi telah dan sedang melantik kumpulan-kumpulan Industri Teratak ke arah Orientasi Pengeluaran di kalangan kumpulan-kumpulan tersebut di mana mereka dapat memasarkan dan memajukan hasil-hasil kraftangan tersebut untuk objektif yang tersebut di atas.

Masalah pentadbiran yang melibatkan kekurangan kakitangan dan pelbagai kemudahan bukanlah satu keadaan yang meruncing sangat. JHEOA masih berupaya melaksanakan fungsi dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dengan memuaskan.

SEMBAHYANG TERAWIH - SIARAN LANGSUNG DARI MEKAH

4. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib

minta Menteri Penerangan menyatakan cadangan (RTM) hendak menyiarkan siaran secara langsung Sembahyang Terawih dari Mekah :-

- (a) adakah rancangan ini diadakan pada tiap-tiap tahun
- (b) berapakah kos perbelanjaan dan siapakah penajanya; dan
- (c) adakah Ibadat Haji juga akan diadakan rancangan siaran secara langsung, kalau ada, bila.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):

- (a) Kementerian Penerangan telah dan memang mempunyai cadangan untuk menyiarkan secara langsung sembahyang Terawih dari Mekah pada tiap-tiap tahun, takluk kepada persetujuan pihak Kerajaan Arab Saudi.
- (b) Kos satu siaran yang telah dibuat pada bulan Ramadhan dahulu adalah ditanggung oleh Kerajaan Arab Saudi dan Kerajaan Malaysia. Kementerian Penerangan sedang berusaha supaya kos itu ditampung oleh Kerajaan Arab Saudi dibawah Perjanjian Siaran Nida Ul-Islam. Setakat ini tidak ada penaja bagi rancangan itu.
- (c) Kementerian Penerangan sedang menimbang cadangan untuk menyiarkan rakaman kedudukan Jemaah Haji di Madinah dan di Mekah Al-Mukarramah pada tahun ini. Ini juga tertakluk kepada persetujuan dari Kerajaan Arab Saudi dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan persetujuan itu.

**INDUSTRI KAMPUNG -
PERMOHONAN**

12. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Pembangunah Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) bilangan pemohon yang telah berjaya mendapatkan bantuan di bawah projek BIK dan beberapa ramai pula yang ditolak;
- (ii) berapa lamakah sesuatu permohonan itu memakan masa sebelum diluluskan;
- (iii) apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan setiap pemohon yang berjaya mendapat bimbingan seterusnya dari Kementerian.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):

- (i) Sehingga kini sebanyak 1493 permohonan telah diluluskan di bawah Program Industri Kampung, sementara 1200 permohonan lagi telah ditolak. Ini bermakna 55% daripada permohonan yang diterima mendapat kelulusan sementara 45% lagi di tolak.
- (ii) Masa yang diambil untuk memproses permohonan bergantung kepada beberapa faktor. Sekiranya borang permohonan yang diisi oleh pemohon itu lengkap dan sekiranya kajian serta perakuan oleh agensi pelapor siap dilaksanakan, Kementerian akan mengambil masa antara 1 hingga 2 bulan untuk membuat keputusan. Walau bagaimanapun pembejalan mesin dan peralatan kepada pemohon yang berjaya akan mengambil masa antara 3 hingga 6 bulan kerana pembelian oleh Kementerian perlu dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan kewangan Jabatan yang sedia ada.
- (iii) Kementerian sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan penerima-penerima bantuan di bawah Program Industri Kam-

pung untuk memastikan kejayaan mereka. Sebenarnya pada peringkat awal lagi, iaitu sebelum permohonan diluluskan, Kementerian akan membuat kajian dari segi dayamaju projek dan potensi pemohon. Pemohon-pemohon juga akan dirujuk kepada agensi-agensi berkaitan untuk mendapat khidmat bimbingan atau nasihat pakar dalam bidang-bidang tertentu sebagai usaha mempertingkatkan kemahiran, pengurusan, teknologi, pengeluaran serta pemasaran. Setelah mendapat bantuan di bawah Program ini kemajuan mereka akan dikesan melalui laporan suku tahun dan lawatan pegawai-pegawai dari semasa ke semasa. Jika perlu, bantuan mesin tambahan juga akan dipertimbangkan. Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan kejayaan mereka.

MINI HIDRO SAYAP

14. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan prestasi kerja pelaksanaan Mini Hydro di Kg. Sayap, Kota Belud.

Tuan Ong Tin Kim: Kerja Projek Mini Hidro Sayap terbahagi kepada tiga kontrek iaitu, kerja kejuruteraan awam, kerja pembekalan dan pemasangan alat turbin/generator dan pemasangan talian penghantaran ke kampung-kampung dan pengguna. Prestasi kerja bagi projek ini adalah seperti berikut:-

KERJA KEJURUTERAAN AWAM

Kerja ini telah bermula pada bulan Julai 1986 dengan pemilihan tapak oleh pihak kontraktor. Sesungguhnya kerja ini dijadualkan siap pada November 1987 akan tetapi timbul beberapa masalah berkaitan dengan perkara-

perkara berikut:

- (a) pembuatan dan pemasangan paip keluli di tapak bina;
- (b) kerosakan ampangan kecil akibat banjir;-
- (c) pengubahsuaian reka bentuk rumah janakuasa selaras dengan keperluan tertentu timbul daripada rekabentuk alat turbin dan generator.

Masalah-masalah tersebut di atas adalah masalah teknikal yang dihadapi oleh Lembaga yang telah memakan masa untuk menyelesaikannya. Kedudukan masalah tersebut baru sahaja diselesaikan dan kontraktor telah diberi arahan untuk meneruskan kerja-kerja mereka. Jika tidak ada masalah lagi maka dijadualkan kerja-kerja kejuruteraan awam ini dijangka akan siap pada bulan Jun 1989.

KERJA PEMBEKALAN ALAT TURBIN/GENERATOR

Alat turbin dan generator daripada negara China telah pun tiba di Sabah dan hanya menunggu penyiapan kerja-kerja kejuruteraan awam sebelum dipasang. Mengikut jadual pemasangan ini akan bermula pada bulan Mei 1989 dan siap pada bulan Ogos, 1989.

KERJA-KERJA PEMASANGAN TALIAN PENGHANTARAN

Kerja ini masih dalam proses penawaran. Mengikut jadual yang ada, kerja pemasangan ini akan bermula pada penghujung tahun ini dan dijangka akan siap dalam masa setahun iaitu sebelum bulan Disember 1989.

Lembaga Letrik Sabah sedang bergiat untuk menyelenggarakan kesemua kerja dan menyelesaikan masalah berbangkit untuk tujuan menyiapkan projek mengikut jadual. Dengan tujuan tersebut diharap bahawa projek ini terus berjalan lancar demi untuk

memenuhi objektifnya iaitu pembe-
kalan tenaga elektrik di perkampungan
sekitar Kg. Sayap.

LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT - KEUNTUNGAN

17. Tuan Ghazali bin Ahmad minta
Menteri Kebajikan Masyarakat menya-
takan :

- (a) berapa banyak keuntungan hasil
jualan loteri kebajikan masyara-
kat pada tiap-tiap tahun sejak
1981 - 1987;
- (b) dalam tempoh tersebut bagi
tiket-tiket yang tidak dituntut
oleh pemegang, berapa banyak
yang disimpan di Lembaga
tersebut, dan
- (c) bagaimana cara pembahagian
dari keuntungan Lembaga terse-
but untuk sumbangan kepada
masyarakat.

Tuan Mustaffa bin Mohammad:

- (a) Keuntungan hasil mengikut
akaun tahunan yang telah
diauditkan bagi tempoh 1981
hingga 1986 adalah seperti
berikut:-

1981 :	: \$18,679,835
1982 :	: \$21,621,320
1983 :	: \$24,120,436
1984 :	: \$24,702,851
1985 :	: \$29,749,570
1986 :	: \$36,906,741

Akaun tahunan 1987 masih
dalam semakan pihak audit.
Mengikut anggaran, keuntung-
an hasil bagi tahun 1987 ialah
sebanyak \$38,633,771.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang
Berhormat, bagi tempoh yang
tersebut, jumlah hadiah yang
tidak dituntut oleh pemenang-
nya ialah lebih kurang sebanyak
\$21.0 juta. Mengikut Akta 252,
Lembaga Loteri tidak dibenar-
kan menyimpan wang itu.

Seperti yang dikehendaki oleh
Akta tersebut, selepas tiga bulan
dari tarikh cabutan, wang itu
adalah dikreditkan kepada
Kumpulan Wang Yang Disatu-
kan.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang
Berhormat, Akta tersebut juga
memperuntukkan supaya ke-
untungan daripada cabutan
loteri perlu digunakan untuk
tujuan membiayai kegiatan-
kegiatan kebajikan dan juga
sosial. Bagi melaksanakan tuju-
an tersebut, Kerajaan telah
menubuhkan satu Tabong Ama-
nah di bawah Jabatan Perdana
Menteri. Tabong ini diisikan
tiap-tiap tahun dengan perun-
tukan daripada Kumpulan
Wang Yang Disatukan. Tabong
Amanah ini adalah digunakan
untuk membiayai kegiatan-
kegiatan kebajikan dan sosial
mengikut Akta 252 yang saya
sebutkan tadi.

BARANGAN SIAP TEMPATAN

18. **Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar**
minta Menteri Perdagangan dan
Perindustrian menyatakan apakah
sebab-sebabnya permintaan dari dalam
(local demand) terhadap barangan siap
tempatan tidak meningkat seperti
permintaan dari luar terhadap barang
yang sarna. Adakah ini bermakna
bahawa pertumbuhan KDNK pada
kadar 4.7% pada tahun 1987 dan lebih
5% yang dijangka untuk 1988, tidak
mencerminkan peningkatan pendapat-
an di kalangan rakyat berpendapatan
rendah yang merupakan pembeli utama
barangan ini. Sampai bilakah dijangka
tahap permintaan dalam negeri akan
berkeadaan statis

**Timbalan Menteri Perdagangan dan
Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat) :**
Permintaan terhadap barang siap
tempatan adalah bergantung kepada
situasi ekonomi negara. Dalam keadaan

ekonomi negara yang lembab, para pengguna begitu berhati-hati dalam membuat keputusan untuk membeli sesuatu barangan. Oleh hal yang demikian, para pengguna terpaksa membuat pembelian terhadap barang-barang perlu sahaja dan mengurangkan pembelian terhadap barang-barang mewah. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan permintaan terhadap barang siap tempatan. Walau bagaimanapun dengan pertumbuhan ekonomi yang sedang berlaku, maka akan meningkat kuasa beli dalam negeri dan ini akan mendorong permintaan keatas barangan keluaran tempatan.

HARGA GETAH MENTAH

19. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab apakah kenaikan harga getah mentah dalam bulan Mei ke Jun begitu hebat dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk menstabilkan harga getah tersebut oleh kerana jika tidak, akibat yang berlaku dengan harga bijih timah pada tahun 1985 boleh juga berlaku dengan harga getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md.Ali): Faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga getah sejak kebelakangan ini adalah seperti berikut :-

- (a) Permintaan yang melebihi penawaran berikutan pemulihan ekonomi dunia yang menyeluruh serta pertambahan permintaan terhadap sarung tangan serta lain-lain barangan getah ekoran penyakit AIDS.
- (b) Kekurangan bekalan dari negara-negara pengeluar utama akibat musim daun gugur serta musim tengkujuh yang agak panjang.
- (c) Perubahan nilai matawang terutama dibandingkan antara matawang Malaysia dengan nilai

matawang utama yang lain seperti pound, yen dan German Mark yang mana menaikkan harga bahan tersebut dalam matawang Malaysia.

- (d) Pembelian spekulatif di pasaran Jepun. Walau bagaimanapun aktiviti ini nampaknya telahpun berkurangan pada akhir-akhir ini dan ini telah menyebabkan harga getah pulih ke paras yang lebih stabil.

Berikutan kenaikan harga getah sejak kebelakangan ini, beberapa kawasan tanaman getah yang sebelum ini diabaikan telah mula diusahakan semula. Keadaan ini amat menggalakkan dan membantu usaha-usaha Kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran getah asli yang mana salah satu daripada usaha tersebut ialah menggalakkan pekebun kecil di bawah Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) RISDA untuk menjual susu getah untuk menambahkan bekalan susu getah. Di samping itu penjualan getah asli dari Stok Penimbal Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) juga telah menambahkan bekalan getah asli dalam pasaran dan dengan berakhirnya musim daun gugur serta hujan, pengeluaran dan penawaran akan pulih ke paras biasa dalam sedikit masa lagi.

Mengenai kebimbangan Ahli Yang Berhormat terhadap harga getah yang mengaitkan dengan kejatuhan harga bijih timah pada tahun 1985, perkara ini tidak sewajarnya dikhuatiri kerana pasaran getah adalah ditentukan oleh faktor-faktor pasaran dan faktor spekulasi yang telahpun berkurangan bukanlah merupakan faktor yang penting.

BANGUNAN PEJABAT POLIS SUNGAI PETANI

20. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri

• **Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Kementerian Kewangan memang sedar bahawa dalam tuntutan berkaitan dengan polisi pampasan pekerja terdapat kes-kes di mana pihak syarikat-syarikat insurans enggan membayar atau membayar amaun yang kurang daripada jumlah yang dituntut oleh mereka yang cedera, walaupun jumlah tuntutan itu telah ditaksir dan disokong oleh Jabatan Buruh.

Masalah ini berlaku biasanya disebabkan oleh kesilapan-kesilapan majikan sendiri yang diantara lain tidak mengambil nilai insurans yang secukupnya untuk melindungi pekerja-pekerja mereka dan ada kalanya pihak majikan tidak mematuhi syarat-syarat perlindungan yang telah dipersetujui di antara mereka dengan syarikat-syarikat insurans. Dengan sebab itu berlakulah perbezaan di antara jumlah yang dibayar oleh syarikat insurans dengan jumlah yang dituntut oleh pekerja yang cedera. Dalam kes seumpama ini, pihak majikanlah yang sepatutnya memastikan bahawa pembayaran secukupnya dibuat kepada pekerja-pekerja mereka yang berkenaan.

Dalam aduan-aduan mengenai kes seumpama ini, Bank Negara biasanya menasihatkan agar pekerja-pekerja mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan pembayaran yang sewajarnya daripada majikan mereka. Bagaimanapun, sekiranya ada kes-kes yang boleh dikaitkan dengan syarikat-syarikat insurans, Bank Negara akan meminta syarikat-syarikat insurans berkenaan berusaha mencari penyelesaian yang memuaskan semua pihak.

LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS CUKAI

24. **Tuan Zubir bin Embong** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan Pulau Langkawi sejak ianya di isytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas Cukai. Sejauh mana persediaan dan

kemudahan bagi memperkembangkan kemajuan pulau tersebut selaras dengan kedudukannya sebagai Pelabuhan Bebas Cukai.

Tuan Othman bin Abdul: Pulau Langkawi telah diisytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas Cukai mulai daripada 1 Januari 1987. Pengisytiharan itu telah memberikan galakan baru bagi pembangunan Langkawi. Mulai dari tarikh tersebut Kerajaan Negeri Kedah telah menerima banyak cadangan daripada pelabur-pelabur untuk menyediakan berbagai prasarana seperti ruang perniagaan, penginapan dan juga perumahan. Salah satu daripada cadangan projek ruang niaga di Pekan Kuah sedang dalam proses pelaksanaan. Projek ini apabila siap akan menyediakan kemudahan ruang niaga yang lebih baik dan selesa. Dengan tersedianya ruang niaga yang lebih sempurna, adalah diharapkan para peniaga lebih berani untuk menjalankan perniagaan secara agresif.

Pertumbuhan minat pihak swasta setakat ini adalah menggalakkan dan Kerajaan berharap lebih ramai pelabur swasta melabur dalam pasaran bebas cukai di Langkawi. Kerajaan akan menentukan bahawa semua kemudahan asas disediakan untuk menampung berbagai keperluan berkaitan. Sehingga kini Langkawi telahpun mempunyai rangkaian jalaraya, lapangan terbang, bekalan air dan elektrik yang baik. Kerajaan juga sedang dalam proses menaiktaraf jeti di Kuah untuk perkhidmatan yang lebih baik bagi para pelancong yang masuk melalui jalan laut.

TOL DI PONDOK PLAZA - KESELAMATAN

25. **Tuan Nurnikman Abdullah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keselamatan disemua kaunter

menyatakan samada beliau sedar bahawa bangunan Pejabat Polis di Sungai Petani sangat tua dan tidak sesuai sangat dengan pertambahan penduduk yang sangat pesat sekarang. Keadaan Balai Polis itu menyulitkan. Bilakah Kerajaan bercadang membina Pejabat Polis yang baru dan dimana.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya sedar akan keadaan bangunan Pejabat Polis di Sungai Petani. Kementerian saya merancang untuk membina bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah yang baru pada tahun hadapan di Jalan Tunku Ibrahim, Sungai Petani, Kedah. Insha Allah

BARANG-BARANG JABATAN TELEKOM

21. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah dan nilai stok barang-barang Jabatan Telekom yang diserahkan kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad semasa diswastakan.

Tuan Ong Tin Kim: Jumlah nilai stok barang-barang Jabatan Telekom (barang-barang yang disimpan dalam Setor-Setor Kawasan dan Setor Pusat) yang diserahkan kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad semasa di swastakan pada 1.1.1987 ialah \$429,822,655,18.

LANUN DI PERAIRAN SABAH - KEGIATAN

22. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan :-

(a) Samada memandangkan meningkatnya kegiatan lanun di perairan laut pantai di Sabah dan pernyataan baru-baru ini oleh pihak Polis Merin berhubung kekurangan 400 orang anggotanya, pihak Kerajaan akan menguatkan angkatan tersebut dengan menambah

bilangan anggota dan mengadakan alatan moden untuk memerangi kegiatan lanun-lanun berkenaan;

(b) Sejauh menakah kebenaran kata-kata Tuan Pengarah CID Datuk Ahmad Maulana Babjee baru-baru ini mengenai kegiatan lanun di perairan Sabah adalah "terkawal".

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob : Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar akan masalah kegiatan lanun di perairan Sabah dan telah mengambil langkah-langkah perlu bagi mengatasinya. Hasil dari langkah-langkah yang telah diambil itu pihak polis Marin telah mencapai beberapa kejayaan pada tahun ini. Pihak Polis Marin juga akan dibekalkan dengan 8 buah bot baru yang dijangka dapat digunakan pada penghujung tahun ini. Dengan kejayaan pihak Polis memben-teras kegiatan lanun-lanun itu dan penambahan bot-bot ronda baru keadaan keselamatan di perairan Sabah adalah terkawal.

SYARIKAT INSURANS - BAYARAN PAMPASAN

23. Tuan Haji Mohamed Haji Isa minta Menteri Kewangan menyatakan pihak Kementerian sedar bahawa ada Syarikat-syarikat Insurans enggan membayar pampasan kepada pekerja-pekerja yang menerima kemalangan dan kecederaan waktu kerja/bertugas sedangkan pekerja itu telah memasuki skim insurans, jaminan pampasan serta pula setelah menerima kemalangan telah membuat aduan, pembicaraan serta taksiran dibuat oleh Jabatan Buruh, tetapi masih tidak diambilkira untuk dibuat pembayaran oleh pihak insurans. Jika pihak Kerajaan sedar, apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat berkenaan, dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja dalam hubungan ini.

pembayaran Tol di pondok-pondok Plaza Tol di Semenanjung Malaysia daripada kemungkinan :-

- (a) Dirompak; dan
- (b) Di langgar oleh kenderaan berat atau yang dipandu laju.

Berapakah jumlah wang yang dikutip dari bayaran Tol setiap tahun.

Tuan Luhah Wan: Langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan keselamatan di semua kaunter pembayaran Tol di pondok-pondok Plaza Tol di Semenanjung Malaysia daripada kemungkinan dirompak dan dilanggar oleh kenderaan berat atau yang dipandu laju adalah seperti berikut:-

- (i) Di setiap Plaza Tol LLM ada disediakan seorang pengawal keselamatan beruniform yang bersenjata dan seorang pengawal yang tidak beruniform, yang akan berkawal 24 jam sehari di kawasan pondok Tol dan bangunan pentadbiran Plaza Tol berkenaan.
- (ii) LLM juga ada meminta kerjasama pihak polis untuk membuat rondaan harian di samping rondaan oleh unit penguatkuasa Lebuhraya LLM sendiri ke Plaza-Plaza Tol tersebut.
- (iii) LLM juga telah mengambil insuran untuk bangunan, peralatan Tol dan wang tunai, termasuk yang terdapat di dalam kaunter pondok Tol.
- (vi) Di dalam pondok-pondok Tol juga terdapat loceng kecemasan yang menghubungkannya dengan bangunan pentadbiran bagi memberikan amaran awal, sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Bagi menjamin Plaza Tol tidak dilanggar oleh kenderaan-kenderaan

sebelum memasuki Plaza Tol pula, langkah-langkah berikut telah diambil:-

- (i) Papan-papan tanda yang menyatakan kedudukan Plaza Tol di hadapan telah diletakkan di antara jarak 1000 meter dan 500 meter daripada Plaza Tol yang akan dilalui oleh kenderaan-kenderaan tersebut. Papan tanda tersebut akan membolehkan pemandu-pemandu memperlakukan kenderaan-kenderaan sebelum memasuki Plaza-plaza Tol berkenaan.
- (ii) Setiap pondok Tol pula mempunyai penghadang konkrit yang dikenali sebagai 'Nose' bagi memisahkan pondok-pondok Tol dengan lorong untuk menjaga keselamatan pekerja dan pondok-pondok Tol.
- (iii) Selain daripada itu, di setiap pondok Tol juga terdapat lampu isyarat bagi mengingatkan pemandu supaya berhenti apabila lampu berwarna merah yang menunjukkan lorong itu ditutup atau kenderaan sedang berhenti di lorong tersebut.

Jumlah yang dikutip daripada bayaran Tol setiap tahun adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Hasil (\$)</i>
1982	6,279,672.65
1983	15,440,809.93
1984	21,445,665.72
1985	36,671,603.39
1986	53,100,773.75
1987	65,902,661.11
1988	36,983,655.47

(Sehingga 31 Mei)

Jumlah kutipan Tol keseluruhannya daripada tahun 1982 hingga ke bulan Mei 1988 tersebut adalah berjumlah \$235,824,831.92.

PENYAKIT LEUKEMIA

26. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji

Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai penyakit leukemia di negara ini, setakat manakah penyakit ini boleh diubati dan lama manakah pula seseorang pesakit itu boleh hidup pada keseluruhannya sama ada yang diubati di dalam dan di luar negeri dan sila beritahu sebab-sebab penyakit leukemia ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Penyakit Leukemia berlaku di kalangan orang dewasa dan juga kanak-kanak. Acute Leukemia adakah lebih serius berbanding dengan chronic Leukaemia kerana komplikasi-komplikasinya seperti kekurangan darah, jangkitan kuman dan lain-lain yang boleh menyebabkan kematian.

Rawatan penyakit Leukemia ialah dengan menggunakan ubat-ubatan (chemotherapy), pemindahan sum-sum tulang bagi setengah-setengah kes, dan rawatan-rawatan sokongan (supportive) seperti pemindahan darah dan hasil darah. Cara-cara rawatan ini terdapat di negara Malaysia, secara terhad juga.

Kejayaan rawatan penyakit Leukemia bergantung kepada beberapa faktor seperti jenis Leukemia, umur pesakit, keadaan pesakit semasa diagnosa dan lain-lain. Selepas dirawat, pesakit-pesakit "chronic" Leukemia mempunyai harapan untuk berada dalam keadaan sihat selama di antara 2 hingga lebih 10 tahun dan pesakit acute Leukemia di antara 1 hingga 5 tahun sahaja. Dengan pemindahan sum-sum tulang yang telah dilakukan dengan jayanya, pesakit mempunyai lebih kurang 50% harapan untuk pulih.

Sebab-sebab berlakunya penyakit Leukemia masih belum diketahui dengan jelas. Walau bagaimanapun, beberapa faktor secara kombinasi mungkin memainkan peranan penting iaitu jangkitan virus tertentu, "genetic predisposition", pendedahan kepada bahan-bahan "radioactive" yang berle-

bahan dan lain-lain.

BIASISWA KEPADA PELAJAR-PELAJAR SABAH - MENAMATKAN

27. **Tuan Pitting Haji. Mohd. Ali** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah penyelesaian yang telah dibuat oleh Kementeriannya ke atas kes penarikan/pemberhentian biasiswa ke atas pelajar-pelajar Sabah (di luar negeri) yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri (berdasarkan kepada kerja kajian semula Bahagian Latihan dan Kerjaya) selepas kenyataan yang dibuat oleh Menteri pada 9hb. April, 1987 di Akhbar Harian dengan menekankan bahawa jika biasiswa pelajar-pelajar itu ditarik balik semata-mata kerana keputusan lemah sedangkan pelajar berkenaan masih mampu dan mempunyai kesungguhan mereka harus dibantu:

- (a) berapa orangkah pelajar-pelajar ini yang telah menerima faedah bantuan kementeriannya dalam penyelesaian ini;
- (b) apakah polisi Kerajaan Negeri ini sesuai dikenakan kepada kakitangan Kerajaan yang diberi cuti belajar tanpa gaji;
- (c) bagaimanakah merit dan senioriti pegawai-pegawai itu yang telah menandatangani perjanjian atau 'Bond' dengan Kerajaan Negeri bahawa mereka diberikan biasiswa sehingga menamatkan pengajian mereka hingga ke peringkat Sarjana sebelum polisi 1986 ini diistiharkan;
- (d) wajarlah polisi Kerajaan Negeri ini melibatkan pelajar-pelajar yang telah dihantar sebelum polisi ini diistiharkan;
- (e) apakah penilaian akademik pelajar berkenaan dibuat oleh Kerajaan Negeri, kerana kebanyakan pelajar-pelajar yang ditarik balik atau diberhentikan biasiswa mereka oleh Kerajaan

Negeri ini adalah pelajar-pelajar yang sedang dalam Progres Sarjana dan mereka masih diterima oleh universiti di mana mereka menuntut, ini bererti mereka masih mampu dan mempunyai kesungguhan. Sehingga kini pelajar-pelajar yang menjadi mangsa telah terumbang-ambing menahan kekeciwaan kerana hasrat dan masa depan mereka telah dihancurkan oleh Kerajaan Sabah sendiri, maka jika Kementerian Pendidikan telah mengambil perhatian terhadap masalah ini apakah tindakannya dan jika tidak mengapa keadaan ini terus menyepi begini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah diberitahu oleh Kerajaan Negeri Sabah bahawa tindakan menamatkan biasiswa ke atas sebilangan pelajar tajaan mereka yang menuntut di luar negeri adalah dibuat berdasarkan peraturan-peraturan yang sedia ada tetapi tidak dikuatkuasakan sebelum ini. Langkah ini terpaksa diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha mereka untuk menyelesaikan masalah-masalah pelanggaran syarat biasiswa yang serius oleh sebilangan pelajar. Langkah ini juga diambil bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam tempoh kemelesetan dan untuk memastikan hanya petajar yang benar-benar 'bermotivasi' dan ingin belajar sahaja diteruskan pembiayaan biasiswa mereka.

Saya telah meneliti kes-kes pelajar tajaan Kerajaan Negeri Sabah yang ditamatkan biasiswa dan didapati penamatan biasiswa tersebut dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Jawapan atau ulasan soalan-soalan kepada (a - e) adalah seperti berikut:

- (a) Kementerian Pendidikan telah bersetuju menawarkan biasiswa kepada seorang pelajar yang ditamatkan biasiswa dan bercadang untuk menawarkan biasiswa atau pinjaman kepada dua orang pelajar lain jika prestasi akademik mereka semakin memuaskan. Kementerian Pendidikan tidak dapat menimbang untuk memberi biasiswa atau pinjaman kepada pelajar-pelajar lain kerana kursus-kursus yang mereka ikuti didapati tidak sesuai dengan keperluan Kementerian Pendidikan. Kes-kes pelajar ini juga telah dirujuk kepada agensi-agensi tajaan Kerajaan yang lain dan didapati mereka juga tidak dapat membantu kerana ketiadaan peruntukan atau pelajar-pelajar berkenaan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk diberi pelanjutan biasiswa.
- (b) Peraturan biasiswa yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah adalah meliputi pegawai-pegawai Kerajaan yang diberi Cuti Belajar Tanpa Gaji.
- (c) Perlanjutan pengajian oleh Pegawai-pegawai daripada peringkat Sarjana Muda kepada peringkat Sarjana adalah tertakluk kepada syarat pegawai-pegawai berkenaan memperolehi 'Cumulative Grade Point Average' (CGPA) 2.80. Pegawai-pegawai yang gagal memperoleh CGPA 2.80 di peringkat Sarjana Muda boleh ditamatkan biasiswa mereka hanya setakat Sarjana Muda sahaja mengikut peraturan yang sedia ada.
- (d) Polisi yang dilaksanakan bukan merupakan polisi baru tetapi merupakan polisi yang sedia ada dan tidak pernah dikuatkuasakan sebelum ini.
- (e) Walaupun ada universiti-un-

iversiti yang sanggup menerima pelajar-pelajar ini meneruskan pengajian mereka di peringkat Sarjana walaupun tidak memperoleh CGPA 2.80, tetapi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah ialah hanya pelajar-pelajar yang memperoleh CGPA 2.80 sahaja yang dibenarkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana.

KEBAKARAN BANGUNAN KERAJAAN DI KEDAH

28. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pihak manakah yang bertanggungjawab atas kebakaran beberapa bangunan kerajaan di Perangin, Sik, Kedah pada 5 Jun 1988 dan apakah tindakan sedang diambil untuk membawa mereka ke keadilan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini masih dalam siasatan pihak polis.

SYARIKAT BUMIPUTERA MENDAPAT PERMIT IMPORT

29. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah Syarikat Bumiputera yang masih menjalankan perniagaan mengimport kereta terpakai dengan menggunakan kemudahan Permit Import daripada Kerajaan pada masa ini jika dibandingkan dengan masa-masa yang lepas. Bagaimanakah prestasi syarikat-syarikat tersebut. Adakah Kerajaan bercadang untuk melonggarkan syarat mengimport kereta terpakai ini kepada mereka yang telah dibatalkan kemudahan permit agar mereka dapat memulihkan perniagaan masing-masing.

Dato' Kok Wee Kiat: Pada masa ini jumlah syarikat Bumiputera yang

mendapat kuota import (permit import) kenderaan bermotor jenis kereta terpakai adalah sebanyak 41 syarikat di Semenanjung Malaysia, 8 syarikat di Sabah dan 23 syarikat di Sarawak berbanding dengan tahun lepas (1987) sebanyak 115 syarikat di Semenanjung Malaysia, 12 syarikat di Sabah dan 29 syarikat di Sarawak. Prestasi syarikat-syarikat pemegang kuota yang ada ketika ini adalah memuaskan berikutan dengan adanya usaha Kerajaan mengawasi kegiatan dan urusan mereka. Kerajaan telah bertindak pada bulan September 1987 untuk memperkemaskan kegiatan perniagaan kereta terpakai dengan mengantung dan menarik balik kuota syarikat-syarikat yang terlibat dalam penyalahgunaan lesen import (AP) atau yang telah berhenti perniagaan. Syarikat-syarikat yang telah ditarik balik kuota mereka adalah sebanyak 74 syarikat di Semenanjung Malaysia, 4 syarikat di Sabah dan 6 syarikat di Sarawak. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan kuota yang ada kerana hendak memberi perlindungan kepada industri kereta pemasangan tempatan, dan setakat ini tidak timbul keperluan untuk memulihkan semua kuota-kuota kepada syarikat-syarikat yang telah dibatalkan kuotanya, terutama jika tiada alasan wajar berbuat demikian.

PERJUMPAAN ORANG TAHANAN - PEGUAM DI KEM TAHANAN

30. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tiada 'confidentiality' antara orang-orang tahanan dan peguam-peguam mereka di Kem Tahanan Kemunting kerana pegawai-pegawai kem tersebut sentiasa hadir apabila pertemuan-pertemuan sedemikian di adakan; jika ya, nyatakan satna ada beliau akan memastikan terdapat 'confidentiality' antara orang-orang tahanan dan peguam-peguam mereka di

Kem Tahanan Kemunting sejajar dengan amalan dan etika undang-undang yang ditetapkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Peraturan di bawah Peruntukan 81(5), Kaedah-kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Orang-orang Tahanan) 1960 menetapkan bahawa semasa lawatan keluarga atau peguam berjumpa orang tahanan seorang pegawai adalah ditugaskan bersama bagi memerhatikan perjumpaan itu. Peraturan ini perlu dipatuhi bagi memastikan perjumpaan berkenaan adalah tidak disalahgunakan dengan tujuan-tujuan atau motif yang lain.

AJARAN SESAT

31. Tuan Haji Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latib minta Perdana Menteri menjelaskan:

- (a) sehingga kini berapa banyakkah jumlah kumpulan-kumpulan yang mengamalkan ajaran sesat di seluruh negara;
- (b) apakah nama-nama kumpulan tersebut; dan
- (c) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyekat kelahiran dan perkembangan kumpulan-kumpulan tersebut.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Pada masa ini, Kerajaan telah mengenalpasti 50 kumpulan ajaran sesat dan dari sejumlah itu 28 daripadanya telah disahkan sebagai sesat atau menyeleweng dari ajaran Islam.
- (b) Ajaran tersebut adalah seperti berikut:
 1. Ajaran Taslim
 2. Ajaran Crypto
 3. Ajaran Hassan Anak Harimau
 4. Ajaran Qadiani
 5. Tariqat Naqsyabandiah Prof. Kadirun Yahya

6. Tariqat Muhammadi Al Suhaimi
7. Tariqat Samaniah
8. Ajaran Rohaniyah M.Z. Affendi 1970
9. Ajaran Empat Sahabat
10. Ajaran Abu Bakar Bapu
11. Ajaran Mohd. Nasir Ismail 1975
12. Tariqat Mufarridiah
13. Tariqat Aurad Ismailiah
14. Tariqat Nurul Zaman
15. Tariqat Rokit
16. Tariqat Kabulani
17. Ilmu Laduni 1976
18. Ajaran Tarikatut Islam dan Kumpulan Ikhwan
19. Tariqat Samaniah Ibrahim Bonjol
20. Ajaran P.K.Uyut (Sabah)
21. Tariqat Naqsyabandiah Hj. Kasim Johor
22. Ajaran Cik Maimun
23. Tariqat Tajalli Ahmad Laksamana
24. Ajaran Pendawo Limo
25. Amalan Pemujaan Menyedut Wang dan Harta Karun
26. Ajaran Subud
27. Ajaran Bahai
28. Syed Mohamed Al Mashur

(c) Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyekat perkembangan ini adalah:

1. Memberi penerangan kepada ahli-ahli kumpulan yang terlibat mengenai kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalam ajaran tersebut supaya mereka meninggalkan ajaran itu.
2. Menerbitkan buku-buku dan risalah-risalah penjelasan mengenai kumpulan ajaran sesat untuk disebar kepada orang awam.
3. Memperhebatkan kegiatan dakwah dan penerangan

kepada orang-orang ramai termasuk pegawai Kerajaan untuk menerangkan bahaya ajaran sesat.

4. Menubuhkan Jawatankuasa Petugas Penyelidikan Ajaran Sesat di peringkat kebangsaan bagi tujuan menyelaraskan tindakan ajaran sesat di seluruh negara.

Tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-

1. Memperhebatkan lagi kegiatan penerangan kepada orang ramai melalui mass-media dan khutbah Jumaat.
2. Menerbitkan buku mengenai ciri-ciri ajaran sesat di Malaysia untuk menjadi panduan kepada orang awam.
3. Memperkemas lagi peruntukan enakmen pentadbiran agama Islam negeri mengenai pengawalan dan pembasmian ajaran sesat.

RUMAH KOS RENDAH-JUMLAH

32. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah bilangan unit perumahan kos rendah yang telah dibina dalam tahun 1986 dan bagaimanakah pencapaian pembinaan rumah kos rendah tersebut pada tahun 1987. Jika bilangan unit yang telah didirikan tidak mencapai matlamat yang telah diisytiharkan apakah sebab-sebabnya dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Jumlah unit perumahan kos rendah telah dibina dalam tahun 1986 ialah sebanyak 32,738 unit, iaitu 25,143 unit dibina oleh sektor awam dan 7,595 unit dibina oleh sektor swasta. Bagi tahun

1987 pula pencapaian sebenar yang menyeluruh dan tepat belum lagi diperolehi daripada berbagai agensi yang melaksanakannya setakat ini.

Tiga program utama iaitu Program Perumahan Awam Kos Rendah, Perumahan Skim Pembangunan Tanah dan Program Khas Perumahan Kos Rendah yang telah dapat dikesani pada tahun 1987 mendapat pencapaian seperti berikut:-

- (a) Program Perumahan Awam Kos Rendah sebanyak 5,730 unit disiapkan sementara 13,723 unit di dalam peringkat pembinaan.
- (b) Perumahan Skim Pembangunan Tanah sebanyak 6,978 unit disiapkan
- (c) Program Khas Perumahan Kos Rendah, kemajuannya ialah:-
 - (i) Projek-projek tahun pertama (Julai 1986 hingga Jun 1987) sebanyak 9,148 unit disiapkan dan 29,172 unit diperingkat pembinaan
 - (ii) Projek-projek tahun kedua pelaksanaan (Julai 1987 hingga Jun 1988) sebanyak 2,3-71 unit disiapkan dan 12,683 unit di dalam peringkat pembinaan; dan

Sasaran perumahan kos rendah yang ditetapkan bagi Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990) ialah sebanyak 495,000 unit. Ada beberapa faktor tertentu yang menyebabkan pencapaian yang tidak begitu menggalakkan, antaranya seperti berikut:-

- (a) Tapak-tapak projek yang dikedatpasti kurang sesuai di majukan dengan serta merta akibat ciri-ciri fizikal tapak dan dari segi permintaan berkesan. Ini menimbulkan masalah-masalah seperti kos pembangunan yang tinggi, kesulitan memperolehi

pembiayaan dan masalah memperoleh kelulusan perancangan dan infrastruktur; dan

- (b) Bagi tapak-tapak yang sesuai pula, terdapat masalah pemaju/kontraktor yang dipilih kurang keupayaan/kebolehan melaksanakan projek, kelewatan dalam pemilihan pemaju/kontraktor dan kelewatan memperoleh kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah, pelan infrastruktur dan pelan pembangunan.

Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mempercepat pembinaan rumah kos rendah oleh sektor swasta adalah seperti berikut:-

- (a) Pemilihan tapak projek yang sesuai dan 'viable' di majukan dengan serta merta terutamanya bagi projek-projek yang akan datang (tahun ketiga);
- (b) Mempercepatkan pemilihan pemaju/kontraktor serta menentukan pemaju/kontraktor yang dipilih adalah sesuai serta mempunyai kebolehan/keupayaan melaksanakan projek;
- (c) Memberi insentif dan galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak rumah kos rendah serta mempercepatkan pelaksanaannya. Di antara galakan ini termasuklah mempercepatkan kelulusan perancangan, mengurangkan piawaian-piawaian tertentu, mengurangkan bayaran premium tanah dan mengecualikan bayaran ukur; dan
- (d) Memberi galakan kepada pembeli rumah kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan berkesan. Galakan yang dimaksudkan termasuk penetapan kadar faedah pinjaman yang rendah, kelonggaran syarat-syarat pinjaman bagi pembelian

rumah serta mengecualikan bayaran duti setem.

BAYARAN HUTANG PESAKIT

33. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah hutang-hutang yang belum dibayar oleh pesakit-pesakit kepada Kementerian bagi akhir tahun 1987 dan apakah tindakan-tindakan atau langkah-langkah yang diambil bagi memungut hutang-hutang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Jumlah hutang-hutang terkumpul yang belum dibayar oleh pesakit-pesakit kepada Kementerian sehingga akhir tahun 1987 ialah \$31,720,039.

Kementerian Kesihatan telah mengambil berbagai langkah untuk memungut hutang-hutang tersebut. Di antara langkah-langkah itu ialah:

- (1) Memperingatkan Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan membuat potongan gaji kakitangan-kakitangan yang terlibat sebagaimana diperunlukkan dalam Perintah Am.
- (2) Membuat tuntutan terus kepada Bank-bank bagi syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan yang mengikat Jaminan Bank dengan Kementerian bagi rawatan pekerja-pekerja mereka.
- (3) Mengulangi surat-surat peringatan kepada pesakit dan sebagai langkah terakhir menghantar Notis Guaman untuk tuntutan sivil dt Mahkamah.
- (4) Menimbang memberikan pengecualian kepada pesakit-pesakit yang membuktikan tiada kemampuan membayar..
- (5) Memperkemas dan memperbaiki sistem mengeluarkan bil dan sistem kutipan hasi) seperti:

- (a) Mengarahkan kakitangan hospital pergi ke wad-wad untuk membuat kutipan berperingkat.
- (b) Mengadakan kakitangan supaya kutipan bayaran boleh dibuat dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang di mana didapati sesuai dan perlu;
- (c) Menimbangkan kemudahan bayaran melalui Kad Kredit;
- (d) Meningkatkan alat-alat untuk mempercepatkan pengeluaran bil dan resit; dan
- (e) Menentukan bahawa nama, alamat dan butir-butir pesakit yang dimasukkan ke Hospital adalah betul.

Kementerian Kesihatan sedang menimbangkan untuk mengadakan satu kajian memperbaiki Sistem Billing dan Pungutan, termasuk dengan menggunakan Komputer.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL

34. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau bersetuju bahawa cadangan menjadi tuan rumah persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel itu mempunyai tujuan politik bagi memudahkan parti pemerintah memenangi pilihanraya selepas itu;
- (b) siapakah di antara Kerajaan Komanwel itu yang sudah menyatakan kesanggupan untuk hadir setakat ini; dan
- (c) memandangkan imej Perdana Menteri dan imej Kerajaan sekarang adalah terlalu rendah, adakah Perdana Menteri berha-

jat untuk mengkaji semula cadangan menjadi tuan rumah kepada persidangan itu bagi memastikan yang Kerajaan Komanwel itu tidak menjadi alat politik kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang akan diadakan di Kuala Lumpur tahun hadapan tidak ada kena mengena dengan keadaan politik dalam negeri atau pilihanraya yang akan diadakan. Persetujuan Malaysia menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel terbit dari kesediaan kita memainkan peranan yang diberikan kepada kita oleh negara-negara ahli lain. Kepercayaan yang diberi kepada Malaysia bagi menjayakan Persidangan tersebut sepatutnya dihargai dan disanjung oleh semua rakyat. Secara tidak langsung juga persidangan ini akan memperkenalkan Malaysia dengan luasnya dan dalam proses tersebut meninggikan lagi imej negara dan rakyat Malaysia keseluruhannya.
- (b) adalah terlalu awal untuk menyatakan kehadiran mana-mana Ketua Kerajaan di persidangan itu. Kenyataan akan dibuat bila sampai masanya.
- (c) Saya tidak pernah mengetahui bahawa Persidangan Komanwel boleh diperalatkan oleh, seseorang Perdana Menteri ataupun, sesuatu Kerajaan. Namum tanggapan Yang Berhormat itu sangattah meleset dan menyentuh kewibawaan Ketua-Ketua Kerajaan yang akan hadir nanti. Saya harap Yang Berhormat turut merasa bangga Malaysia telah dipilih oleh negara-negara

Komanwel bagi menjayakan Persidangan itu.

METER ELEKTRIK - KEKURANGAN

35. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kekurangan meter letrik telah menyusahkan berpuluh-puluh ribu orang ramai seluruh negara;
- (b) benarkah di Kedah sahaja hampir 10,000 rumah tidak bermeter dan pengguna terpaksa membayar bil letrik tanpa kira kegunaan mereka sejak dua tahun dahulu; dan
- (c) jika benar, mengapakah kekurangan ini tidak di atasi dan apakah pula punca masalahnya.

Tuan Ong Tin Kim:

- (a) memang benar terdapatnya kekurangan meter elektrik. Walau bagaimanapun LLN terus memberi bekalan elektrik secara sambungan terus yang kini berjumlah lebihkurang 25,500. Termasuk permohonan baru, jumlah besar keperluan meter dalam bulan Mei adalah 41,300 buah. Lebih kurang 25% atau pun 10,176-meter telah di bekal dalam bulan yang sama;
- (b) setakat bulan April 1988, sebanyak 12,790 sambungan telah dibuat tanpa meter di negeri Kedah;
- (c) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan ini berlaku kerana:
 - (i) pada akhir tahun 1985 dan awal tahun 1986 Lembaga Letrik Negara telah berusaha merasionalkan simpanan stoknya ke paras yang optima dari segi keperluan dan Kos. Oleh

kerana meter, merupakan 'Tast moving item' maka bekalannya dengan tidak disedari telah terjejas di dalam usaha rasionalisasi ini;

- (ii) kelambatan bekalan juga berlaku oleh kerana pihak Jabatan Jangka perlu menguji 100% daripada bekalan yang dibuat untuk kepentingan pengguna dan Lembaga Letrik Negara sendiri.
- (iii) ada diantara pemaju-pemaju telah tidak memberitahu LLN di atas keperluan mereka awal-awal lagi. Mereka memberitahu LLN di peringkat terakhir menyebabkan kekurangan barang berkenaan.
- (iv) pesanan telah pun dibuat pada akhir tahun 1987. Dua pengilang tempatan telah pun mula beroperasi pada awal tahun 1988 dan pengeluaran pertama bermula dalam bulan Mac. Jumlah pengeluaran adalah kurang dari kadar yang di tetapkan oleh kerana pengeluaran pertama ini tidak lulus ujian dan seterusnya tidak dapat diterima oleh LLN. Walau bagaimanapun, bekalan meter oleh kedua-dua pengilang tempatan sedang berterusan dan LLN sedang mengambil tindakan untuk menampung kekurangan tersebut.

KAUNTER ADUAN JPJ DI PUDURAYA

36. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kesan Kaunter Aduan JPJ di

Puduraya yang dibuka sejak empat tahun lalu; setiap menjelang hari perayaan. Apakah sebab-sebab kurangnya sembutan orang ramai dan adakah Kementerian akan mengambil langkah menutup kaunter ini hasil sambutan yang dingin dari orang ramai.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kaunter aduan musim perayaan Jabatan Pengangkutan Jalan mula diperkenalkan dua tahun lepas iaitu sempena perayaan tahun baru Cina pada 31hb.Mei, 1986. Ianya bertujuan untuk menerima dan menyelesaikan aduan daripada orang ramai berkaitan dengan masalah yang berbangkit daripada perkhidmatan pengangkutan awam dan mengawasi pengusaha-pengusaha perkhidmatan awam supaya sentiasa mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dalam jangkamasa dua tahun (1986 - 1988) kaunter dibuka, aduan yang diterima berjumlah 35 kes. Perangkaan yang kecil ini adalah disebabkan oleh perkara berikut iaitu:

- i. Dengan adanya kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan di situ, dapat mengawal keadaan di situ maka kurangnya kes-kes aduan yang berbangkit.
- ii. Penumpang-penumpang sekiranya ada menghadapi masalah di perjalanan ataupun menyedari telah ditipu oleh pengusaha perkhidmatan awam, pihak mereka akan membuat aduan terus ke Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri yang berhampiran.

Memandangkan kepada adanya kesan dan manfaat jika Pejabat Pengangkutan Jalan mengekalkan kaunter aduan di setesen Puduraya dikekalkan, maka kaunter ini akan terus dibuka setiap masa musim perayaan awam. Kementerian Pengangkutan beranggapan usaha ini sebagai khidmat Jabatan Pengangkutan Jalan kepada orang ramai.

DISPILIN DI SEKOLAH-SEKOLAH

37. Dr. Tan Seng Giaw meminta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini, apakah persetujuan atau ketetapan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Kementerian untuk memperluaskan lagi bidang kekuasaan guru-guru di dalam dan di luar sekolah agar disiplin di antara murid-murid sekolah dapat dipertingkatkan. Bagaimana pula dengan langkah-langkah mengetatkan disiplin dalam jangka pendek.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan telah menetapkan bahawa kuasa yang diperuntukan kepada Pengetua dan Guru Besar membolehkan mereka menurunkan kuasa kepada guru-guru lain di sekolah.

Tujuannya ialah untuk mempertingkatkan disiplin di kalangan murid sekolah sebagaimana yang terkandung di dalam "Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru", terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia 1983. Manakala mengenai kuasa guru di luar kawasan sekolah pula, pihak jawatan kuasa khas tidak mendapat sebarang persetujuan atau ketetapan kerana perkara tersebut di luar bidang kuasa pihak sekolah.

Di antara langkah-langkah jangka pendek bagi mengetatkan disiplin pelajar yang telah dilakukan di sekolah-sekolah ialah:

1. Mengadakan kempen-kempen peningkatan disiplin.
2. Menimbulkan rasa kesedaran di kalangan pelajar betapa pentingnya menjadi warganegara yang berdisiplin melalui perhimpunan di sekolah.
3. Merujuk kepada ibu bapa serta

penjaga jika didapati anak-anak mereka terlibat dengan kesalahan disiplin yang dianggap berat.

4. Mengenakan tindakan dan hukuman yang lebih tegas jika sekiranya dengan nasihat serta amaran tidak mendatangkan kesan.

PELAJAR TAJAAN KERAJAAN TAHUN PERTAMA DI MALAYSIA

38. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan dasar baru Kerajaan mengkehendaki pelajar-pelajar tajaan Kerajaan menjalankan tahun pertama pengajian di Malaysia sebelum dihantar ke institusi-institusi pelajaran tinggi di luar negeri, apakah jumlah wang yang dapat diijamatkan oleh Kerajaan. Daripada jumlah wang diijamatkan ini, berapa orangkah pelajar tambahan yang boleh di tanggung oleh Kerajaan. Pada asasnya, adakah ini bermakna pengurangan peluang-peluang lanjutan pelajaran bagi mereka yang bukan ditaja oleh Kerajaan untuk belajar di luar negeri; jika tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perkiraan sekarang ini adakah dianggarkan sejumlah \$18 juta akan dapat diijamatkan. Walau bagaimanapun pertambahan bilangan pelajar dengan penjimatan yang dianggarkan itu tidak dapat ditentukan sekarang kerana ia bergantung kepada peruntukan sebenar yang ada kelak.

Perlu ditegaskan bahawa pelaksanaan dasar baru ini tidaklah bermakna Kerajaan telah dan akan mengurangkan peluang-peluang kepada pelajar-pelajar bukan tajaan yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri. Ini adalah kerana Kerajaan berpendapat seseorang itu berhak melanjutkan pelajaran sekiranya mere-

ka diterima oleh institusi pengajian di luar negeri. Tambahan pula pada masa ini universiti-universiti tempatan tidak mampu menampung semua pelajar yang layak mendapat pendidikan tinggi.

KAWALAN SEMPADAN PERAIRAN SABAH - FILIPINA

39. Tuan Pitting Haji Mohd. Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berkenaan dengan tindakan pengawalan sempadan perairan Sabah - Filipina:

- (a) berapa peratuskah aktiviti kegiatan lanun-lanun dan kegiatan rompakan dan jenayah telah dibanteras sejak tindakan pengawalan ini berjalan;
- (b) apakah langkah kementerian ini untuk melipatgandakan kesan pengawalan di perairan ini kerana setakat ini kes-kes rompakan dan kegiatan jenayah masih lagi didapati berleluasa; dan
- (c) bolehkah kementerian ini meneruskan dan mempertingkatkan usaha mengawalan dan menubuhkan lebih banyak lagi badan-badan pengawalan keselamatan seperti RELA ke pelusuk-pelusuk kampung dan kawasan-kawasan pendalaman yang berhampiran dengan perairan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak mengadakan pengawalan sempadan perairan Sabah - Filipina pihak polis telah mencapai beberapa kejayaan seperti berikut:-

- (i) Pada bulan November 1987, polis merin telah menahan sebuah bot di perairan Semporna dan merampas 1 laras rifel carbine, 2 magazine, 24 peluru, 1 pistol. 22 dan 6 butir peluru .22;
- (ii) Pada 25.2.1988 sepasukan polis merin setelah menerima maklu-

mat telah menyerang hendap sekumpulan perompak di perairan Pulau Matakang dan berjaya membunuh 3 orang perompak serta mencederakan 5 orang yang lain;

- (iii) pada 1.3.1988 pihak polis merin telah menembak mati seorang ketua lanun bernama Birhatun bin Otohani di perairan Semporan dan merampas 1 pisto) serta 5 butir peluru;
- (iv) pada 2.3.1988 sepasukan polis merin telah berjaya menahan 9 orang dan sebuah bot serta merampas 3 laras senapang AK 47, 437 peluru AK 47, 15 magazine dan 25 biji detonator/Tuse; dan
- (v) pada 11.4.1988 sepasukan polis merin telah berjaya membunuh 3 orang lanun diperairan Tanjung Sidogol, Semporna dan berjaya merampas 2 pistol .38 dan 4 peluru .38.

Kerajaan akan meningkat lagi pengawalan di perairan Sabah. Bagi memastikan kejayaan yang berterusan kerajaan membekalkan 8 buah bot baru untuk polis merin Sabah. Bot-bot tersebut dijangka dapat digunakan pada penghujung tahun ini.

PELAJARAN VOKASIONAL DAN TAKNIK

40. Tuan Haji Mohd Sam Sailan minta Menteri Pelajaran menerangkan rancangan Kementerian agar lebih ramai pelajar-pelajar mendapat didikan dan pendedahan dalam pelajaran VOKASIONAL dan TEKNIKAL. Adakah Kerajaan bercadang untuk membolehkan sekurang-kurangnya 40% daripada jumlah pelajar-pelajar di seluruh negara mendapat pendidikan Vokasional dan Teknikal. Apakah pretasi Sekolah Vokasional dan Teknikal pada masa ini dibandingkan dengan permintaan tenaga buruh yang lebih mementingkan

kemahiran daripada ilmiah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah dan sedang mengambil beberapa langkah tertentu supaya lebih ramai pelajar mendapat didikan dan pendedahan dalam pelajaran Vokasional dan Teknik. Sekolah Yokasional dan Teknik terus diperkembangkan dan dibina mengikut peruntukan kewangan yang diperolehi pada tiap-tiap tahun. Pada masa ini ada 46 buah sekolah Vokasional dan Teknik di seluruh negara. Dengan ini bilangan pelajar akan terus bertambah setiap tahun. Bilangan pelajar Sekolah Vokasional pada tahun 1977 seramai 14,308 orang dan pada tahun 1987 bilangan pelajar telah meningkat kepada 20,264 orang iaitu 42%.

Di peringkat Politeknik, beberapa buah politeknik baru telah dibina. Pada tahun 1988 bilangan politeknik telah meningkat kepada 5 buah dan bilangan pelajar pada tahun 1983 seramai 2,740 orang telah meningkat kepada 7,181 orang iaitu dengan peratus peningkatan sebanyak 162%.

Mengikut permintaan tenaga buruh yang lebih mementingkan kemahiran daripada ilmiah pada masa ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Sistem Baru Pendidikan Vokasional pada tahun 1987. Sistem baru Pendidikan Vokasional ini telah lebih mengutamakan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh sektor perindustrian.

DOKTOR DAN PAKAR - KEKURANGAN

41. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah pihak Kementerian menyedari tentang kekurangan pegawai perubatan dan pakar terutama dalam bidang sakit telinga, hidung,

kerongkong dan tekak (ENT) di seluruh negara - sedangkan bilangan pesakit yang berkehendakkan rawatan begitu ramai dan penambahan saban tahun amat ketara sekali. Apakah langkah-langkah untuk mengatasinya. Bilakah amalan meminjam pegawai-pegawai dan pakar perubatan dari Hospital Besar Kuala Lumpur untuk di hantar ke hospital-hospital tempatan/daerah bagi menampung kekurangan tersebut akan dihentikan.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan Malaysia memang menghadapi kekurangan doktor-doktor dan pakar di dalam beberapa bidang tertentu. Mengenai bidang sakit telinga, hidung dan tekak (ENT), Kementerian sentiasa berusaha untuk mengadakan perkhidmatan kepakaran yang berkaitan di semua Hospital Besar dan beberapa hospital daerah walaupun ianya masih menghadapi kekurangan pakar-pakar. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil beberapa pakar perubatan asing secara kontrak bagi menambahkan bilangan pakar-pakar di negara ini sebagai langkah sementara. Di samping itu, tindakan-tindakan sedang dan telah diambil untuk menambahkan lagi bilangan doktor-doktor mengikuti kursus-kursus Lulusan Ijazah sama ada di dalam atau di luar negeri serta menggalakkan mereka untuk mengikuti latihan di dalam bidang-bidang' yang mana kekurangannya amat mendesak.

Amalan lawatan pakar-pakar daripada Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Besar yang lain dapat dihentikan apabila bilangan pakar-pakar mencukupi untuk ditempatkan di hospital-hospital berkaitan.

HUTANG DALAM DAN LUAR NEGERI

42. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) apakah jumlah hutang dalaman

(internal debts) dan hutang luaran (external debts) Malaysia dari tahun 1987 sehingga 31hb. Mei, 1988;

(b) apakah jumlah simpanan (deposits) dan jumlah pinjaman Malaysia bagi suku pertama tahun 1988.

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin:

(a) Jumlah hutang dalam negeri Malaysia sehingga 31hb. Disember 1987 ialah M\$4,388.94 juta, manakala jumlah hutang luar negeri ialah sebanyak M\$27,851.28juta.

Sehingga 31hb. Mei 1988, jumlah hutang dalam negeri ialah M\$56,297.93 juta dan jumlah hutang luar negeri ialah M\$26,121.78juta.

(b) Pada akhir tahun 1987, resab negara berjumlah MS19.5 billion dan pada akhir suku tahun 1988, jumlah ini ialah MS18.8 billion.

INDUSTRI PERUMAHAN - GALAKKAN

43. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bersedia bertindak menggalakkan lebih banyak pelaburan, khususnya dalam industri perumahan yang masih lemah memandangkan perbezaan terlalu besar dari kadar faedah pinjaman dan kadar faedah simpanan (anggaran Bank Negara menunjukkan bahawa jumlah simpanan tetap telah turun sebanyak 9 peratus bagi tahun 1987) serta keengganan institusi-institusi kewangan untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha dan bertindak untuk menggalakkan pelaburan dalam semua sektor ekonomi di negara ini. Bagi industri perumahan, di antara galakan-galakan yang telah

diberikan termasuklah:-

- (i) Mengurangkan premium pertukaran syarat tanah;
- (ii) Membenarkan pengeluaran wang dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi menampung sebahagian daripada harga pembelian; dan
- (iii) Menentukan supaya bank dan syarikat kewangan menyediakan sejumlah tertentu wang untuk dipinjamkan kepada pembeli-pembeli ruraah.

Sebagai usaha menggalakkan lagi pelaburan, Bank Negara telah mendesak supaya institusi-institusi kewangan agar mengurangkan kadar berian pinjaman. Sejak bulan Oktober 1986, kadar purata berian pinjaman telah berkurangan hampir 3 mata peratusan, iaitu dari 12.3% setahun kepada 9.5% setahun pada bulan April, 1988. Kadar ini dijangka akan turun lagi apabila bank-bank perdagangan kadar asas pinjaman sebanyak 0.25 hingga 0.5 mata peratusan pada 1 hb. Julai 1988 nanti.

(Soalan No.44, Sila lihatjawapan No. 15 pada 27.6.88)

KEPULAUAN SPRATLY

45. Tuan Peter Paul Dason minta Meminta Pertahanan menyatakan sejauh manakah kepentingan kita ke atas kepulauan Spratly dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kepulauan ini memandangkan akan pertempuran baru-baru ini ke atas pulau-pulau ini di antara Republik Rakyat China dan Yietnam.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Jawapan kepada pertanyaan ini telahpun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri Luar Negeri pada 27 Jun 1988 ketika beliau menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Gaya yang bertanyakan soalan mengenai perkara yang lebih kurang sama dengan soalan ini. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

PELABUR ASING - KAJIAN MIDA

46. Dr. V. David minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan pelabur asing yang telah memulakan perniagaan dari 1 Januari 1988 sehingga sekarang, jumlah pelaburan asing dari tahun 1981 sehingga sekarang, mengikut pecahan tahun dan Negara-negara.

Dato' Kok Wee Kiat: Mengikut kajian MIDA ke atas kemajuan peringkat pelaksanaan projek-projek perkilangan adalah didapati bahawa setakat 31hb. Disember, 1987, sebanyak 308 projek yang dimiliki oleh negara asing telah beroperasi. Bagi angka-angka syarikat yang beroperasi dalam tahun 1988, ianya akan diperolehi daripada bancian yang akan berakhir tahun ini.

Maklumat mengenai jumlah pelaburan asing (termasuk ekuiti dan anggaran pinjaman) dari tahun 1981 sehingga Mei 1988, mengikut pecahan tahun dan negara tidak dapat diberi di sini kerana senarainya agak panjang. Saya akan kemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

PERUNTUKAN PEMBINAAN SETIAP NEGERI

47. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan dari Kementeriaannya yang telah diberi kepada setiap negeri di Malaysia dalam RML; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menggunakan kriteria keluasan

sesebuah negeri dalam membenarkan peruntukan pembinaan jalan di masa hadapan kerana ini akan memesatkan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Kelima Kementerian Kerjaraya yang telah diberi setakat ini bagi tiap-tiap negeri yang terdiri daripada projek-projek jalanraya, bekalan air, bangunan, jentera, perumahan dan lain-lain adalah seperti berikut:-

<i>Negeri</i>	<i>Peruntukan RML (\$Juta)</i>
Melaka	33.05
Johor	392.67
Selangor	210.85
Perak	251.00
Kedah	326.46
Pulau Pinang	88.60
Pahang	162.20
Terengganu	90.46
Kelantan	240.56
Perlis	15.22
Negeri Sembilan	139.02
Sarawak	684.54
Sabah	524.53
Wilayah Persekutuan	154.90
Lain-lain	<u>1.665.55</u>
Jumlah	<u>4,979.61</u>

- (b) Keluasan sesebuah negeri itu tidak dijadikan kriteria dalam pengagihan peruntukan bagi rancangan pembangunan. Peruntukan tersebut adalah berdasarkan kepada tiga faktor utama iaitu:-

1. Negeri-negeri yang kurang maju atau masih lagi ketinggalan dari segi pembangunan berbanding dengan negeri-negeri lain

akan diberi pertimbangan yang lebih di dalam penilaian peruntukan pembangunan.

2. Perlunya satu-satu program atau projek dilaksanakan.
3. Keupayaan melaksanakan satu-satu projek oleh negeri-negeri berkenaan.

**JALAN BUKIT PUNDA/
SIMUNJAN**

48. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan bercadang hendak menurapkan jalan-jalan Bukit Punda/Simunjan;
- (b) bilakah Jalan Kota Semarahan/Pendam akan disiapkan;
- (c) bilakah Jalan Simunjan/Sibuyau akan disiapkan.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Bukit Punda/Simunjan adalah jalan Kerajaan negeri. Saya telah difahamkan bahawa setakat ini Kerajaan negeri tidak ada cadangan untuk menurapkan jalan tersebut.
- (b) Jalan Kota Semarahan/Pendam adalah Jalan negeri dan saya telah difahamkan bahawa ia adalah dalam pembinaan dan dijadualkan siap pada Ogos 1989.
- (c) Jalan Simunjan/Sibuyau adalah Jalan Persekutuan dan dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Simunjan/Sebangan dan Sebangan/Sibuyau. Bahagian Sebangan/Sibuyau sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada Mac 1989. Manakala Bahagian Simunjan/Sebangan dijangka dilaksanakan pada

tahun 1989 tertakluk kepada peruntukan yang dapat disediakan oleh Kerajaan.

LESEN KENDERAAN MOTOR

49. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pcnngangkutan menyatakan:

- (i) sama ada Yang Berhormat menyedari akan pihak polis di Sabah melarang tuannya kreta dari memperbaharui lesen cukai jalan atas sebab tuannya kereta gagal membayar denda kompaun polis (Polis compound); dan
- (ii) samaada keadilan wujud kepada tuannya kereta yang baharu yang dikenakan membayar denda untuk tuannya kereta yang lama, dan jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang mulai berkuatkuasa pada 1 Januari 1988 adalah mengandungi peruntukan baru (Seksyen 17 (1) (d)) yang membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan menolak permohonan untuk mendapatkan lesen kenderaan motor (cukai jalan) sekiranya diketahui bahawa pemilik kenderaan yang hendak membaharui lesennya itu mempunyai perkara-perkara atau hal-hal yang belum selesai dengan Jabatan tersebut atau Polis berhubung dengan kesalahan-kesalahan trafik. Dalam keadaan sedemikian, pihak Polis mendapatkan kerjasama dari Jabatan Pengangkutan Jalan dan Majlis-Majlis Perbandaran di Sabah supaya lesen kenderaan motor tidak dibaharui kecuali dan sehingga kesalahan-kesalahan trafik berkenaan diselesaikan dengan pihak Polis terlebih dahulu. Tindakan Polis berkenaan adalah perlu dan berkesan dalam menentukan bahawa pesalah-pesalah dibawa ke muka pengadilan sewajarnya.

2. Yang Berhormat dari kawasan Gaya juga bertanya sama ada adil atau tidak bagi pemilik kenderaan baru membayar denda atas kesalahan pemilik lama. Memang tidak adil jika orang lain yang melakukan kesalahan dan orang lain didenda.

3. Saya percaya mengikut amalan biasa pihak Polis akan mengenakan denda atau hukuman selepas penyiasatan lengkap dan tujuan siasatan adalah untuk memastikan hukumah yang adil. Walau bagaimanapun jika ada kes-kes tertentu di mana penyelewengan berlaku Yang Berhormat dari Gaya diminta kemukakannya kepada saya untuk tindakan yang sewajarnya.

BUKU TEKS - PERTUKARAN

50. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa pertukaran buku teks dari masa ke semasa bagi sekolah rendah dan menengah mengakibatkan banyak masalah kerana buku-buku yang digunakan tahun ini tidak dapat digunakan untuk tahun seterusnya. Apakah tindakan Kementerian untuk menjimatkan perbelanjaan dan masalah bagi ibu bapa untuk memberi pelajaran kepada anak-anak.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar buku-buku teks Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah ditukar dari masa ke semasa. Kementerian Pendidikan hanya akan menukarkan judul-judul buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah sekiranya terdapat perubahan-perubahan yang besar dalam sesuatu sukatan pelajaran. Dasar Kerajaan ini tidak akan membebankan keluarga pelajar terutama sekati mereka yang berpendapatan rendah, kerana pada masa ini Kerajaan telah memberi bantuan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks kepada mereka yang kurang mampu.

AKTA PELAJARAN 1961 — KAJIAN

51. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah agaknya Pengkajian semula Akta Pelajaran 1961 akan siap dan Hasil Kajian diumumkan dalam hal pengkajian semula ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pelajaran 1961 masih dalam kajian Kementerian dan apa-apa cadangan yang akan dikemukakan hasil daripada kajian tersebut perlu dikaji dengan teliti oleh pihak berkenaan terutama Jabatan Peguam Negara sebelum cadangan tersebut boleh diterima oleh Kerajaan dan seterusnya dibentangkan di Parli-men.

RASUAH — BILANGAN SIASATAN

52. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kerajaan Badan Pencegah Rasuah mencegah amalan rasuah dalam dua tahun terakhir ini dengan memberi bilangan tangkapan dibuat dan dari jumlah tangkapan ini berapakah kakitangan awam, polis dan ahli-ahli politik. Sejauh mana kebebasan Badan Pencegah Rasuah dan adakah ia perlu mendapatkan "lampu hijau" daripada Perdana Menteri untuk bertindak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oon Gin Sun): Adalah sukar untuk dinilai mengenai kejayaan Badan Pencegah Rasuah di dalam mencegah amalan rasuah bagi jangka-masa yang begitu singkat. Suka saya nyatakan di sini bahawa meningkat atau menurunnya bilangan siasatan dan tangkapan oleh BPR tidak boleh dijadikan kayu pengukur sama ada rasuah telah berjaya dihapuskan atau sebaliknya.

Faktor utama penilaian tersebut tidak dapat dibuat adalah kerana tidak

semua kes-kes rasuah yang telah berlaku dilaporkan kepada pihak berkuasa. Oleh yang demikian, kes-kes yang tidak dilaporkan itu tidak dapat diambil tindakan oleh BPR. Tambahan lagi kejayaan usaha-usaha BPR di dalam mencegah rasuah ialah melibatkan perubahan sikap dan mentaliti rakyat supaya membenci rasuah yang mana ianya memang sukar sekali untuk diukur.

Dalam tempoh dua tahun terakhir dan sehingga bulan Mei 1988, sebanyak 7,065 maklumat mengenai berbagai bentuk kesalahan rasuah sedang diambil tindakan oleh BPR. Manakala itu, seramai 644 orang telah ditangkap dan dari jumlah ini seramai 504 orang merupakan kakitangan Kerajaan, 139 orang terdiri dari anggota polis dan seorang ahli politik. Sehubungan dengan itu suka saya tegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa kejayaan BPR di dalam membenteraskan segala bentuk rasuah adalah juga bergantung kepada sokongan serta kerjasama sepenuhnya dari orang ramai.

BPR tidak perlu mendapat "lampu hijau" daripada mana-mana pihak untuk bertindak dan Badan ini diberikan sepenuh kebebasan untuk menyiasat segala kes rasuah yang dilaporkan.

BEKAS GURU-GURU UTS DI SABAH

53. TUAN HSING KING SHEAN minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa penurunan pangkat guru-guru lepasan UTS (Unfied Teaching Service) dalam perlantikan baru mereka adalah tidak adil. Ini memandangkan ramai di antara guru-guru tersebut yang menyerahkan sebahagian awal masa hidup mereka dalam bidang pendidikan. Dan sama ada beliau sedar, dengan memotong gaji permulaan guru-guru

tersebut setelah dilatih adalah tidak patut apakah lagi mengenakan mereka supaya membayar balik lebih gaji yang sudah melampaui had kemampuan mereka. Mengapakah demikian.

Tuan Anwar bin Ibrahim untuk maklum Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang bersimpati dengan masalah yang didapati oleh bekas guru-guru UTS di Sabah. Masalah ini tidak sahaja dihadapi oleh guru-guru UTS Sabah tetapi juga oleh guru-guru lain yang mempunyai latar belakang perkhidmatan yang sama. Kementerian Pendidikan masih berusaha untuk menyelesaikan masalah guru-guru ini.

Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan terpaksa menawarkan gaji permulaan yang lebih rendah kepada guru-guru ini kerana mereka tidak mempunyai kelayakan akademik dan iktisas. Guru-guru ini apabila ditawarkan ke jawatan tetap, akan ditempatkan ke dalam kategori yang lebih rendah daripada kategori semasa mereka bertaraf sementara kerana mereka tidak mempunyai kelayakan akademik dan iktisas yang ditetapkan oleh Skim Perkhidmatan Pendidikan.

INDUSTRIINSURANS — BANK NEGARA AMBILALIH

54. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kewangan menyatakan sejak Bank Negara Malaysia mengambilalih penyeliaan industri Insurans. Berapakah firma-firma Insurans di seluruh negara sedang disiasat oleh Bank Negara; berapakah di antara firma-firma tersebut yang didapati menghadapi masalah kewangan dan segera melambatkan pembayaran tuntutan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini dan berapakah firma-firma yang telah didakwa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak mengambilalih pengawasan industri insurans pada 1 hb. Mei, 1988, Bank Negara telah mula menjalankan pemeriksaan ke atas tujuh buah syarikat insurans. Pemeriksaan itu masih berjalan dan ia dijangka dapat disiapkan dalam masa sebulan lagi. Pemeriksaan yang sedang dijalankan itu memberi perhatian ke atas beberapa aspek, termasuk aspek kewangan dan pengurusan. Tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil apabila masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat insurans, dikenalpasti melalui pemeriksaan-pemeriksaan yang sedang dan akan dijalankan ke atas mereka.

KEPULAUAN SPRTATLY - TUNTUTAN

55. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada langkah-langkah diplomatik sedang diambil supaya menghapuskan ketegangan yang telah ujud akibat pergaduhan di atas ke pulauan Spratly kerana berleluasanya pergaduhan itu akan menjejaskan kestabilan di Asia Tenggara.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan melalui langkah-langkah diplomatik telah menyeru kepada semua pihak yang terlibat supaya masalah tuntutan bertindih diselesaikan secara damai, melalui rundingan demi keamanan rantau ini.

PETRONAS - PEMBELIAN KOMPLEKS DAYA BUMI

56. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan penkajian kemungkinan dan sebab-sebab yang sah yang mendorong PETRONAS membeli Dayabumi dengan harga sebanyak \$443 juta manakala harga asalnya pada tahun 1984 cuma \$313 juta dan memandangkan kemelesetan pasaran hartamilik baru -baru ini,

mengapakah pihak PETRONAS membayar harga setinggi ini untuk hakmilik tersebut. Bagaimanakah PETRONAS boleh bermanfaat dari pembelian hakmilik ini.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Kos sebenar pembinaan kompleks Daya-bumi ialah \$405 juta dan bukannya \$313 juta sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat. PETRONAS berpendapat bahawa harga belian berjumlah \$443 adalah berpatutan dan munasabah dari segi komersial kerana sebab-sebab berikut:-

- (a) PETRONAS tidak perlu membuat bayaran kesemua harga belian ini sekarang, sebaliknya peraturan telah dibuat dengan memindahkan pinjaman jangka panjang yang dibuat oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) kepada PETRONAS, dan PETRONAS akan menyelesaikan bayaran ini dalam jangka masa 15 tahun;
- (b) PETRONAS akan dapat menjimatkan perbelanjaan kerana tidak perlu lagi membayar sewa; dan
- (c) kedudukan kompleks ini yang terletak di kawasan yang bermutu merupakan satu harta yang bernilai dan dipercayai nilai harta ini akan terus meningkat di masa akan datang.

SERANGAN LANUN DI SABAH

57. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan serangan lanun bermaharajalela di Pantai Timur Sabah, menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk:

- (a) mempertingkatkan kekuatan perondaan merin polis di Sabah;
- (b) memperkuatkan angkatan polis untuk menjaga keselamatan Sabah;
- (c) mengawal kebanjiran penda-

tang-pendatang haram dan orang-orang pelarian; dan

- (d) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghantar balik pendatang-pendatang haram dan orang-orang pelarian ke tempat asal mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan mengambil perhatian berat tentang keselamatan dari ancaman lanun. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan penduduk-penduduk tempatan terselamat dari serangan lanun adalah seperti berikut:

- (i) memperhebatkan rondaan oleh bot-bot ronda polis merin di kawasan yang selalu berlaku kegiatan lanun;
- (ii) meningkatkan rondaan udara di perairan Pantai Timur Sabah oleh Unit Udara Polis;
- (iii) menugaskan bot-bot jenis PZ dan PX sebagai "outer-cordon" di sempadan perairan Malaysia/Filipina manakala bot-bot jenis PA bertindak sebagai "inner-cordon";
- (iv) menempatkan Pasukan Polis Hutan di pulau-pulau yang strategik;
- (v) mengadakan operasi-operasi khas dari masa ke masa untuk membanteras lanun;
- (vi) mengadakan rondaan berkoordinasi dengan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Kerajaan sememangnya sedar masalah pendatang-pendatang asing di Sabah dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mencegah kemasukan mereka. Kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap warganegara asing yang masuk ke negara ini secara haram. Jika mereka dapat dikesan dan ditangkap, mereka akan dibawa ke

muka pengadilan dan seterusnya dihantar pulang ke negeri asal mereka.

LARANGAN MEROKOK DI PEJABAT KERAJAAN

58. Tuan Samson Chiu Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan disiplin yang akan diambil bagi tidak menggalakkan pegawai-pegawai tinggi dalam perkhidmatan awam merokok di dalam pejabat-pejabat Kerajaan di negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Larangan pegawai-pegawai awam dalam perkhidmatan awam merokok di dalam pejabat-pejabat Kerajaan terdapat di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 12 tahun 1982 bertarikh 17 Ogos 1982. Tindakan Tatatertib boleh diambil terhadap pegawai-pegawai awam dalam perkhidmatan awam yang tidak mematuhi arahan seperti terkandung di dalam Surat Pekeliling Am ini mengikut peraturan tatatertib yang berkenaan.

HARTA UMNO

59. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kehakiman menyatakan jumlah penuh harta-harta UMNO yang telah diisytiharkan parti haram oleh Mahkamah dan sekarang ini dipegang oleh Pegawai Pemegang Harta.

Dato' Oo Gin Sun: Setakat ini jumlah penuh harta-harta UMNO yang patut terletak pada Pegawai Pemegang Harta belum dapat ditentukan lagi kerana borang-borang aset dan liabiliti yang dihantar oleh Pegawai Pemegang Harta pada 15-3-1988 kepada UMNO di setiap peringkat belum diterima lagi oleh Pegawai Pemegang Harta sepenuhnya.

KESESAKAN PENJARA

60. Tuan Hu Sepang minta Menteri

Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada hakikat bahawa penjara-penjara di negara kita begitu sesak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah ini. Apakah kesesakan ini disebabkan oleh kesalahan-kesalahan bersabit dengan dadah dan jika ya mengapakah Kementeriannya tidak mengambil langkah-langkah positif untuk mereman pesalah-pesalah yang ada kaitan dengan kesalahan-kesalahan bersabit dengan dadah di penjara-penjara yang berasingan lengkap dengan kemudahan-kemudahan pemulihan dan "detoxification".

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan Yang berhormat ini telah pun saya jawab bersama dengan soalan dari Yang Berhormat Sandakan pada 28-6-1988. Oleh itu saya tidaklah bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

PULAU DI GUGUSAN SPRATLY

61. Tuan Hu Sepang minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah Pulau di Gugusan Spratly yang kita menuntut hak dan apakah asas tuntutan kita itu; apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi tuntutan-tuntutan kita itu dan nyatakan negara-negara asing yang telah mengiktirafkan tuntutan kita.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pulau Kecil Amboyna, Terumbu Layang-layang, Terumbu Mantanani, Terumbu Laksamana, Terumbu Ubi, Terumbu Perahu, Terumbu Semarang Barat Kecil dan Terumbu Semarang Barat Besar adalah di antara pulau-pulau dan terumbu-terumbu yang terletak di dalam kawasan pelantar benua Malaysia dan dikenali sebagai sebahagian daripada Kepulauan Spratly oleh beberapa negara. Kerajaan telah mengambil Langkah-langkah

diplomatik serta telah menunjukkan kehadirannya di wilayah-wilayah tersebut untuk melindungi tuntutan-tuntutan kita. Setakat ini tidak ada negara yang telah dengan rasminya mengiktirafkan tuntutan kita.

JUDI LUMBA KUDA - MENSWASTAKAN

62. Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr. Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menswastakan perjudian lumba kuda untuk diperluaskan ke kawasan-kawasan daripada kawasan kelab-kelab perlumbaan kuda (Off Course Betting)

Tuan Mohamed Farid Ariffin: Kerajaan telah bersetuju pada prinsipnya untuk menswastakan aktiviti perlumbaan Lumba Kuda di luar kawasan Kelab-kelab Kuda (Off Course Betting). Di samping itu Kerajaan juga telah membenarkan Lembaga Totalisator Malaysia membuka Pusat Pertaruhan (Off Course Centre) di Kuantan Pahang dan Sg. Besi Wilayah Persekutuan. Tujuan Kerajaan membenarkan operasi begini ialah sebagai satu usaha untuk membenteras aktiviti tumba kuda haram.

JAWAPAN KEPADA SOALAN MULUT

63. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa Kementerian betiau tidak memberi jawapan bertulis kepada ahli-ahli Dewan Rakyat yang mana pertanyaan-pertanyaan mulut mereka tidak sempat dijawab dalam Dewan, contohnya pertanyaan-pertanyaan mulut ia (Tuan Chian Heng Kai) pada 16. 3. 88 dan 23. 3. 88 masih belum dapat jawapan. Dan bilakah jawapan-jawapan tersebut itu akan diberi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Mengikut amalan biasa semua jawapan-

kepada soalan-soalan mulut pada hari-hari berkenaan dihantar terus ke Parlimen oleh Kementerian ini untuk tindakan selanjutnya. Jawapan-jawapan yang dihantar termasuk yang tidak sempat dijawab semasa sidang soal jawab mulut di Parlimen.

PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

64. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara sehingga sekarang;
- (b) jumlah (i) pokok dan (ii) faedah yang telah dibayar balik atas hutang negara dalam tahun 1987 dengan memberi angka asingan bagi hutang negara tempatan dan luar negeri; dan
- (c) apakah kedudukan "credit worthiness" Malaysia di peringkat antarabangsa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan sehingga 31hb. Mei 1987 ialah sebanyak M\$82,419.713 juta. Dari jumlah ini, M\$56,297.93 juta adalah Pinjaman Tempatan dan M\$26,121.78 juta merupakan pinjaman Luar Negeri.
- (b) (i) Jumlah pokok yang telah dibayar balik atas pinjaman Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1987 ialah M\$12,697.57 juta dan pecahannya adalah seperti berikut:-

Pinjaman Tempatan	: M\$9,173.89 juta
Pinjaman Luar Negeri	: M\$3,523.68 juta
	<u>M\$12,697.57 juta</u>

- (ii) Jumlah faedah yang telah dibayar atas pinjaman Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1987 ialah sebanyak M\$5,724.16 dan pecahan-

nya adalah seperti berikut:-

Pinjaman Tempatan	: MJ3.726.47 juta
Pinjaman Luar Negeri	: <u>M\$1,997.69 juta</u>
	<u>M\$5,724.16 juta</u>

- (c) Kedudukan "credit worthiness" Malaysia di peringkat antara-bangsa adalah positif. Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang berkemampuan menyempurnai penglibatan hutangnya tanpa sebarang kelewatan. Kedudukan positif ini jelas dari keupayaannya mendapat laluan (access) ke pasaran modal antarabangsa dengan mendapat terma dan syarat pinjaman yang baik. Keupayaan Malaysia membuat pembayaran awal sebanyak M\$5.0 billion pada tahun 1987/1988 juga meninggikan "credit worthiness" Malaysia sebagai Peminjam.

Nisbah pembayaran balik hutang iaitu 15.2% pada tahun 1987, merupakan satu peratusan yang rendah yang secara langsung memperkukuhkan kedudukan "Credit Worthiness" Malaysia.

TANAH SAWAH TERBIAR

65. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan benarkah tanah sawah terbiar di Bukit Chawi Seberang Perak yang dimiliki oleh 508 orang peserta yang dimajukan oleh Syarikat Alinan Juru Council dengan peruntukan \$2,000,000/- menemui jalan buntu serta gagal. Jika benar bolehkah Y.A.B. menerangkan wang sebanyak \$2,000,000/- itu adakah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan atau wang kepunyaan Syarikat Alinan. Jika wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan apakah tindakan yang diambil ke atas Syarikat yang berkenaan dan nyatakan juga apakah punca-punca yang menyebabkan projek itu gagal.

Tuan Otman bin Abdul: Adalah benar bahawa usaha pemulihan sawah terbiar di Bukit Chawi Seberang Perak oleh Syarikat Alinan Juru Council telah gagal. Tetapi tidaklah benar dakwaan yang menyatakan Syarikat Alinan Juru Council telah diberi peruntukan sebanyak \$2 juta oleh Kerajaan. Peruntukan sebanyak \$1 juta sebenarnya telah diberi kepada Koperasi Serbaguna Blok A dan C Kampung Bukit Chawi Berhad dan Syarikat Alinan hanya sebagai Pengurus/pemaju projek pemulihan sawah terbiar ini.

Punca utama kegagalan projek adalah kerana kelemahan pengurusan pihak syarikat itu sendiri yang tidak mempunyai keupayaan dan kepakaran pengurusan dan teknikal bagi menjalankan projek dengan baik.

Disebabkan prestasi pemulihan yang tidak memuaskan sama sekali perjanjian pelaksanaan projek antara syarikat tersebut dengan Koperasi telahpun ditamatkan.

MINI MRSM - PEMBINAAN

66. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:-

- sejauh mana rancangan untuk menambah beberapa Mini MRSM di setiap negeri telah dilaksanakan;
- apakah rancangan Kementerian untuk menambah Mini MRSM di Negeri Sarawak.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:

- Di dalam Rancangan Malaysia Kelima pihak MARA telah mengesyorkan pembinaan Mini MRSM di setiap negeri di seluruh negara. Setakat ini sebanyak 3 buah Mini MRSM telah beroperasi menggunakan bangunan sementara. Mini

MRSM tersebut terletak di Pasir Tumbuh (Kelantan), Kerteh (Terengganu) & Jelebu (Negeri Sembilan). Sementara itu Mini MRSM Perlis dijangka akan mula beroperasi pada bulan Ogos 1988. Pembinaan Mini MRSM yang lainnya adalah ditangguhkan buat masa ini berikutan dengan keputusan Kerajaan tidak meluluskan peruntukan kewangan untuk projek-projek tersebut, lantaran kedudukan ekonomi yang tidak mengizinkan.

- (b) Selaras dengan itu pelaksanaan Mini MRSM di Negeri Sarawak juga adalah ditangguhkan buat masa ini kerana MARA ingin menumpukan perhatian kepada pembinaan MRSM di Petra Jaya, Sarawak. Setakat ini pakar-runding telah dilantik untuk projek tersebut.

KAPAL SELAM - PEMBELIAN

67 Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan samada benar bahawa Kerajaan telah memesan untuk membeli sebuah kapal selam dengan seberapa yang boleh memandangkan perkembangan pertahanan baru-baru ini dirantau ini seperti mana dikatakan oleh Kerajaan baru-baru ini, jika ya, apakah jenis dan harga kapal selam tersebut.

5-7-88

41. Tuan Nurnikman Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan meneruskan pembelian Kapal Selam seperti yang dicadangkan itu. Apakah jenis Kapal Selam yang dianggag sesuai dan yang akan dibeli dan berapakah kos sebuah Kapal Selam itu.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis yang dijadualkan pada 5 Julai 1988 kerana kedua-dua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Kerajaan memang bersetuju pada dasarnya di atas rancangan Tentera Laut DiRaja Malaysia untuk dilengkapi dengan kapal selam. Walau bagaimanapun ianya tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini kerana masalah kewangan tidak mengizinkan.

Kerajaan masih lagi sedang menimbang jenis kapal selam yang akan dibeli itu berdasarkan kepada penyesuaian digunakan di kawasan operasi, harga kapal, kemampuan dan lain-lain lagi yang boleh memenuhi segala keperluan operasi.

Harga dan jenis kapal selam yang akan dibeli tidak dapat dimaklumkan kepada Dewan setakat ini kerana ianya masih lagi dalam pertimbangan kerajaan.

TAHANAN ISA

68. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah perbelanjaan makanan sehari untuk seorang banduan dan jenis makanan yang ia berhak menerima untuk pagi, tengahari, petang dan malam;
- (b) jumlah perbelanjaan makanan sehari untuk seorang tahanan ISA dan jenis makanan yang ia berhak menerima untuk pagi, tengahari, petang dan malam; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan tersebut bagi setiap orang banduan atau tahanan ISA supaya dapat mereka menerima makanan yang lebih baik daripada serangkap dan jugayang berzat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan makanan bagi seorang banduan sehari ialah \$2.50.

Makan Pagi	- Bubur nasi atau bubur kacang, teh atau kopi, telur 3 biji seminggu.
Makan Tengahari	- Nasi Ayam atau Daging atau ikan basah atau ikan kering mengikut jadual. 2 kali ayam atau daging dalam seminggu 2 kali ikan basah dalam seminggu 3 kali ikan kenng dalam seminggu Sayor daun dan sayor buah seperti sawi, bayam, kangkong dan kacang panjang, terong, timun dan labu merah. Pisang.
Makan Petang	- Roti majerin atau jam Kopi, atau teh susu
Makan Malam	- Sama seperti makan tengahari. Mihoon atau mee 2 kali sebulan

- (b) Jumlah perbelanjaan bagi makanan orang Tahanan I.S.A. bagi sehari ialah \$3.80.

Makan Pagi	- Roti majerin, jam - bubur kacang, bubur nasi. Telor 3 biji seminggu Kopi atau teh susu
Tengahari	- Nasi Ayam atau Daging, atau ikan basah, atau ikan kering 2 kali ayam atau daging seminggu 2 kali ikan basah seminggu 3 kali ikan kering seminggu Sayor-sayoran dan sayor buah seperti, sawi, kangkong, bayam, labu, kacang panjang, terong.
Makan Petang	- Kopi, atau teh susu, Roti, majerin/jam Buah-buah segar (pisang, betik)
Makan Malam	- Sama dengan makan tengahari. Meehoo atau mee campur udang, tauhoo, taugh. 2 kali sebulan.

- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk menambah peruntukan catuan makan untuk banduan atau Tahanan I.S.A., kerana catuan

makanan yang ada sekarang ini adalah memadai dan mengikut sukatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

WARGANEGARA BERHIJRAH MENINGGALKAN NEGARA

69. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaiakah warganegara Malaysia dan daripada keturunan apa yang telah berhijrah meninggalkan negara ini buat selama-lamanya dan adalah di antara mereka yang telah memohon supaya DILUPUSKAN "TARAF KERAKYATAN" mereka serta berapakah jumlah kekayaan yang telah dibawa keluar bersama-sama mereka daripada negara ini;
- (b) negara manakah yang menjadi pilihan utama mereka untuk berhijrah. Adakah negara-negara yang terlibat menghubungi Malaysia terlebih dahulu sebagai menyiasat latarbelakang masing-masing sebelum menerima kemasukan mereka; dan
- (c) adakah penghijrahan mereka menjadi salah satu faktor, terhadap kelambatan pemulihan ekonomi negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerjaan tiada menyimpan perangkaan mengenai jumlah mereka yang berhijrah ke negara lain kerana seseorang itu tidak perlu menyatakan sebab-sebab apabila hendak melawat manamana negara yang dibenarkan oleh Kerajaan. Rakyat Malaysia yang keluar ke negara-negara asing terdiri dari semua kaum yang terdapat di negara ini. Di antara mereka ada yang menyerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia kerana ingin mempe-

rolehi warganegaraan lain. Kerajaan tidak membuat anggaran jumlah kekayaan yang dibawa keluar bersama mereka.

- (b) Di antara negara-negara yang dilawati atau diduduki oleh orang-orang Malaysia ialah Hong Kong, Singapura, Amerika Syahkat, Canada, Britain dan Australia. Negara-negara asing yang menerima kedatangan orang-orang Malaysia tidak perlu menghubungi negara kita berkaitan dengan kemasukan mereka.
- (c) Penghijrahan mereka tidak ada kena mengena dengan kelewatan pemulihan ekonomi negara.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah bahawa "Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) Pertama 1988" diserahkan kepada Jawatankuasa seluruh Majlis. (28hb Jun, 1988)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama untuk menyambung.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali); Tuan Pengerusi, dalam persidangan petang semalam saya telah cuba menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Simunjan dan saya ingin menyambung beberapa perkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan soal peningkatan wabak AIDS di negara-negara di dunia yang menyebabkan harga getah meningkat begitu tinggi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat itu bahawa kita patut bersyukur tetapi kita bersyukur bukan kerana merebaknya penyakit AIDS, kita bersyukur kerana harga getah kita meningkat sama ada kerana AIDS atau lain-lain itu bukan soalan kita.

Sesungguhnya dalam apa juga penyakit, ubat yang paling mujarab ialah pencegahan dan negara kita Malaysia berasa gembira dapat menyumbangkan usaha-usaha ke arah pencegahan penyakit AIDS melalui satu daripada sumber hasil dalam negeri kita iaitu getah kerana" daripada getah kita buat sarung tangan dan lain-lain sarung.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara ini Ahli Yang Berhonnat dari Simunjan telah menimbulkan kebimbangan bahawa oleh kerana permintaan yang banyak terhadap getah, maka mungkin kita tidak dapat menunaikan permintaan daripada luar negeri dan menyebabkan mereka akan menggunakan bahan-bahan alternatif untuk membuat sarung tangan dan sebagainya. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa permintaan yang mendadak bertambah banyak sekarang ini hanyalah untuk susu getah atau dengan izin

dalam bahasa Inggerisnya "latex concentrate" ataupun pati susu getah.

Pada masa ini pengeluaran susu getah atau latex concentrate' kita merupakan 20% sahaja daripada pengeluaran getah keseluruhannya. Oleh yang demikian, sekiranya permintaan untuk "latex concentrate' ini berterusan meningkat seperti yang ada dalam keadaan sekarang ini maka pihak industri getah terpaksa mengubahsuaikan infrastruktur perusahaannya untuk disesuaikan dengan permintaan terhadap pati susu getah. Masalah yang dihadapi sekarang iaitu kekurangan bekalan susu getah ini berlaku oleh kerana permintaan daripada pengilang-pengilang yang membuat bahan-bahan daripada susu getah meningkat begitu mendadak di dalam dan di luar negeri yang menyebabkan pihak industri tidak dapat meng'adjust' pengeluaran 'latex concentrate' sesuai dengan permintaan mereka dan oteh kerana itu terdapat kekurangan yang ketara pada masa ini, tetapi saya percaya sekiranya permintaan itu dapat dirasionalisasikan pada satu ketika kelak maka pengeluaran susu getah juga akan dapat dirasionalisasikan seterusnya dan insya Allah, tidak akan berlaku kekurangan dan kesukaran untuk mendapatkan 'latex concentrate' pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh aspek-aspek penyelidikan daripada institusi-institusi penyelidikan di bawah Kementerian saya dan memberi ingatan supaya hasil-hasil penyelidikan itu tidak diheboh-hebohkan oleh kerana mungkin akan dapat diambil oleh lain-lain negara yang akan digunakan untuk menyaingi pengeluaran bahan-bahan 'resource-based' kita. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Simunjan dan saya ingin memaklumkan

bahawa tangkah-langkah telahpun diambil untuk memastikan bahawa hanya maklumat-maklumat yang tertentu sahaja yang boleh disebarkan kepada pengetahuan umum dan maklumat-maklumat mengenai kajian projek-projek yang khusus tidak boleh disebarkan, kecuali dengan keizinan daripada pihak Kementerian. Walau bagaimanapun, kajian-kajian mengenai kelapa sawit dan juga getah dan sebagainya bukan hanya dilakukan oleh institusi-institusi seperti RRIM ataupun PORIM tetapi juga oleh lain-lain syarikat swasta yang mempunyai ladang-ladang yang besar di negara ini dan hasil daripada kajian-kajian mereka adalah kepunyaan mereka sendiri dan kita tidak dapat menahan sekiranya mereka ingin berkongsi maklumat-maklumat teknikal atau saintifik daripada penyelidikan itu dengan pihak syarikat-syarikat lain di luar daripada negara kita.

Ahli Yang Berhormat itu sendiri tentulah bersetuju dengan saya bahawa salah satu daripada kesukaran yang amat besar ialah untuk mengawal pemindahan ilmu pengetahuan oleh kerana sifatnya sebagai sesuatu yang sejagat atau 'universal dan pemindahan ilmu pengetahuan ini diketahui boleh berlaku sekiranya seseorang ahli sains itu yang sekarang berkhidmat dengan institusi-institusi Kerajaan satu ketika mereka mungkin berhenti dan bekerja dengan pihak swasta, baik di dalam negeri ataupun di luar negeri. Inilah satu perkara yang pihak Kementerian tidak ada daya untuk mengawalinya.

Akhirnya, saya ingin menyentuh perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan juga iaitu mengenai Pusat Penyelidikan PORIM di Sarawak. Tuan Pengerusi, cadangan untuk membina stesen penyelidikan PORIM di Sarawak itu adalah di dalam rangka pembangunan kawasan Saribas dan menurut perancangan kita sebelum stesen ini dapat

dibuka, Kerajaan Sarawak hendaklah terlebih dahulu menyediakan kemudahan-kemudahan asas termasuk membina sistem saliran di kawasan tersebut. Kawasan yang dikenalpasti untuk dijadikan stesen penyelidikan PORIM ini ialah terdiri daripada kawasan gambut yang sangat dalam dan oleh itu kerja-kerja menyelidik kadar pemendapan dan oksidasi tanah perlu dijalankan sebelum kawasan ini dibuka. Begitu juga penyelidikan perlu dijalankan ke atas tanaman sebenar yang akan dilaksanakan bagi menentukan teknik-teknik agronomi yang sesuai dan juga bahan baka yang paling baik untuk kawasan tanah-tanah seperti itu. Saya percaya dan Kementerian kita yakin sepenuhnya sekiranya kita dapat berjaya mencuba tanam kelapa sawit di kawasan-kawasan tanah gambut dalam ini dengan kaedah-kaedah yang betul dan baka benih yang baik maka ia akan memberi faedah yang sangat besar kepada negeri Sarawak yang kita tahu mempunyai kawasan paya dalam yang sangat luas terdapat di negeri itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,680,000 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,680,000 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988.

Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1988)-

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang

Berhormat, Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Terap.

3.48 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud P.19 yang meminta di dalam Kertas Perintah 23A 1988 tambahan sebanyak \$7,819,400. Saya merujuk kepada Butiran 17100 iaitu Perparitan dan Tebatan Banjir di kawasan Bandar Alat Setar yang memohon sebanyak \$3 juta.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin tahu daripada pihak Kementerian apakah struktur-struktur yang akan dibina di dalam sistem pengairan Bandar Alor Setar dan juga di mana. Pada pendapat saya masalah banjir dan masalah perparitan dan pengaliran air di Bandar Alor Setar bukanlah disebabkan oleh kedudukan Bandar Alor Setar yang rendah sangat tetapi ianya disebabkan oleh dua faktor. Faktor pertama ialah pembangunan yang pesat yang berlaku di Bandar Alor Setar dan faktor yang kedua ialah disebabkan oleh ketinggalan sengaja atau tidak sengaja Jabatan Parit dan Taliair tertinggal di dalam menyelesaikan masalah-masalah perparitan dan pengaliran air di kawasan-kawasan pekan yang menjadi satelit Pekan Alor Setar. Mungkin saya percaya masalah ini secara khusus untuk Bandar Alor Setar tetapi ianya boleh diaplikasikan kepada semua bandar-bandar di negara ini, termasuk Kuala Lumpur sendiri. Fakta pertama ialah Bandar Alor Setar sebagai satu bandar yang membangun banyak projek-projek perumahan dan pembinaan yang lain telah diluluskan tanpa mengkordinasikan soal perparitan dan pengaliran air di antara sistem besar, iaitu sistem sungai dan sistem perparitan besar dengan sistem perparitan rancangan-rancangan perumahan

ini ataupun rancangan-rancangan pembinaan ini.

Maka ini menyebabkan satu pengaliran ataupun 'run off' yang tidak bersistematik walaupun disebut sistem, tetapi sebenarnya sistem penyaliran air di pekan seperti bandar Alor Star dan di pekan-pekan lain tidak bersistematik. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di sini, sistem yang manakah hendak dibelanjakan wang \$3 juta itu.

Faktor kedua yang saya sebutkan tadi sebagai faktor yang menyebabkan penyaliran air di kawasan bandar Alor Star dan lain-lain bandar ialah ketiadaan sistem penyaliran air yang cekap di kawasan-kawasan bandar satellite, macam di Alor Star umpamanya, ketiadaan penyaliran air di pekan Pokok Sena, misalnya, yang menjadi 'hinterland' kepada Alor Star, yang mana segala penumpuan 'run off' ataupun penumpuan air adalah datang daripada kawasan Pokok Sena ke arah Alor Star melalui saliran-saliran natural, dengan izin, ataupun saliran-saliran semula jadi seperti sungai dan juga saliran yang dibina oleh manusia seperti paht dan taliair. Jadi saya menyerulah kepada pihak Kementerian supaya mengarahkan Jabatan Parit dan Taliair supaya melihat sistem penyaliran mana-mana bandar ataupun mana-mana kawasan sekalipun mesti diambil kira keseluruhan kawasan tadahan air ataupun keseluruhan kawasan yang menjadi kawasan penyaliran air ataupun, dengan izin, Tuan Pengerusi, the drainage area of the whole drainage system yang ada di kawasan itu.

Jadi pada pendapat saya masalah yang selalu berlaku di semua bandar, termasuk bandar Kuala Lumpur sendiri, kedua-dua masalah inilah iaitu masalah ketiadaan sistem yang cekap di bandar itu sendiri dan juga ketiadaan sistem yang teratur di kalangan pekan-

pekan yang menjadi satellite, iaitu pekan yang dibincangkan tadi.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi yang saya ingin bangkitkan ialah Butiran 03000 iaitu perluasan kemudahan penyelidikan di Terumbu Layang-layang. Saya dapat tahu bahawa Terumbu Layang-layang ini adalah satu pulau yang hanya seluas setengah ekar sahaja. Jadi, pada hari kelmarin kita dengar bahawa kawasan Terumbu Layang-layang ini ditempatkan dengan askar-askar ataupun komando-komando kita yang hanya 20 orang askar dan seorang pegawai. Jadi saya ingin tahu apakah wang yang hendak dipakai, iaitu sebanyak \$358,000 untuk perluasan kemudahan penyelidikan apa? Penyelidikan pertaniankah ataupun penyelidikan perikanan? Saya fikir kalau ini yang dimaksudkan penyelidikan perikanan, saya tidak nampak kemungkinan ianya boleh menjadi viable kerana kawasan itu adalah satu kawasan yang dipertikaikan. Kemungkinan kalau ada satu pertemporan di antara askar-askar kita dengan askar Vietnam yang sekarang menduduki Pulau Spratly, kemungkinan soal-soal penyelidikan dan juga kemudahan yang kita buat akan dirosakkan. Mengapa tidak dibuat di tempat lain, mengapa dipilih Terumbu Layang-layang yang pada pendapat kita ataupun pada pengetahuan kita hanya menjadi satu 'outpost' kepada pertahanan negara sahaja.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amip bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bagan Serai.

3.55 *ptg.*

Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai): Saya ingin mengambil bahagian untuk berbincang dalam Butiran 00900 dan 01200, 01300, kalau dapat dibuat sekaligus - Kementerian Pertanian -

hendak atasi ianya mungkin tidak dapat kita menggunakan peruntukan yang sebanyak ini, ditambah pula dengan apa yang telah kita janjikan seperti kemudahan-kemudahan di dalam ladang ataupun parit-memarit yang masih tidak dapat memberi kesempurnaan kepada saliran dan kemudahan peladang-peladang di kawasan-kawasan yang berkenaan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya mengambil kesempatan di sini supaya Kementerian Pertanian dan juga badan-badan pertanian, Jabatan-jabatan Pertanian yang terlibat dengan pembangunan di kedua-dua projek di kawasan itu mengemukakan cadangan peruntukan yang lebih lagi supaya kita dapat memberi kepuasan kepada para petani di kawasan luar bandar.

Kita perlulah ingat bahawa sistem pertanian di kawasan Krian dan Sungai Manik, begitu juga saya percaya bahawa di kawasan Seberang Perak, terdapat petani-petani yang kawasan pertaniannya ataupun sawahnya tidak melebihi daripada 6 ekar, tambah lagi di kawasan Krian terdapat petani-petani yang berkongsi tanah 1/2 ekar dua orang ataupun 4 ekar tiga orang. Hasil daripada pertanian di kawasan yang tidak luas ini akan membawa satu keputusan pendapatan yang sangat kurang. Walau bagaimanapun, dengan timbangrasa daripada Kerajaan yang memberi subsidi baja dan subsidi padi kepada petani-petani, penduduk-penduduk di kawasan Krian dan Sungai Manik termasuk petani-petani di kawasan Seberang Perak dapat hidup dengan keadaan yang saya percaya kalau tidakpun lebih senang tetapi paling minimumnya kais pagi makan pagi. Tambahan lagi di kawasan-kawasan persawahan seperti itu sangat sedikit perusahaan-perusahaan cottage industry yang boleh memberi pertolongan kepada petani-petani untuk

mendapatkan pendapatan sampingan selain daripada pendapatan terus dari sawah-sawah daripada hasil pertanian mereka.

Saya harap usaha daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, begitu juga usaha daripada Kementerian-kementerian lain, supaya memikirkan apakah cara yang boleh kita beri kepada petani-petani yang mendapat pendapatan yang tidak lumayan ini ataupun pendapatan yang kais pagi makan pagi ini, dapat ditingkatkan supaya bukan sahaja hidup mereka bertambah senang tetapi dapat memberi kemudahan kepada anak-anak mereka dalam soal mendapat pekerjaan di samping kita mengurangkan beban pengangguran yang ada dalam perkara ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Larut.

4.04 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd, Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1988 dan suka menyentuh sedikit sebanyak yang mana dalam rangka pemikiran saya belum disebut di Dewan yang mulia ini.

Pertama, mukasurat 10, Maksud P. 19 Kementerian Pertanian, Butiran 01300, Tajuk 02 - Imbuhan kepada JPT Negeri. Di sini, Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Kementerian mengenai JPT seluruh Malaysia dan khususnya di Larut, di kawasan Parlimen yang saya wakili.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa kita hidup penuh dengan keinginan untuk maju. Justeru itu banyak kawasan-kawasan pembangunan dibuka, sama ada untuk kepentingan

Projek Pertanian Hilir Perak, Projek Pertanian Seberang Prai dan imbuhan kepada JPT Negeri, Projek Pertanian Bersepadu Krian - Sutigai Manik, imbuhan kepada JPT negeri.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan Yang Berhormat..

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengetahui berkenaan dengan peruntukan sebanyak \$2 juta yang diberi kepada Projek Hilir Perak 06, Hilir Perak (Baru). Adakah peruntukan ini sebagai satu peruntukan yang juga diberi kepada satu projek yang telah dibuat di bawah satu syarikat koperasi ataupun syarikat petani Bukit Chawi yang pada satu ketika dahulu telah dikelolakan oleh orang-orang kampung Bukit Chawi, Apa yang telah saya ketahui bahawa projek ini telah diperuntukkan lebih kurang \$1 juta pada ketika itu, tetapi pada ketika itu juga Kerajaan Negeri Perak, khususnya FELCRA Malaysia telah meminta supaya projek Bukit Chawi ini dapat dijamin oleh FELCRA dan begitu juga pihak Pertanian Negeri Perak. Tetapi akhirnya permintaan ini tidak disokong oleh kerana kemungkinan beberapa perkara yang tertentu, dan pada hari ini saya dapati dan saya telah dimaklumkan bahawa projek Bukit Chawi yang telah menelan belanja lebih daripada \$1 juta ini akan dipulangkan balik kepada FELCRA. Dengan itu projek ini kalau ditambah dengan peruntukan yang akan diluluskan akan menelan belanja sebanyak \$3 juta.

Peringkat awal projek ini dibuat saya berpendapat untuk diserahkan di bawah satu koperasi itu adalah amat baik kerana kita cuba untuk memasukkan satu sistem baru di mana keseluruhan petani akan melibatkan diri. Seperti juga rancangan yang telah dilahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Projek

Kampung Asam Jawa. Saya ingin mendapat penerangan daripada Timbalan Menteri Pertanian, projek di Kampung Asam Jawa yang dikelolakan oleh petani dan projek Bukit Chawi peringkat awal yang dikelolakan oleh petani ini, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dan apakah kriteria-kriteria yang menjadikan projek Bukit Chawi di Hilir Perak ini terpaksa diambil alih oleh FELCRA, kalau ini betul, dengan membawa peruntukan baru yang akan kita tambah ini.

Saya percaya kalau perkaraini gagal, maka kita perlu menerangkan kepada umum apakah kegagalan-kegagalan yang telah ditempuhi. Adakah kerana terdapat badan yang mengelolakan ini tidak ada mempunyai kepakaran ataupun kita mahu mencuba satu pendekatan baru di mana kita hendak meletakkan kepada tukang yang membuat besi untuk mengukir kayu.

Tuan Pengerusi, saya turut sama mahu menyokong Projek Pertanian Seberang Perak, imbuhan kepada JPT Negeri dan Projek Pertanian Bersepadu Krian - Sungai Manik, imbuhan kepada JPT Negeri.

Saya yakin perkara-perkara imbuhan yang akan diberikan kepada kedua-dua projek yang besar ini yang telahpun menampakkan kejayaan tetapi seperti projek pertanian Krian/Sungai Manik pada ketika ini yang sudahpun selesai, masih terdapat beberapa masalah yang sedang dihadapi. Terdapat masalah kawasan-kawasan tinggi yang telah kita janjikan kepada petani-petani yang boleh direndahkan ataupun boleh dimasukkan air untuk dijadikan kawasan tanaman padi yang sesuai, dan begitu juga sebaliknya kawasan-kawasan yang dalam yang telah kita janjikan kepada petani-petani untuk dikeringkan sedikit airnya supaya boleh disesuaikan dengan tanaman padi masih berlaku lagi. Saya percaya keseluruhan perkara ini kalau kita

keuntungan ataupun pembinaan di seluruh tanahair termasuklah kawasan Larut tadi yang mana pula terdapat sungai-sungai hampir lupus, akibatnya orang-orang kampung merana oleh air banjir dan bencana alam di setengah-setengah kampung yang tidak pernah banjir sejak "effective occupation", dengan izin, yang bermula beratus-ratus tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, saya menyeru supaya peruntukan JPT ini benar-benar meraberi makna. Yang pertama, JPT mestilah bertanggungjawab menyuci sungai-sungai yang sudah tersumbat oleh reba-reba dan sampah-sarap supaya pengaliran air itu dapat berjalan secara tabii dan tidak melintas di kampung-kampung dan merosakkan tanaman-tanaman dan ternakan orang-orang kampung.

Yang keduanya, Kementerian berkenaan mestilah menambah pegawai-pegawai JPT di tiap-tiap daerah bagi kerja menjaga parit-parit dan sungai-sungai yang mana laluan air terkandas dan lain-lain lagi.

Yang ketiga, membayar gaji tetap kepada penjaga-penjaga ampangan dan tidak hanya \$35 sebulan sebagaimana yang saya sendiri mengetahuinya di kawasan saya dan apabila ianya memohon supaya menjadi Penjaga Ampangan Air berjawatan kekal, bennacam-macam helah yang diberi, tidak munasabah oleh JPT berkenaan. Tuan Pengerusi, kita mesti berfikir bagaimana seorang itu boleh hidup dengan menjaga ampangan-ampangan sedangkan elaunnya \$35 sahaja,

- mempunyai seorang isteri - nasib baik seorang isteri - dan 5 orang anak. Desakan melalui Ahli Parlimen dan Ahti Dewan Negeri tidak mendapat layanan daripada JPT.

Yang keempat, tiap-tiap kawasan yang dijaga oleh JPT tidak hanya seorang atau dua bagi kawasan yang

besar seperti di kawasan saya. Kadangkala seorang itu tidak dapat bekerja dengan kemas, ianya dengan gaji yang murah, pergi ke sana sini, kadangkala menghabiskan masa di dalam perjalanan sahaja tanpa buat apa kerja-kerja yang diamanahkan kerana pegawai-pegawainya tidak cukup.

Yang kelima, mengambil berat tentang kehidupan masyarakat kampung yang kena banjir ini kerana mereka adalah orang-orang yang tidak memberi masalah kepada Kerajaan yang memerintah.

Jadi, kedua pula saya suka menarik perhatian kepada mukasurat 12, Maksud P.26 Kementerian Pendidikan, Butiran.....

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Belum lagi Kementerian Pendidikan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, itulah sahaja harapan saya di Dewan yang mulia ini supaya Kementerian berkenaan mengambil berat bukan sahaja di kawasan Larut dan semua kawasan-kawasan di dalam Malaysia yang mana keadaan seperti ini sentiasa berlaku dan setengah-setengahnya kita dapati ditunjukkan oleh TV3. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Menteri berkenaan, sila jawab.

4.09ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, saya ingin menghulur ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan sahaja mengambil bahagian malah menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1988 di bawah Kementerian Pertanian.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan soal Perparitan dan Tebatan Banjir di Alor Setar. Sukacita dimaklumkan bahawa kerja-kerja yang akan dijabatkan di kawasan ini adalah terdiri dari pembinaan ban, pembinaan semula parit utama dengan dipasang 'concrete lining', pintu air dan juga pam dan sistem yang akan diperbaiki ialah seperti di kawasan yang bernama Sungai Raja Basin, Putra Basin dan juga Langgar Basin.

Pihak JPT cuma bertanggungjawab bagi saluran keluar induk dan perparitan utama "main outlets and trunk drains", dengan izin bagi bandar mulai tahun 1988 kecuali Kuala Lumpur. Sebelum ini pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab baginya termasuk corak sistem perparitan kecil. Pihak JPT sememangnya mengambil kira pada keseluruhannya ketika merekabentuk bagi sesuatu kawasan tadahan hanya kerja sahaja yang dijalankan berperingkat-peringkat mengikut peruntukan yang diadakan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya sistem saluran untuk bandar Alor Setar ini merupakan satu projek baru. Tujuannya adalah untuk memberi kemudahan perparitan sebagaimana yang saya nyatakan sekejap tadi. Jumlah kos projek yang bertujuan untuk mengatasi masalah banjir ini ialah \$15 juta. Kerja-kerja yang terlibat sebagaimana saya sebutkan tadi ialah membina pam dan segala-galanya dan sejumlah \$3 juta adalah dipohon untuk menyiapkan rekabentuk yang dikendalikan oleh Juru Perunding. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dalam tahun ini - insya Allah.

Yang Berhormat juga membangkitkan soal Terumbu Layang-layang. Jabatan Perikanan Kementerian Pertanian mempunyai projeknya di Terumbu Layang-layang. Jabatan ini telah selesai membuat kajian untuk menentukan wujudnya sumber perikanan di

kawasan Terumbu Layang-layang ini. Kajian ini melibatkan kewangan yang banyak juga. Pihak Jabatan Perikanan setakat ini telah membuat kajian mengenai sumber ikan tuna dan keduanya pembiakan "seaweeds", dengan izin.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kajian ini menunjukkan bahawa sememangnya ada potensi untuk penangkapan ikan tuna di kawasan ini. Jabatan Perikanan akan mengeluarkan lesen kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk menangkap ikan di kawasan Terumbu Layang-layang ini.

Yang Berhormat dari Bagan Serai telah membangkitkan soal Projek Bukit Cawi. Projek Bukit Cawi adalah di bawah pengurusan FELCRA yang menyelaras keseluruhan IDP Seberang Perak.

Kementerian Pertanian terlibat dalam komponen penyediaan infrastruktur di bawah JPT dan komponen pertanian yang menyelaras penanaman padi dalam kawasan projek itu. Begitu juga Projek Asam Jawa yang merupakan program penyusunan kampung bukan di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian.

Berhubung dengan Projek Krian/Sungai Manik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Serai, sukacita dinyatakan bahawa projek ini adalah Projek IDP.

Saya ingin menghuraikan sedikit kepada Yang Berhormat tentang Projek IDP ini. Projek IDP ini adalah projek yang mana pelaksanaannya dikendalikan oleh Kerajaan Pusat dengan penyertaan secara bersepadu oleh semua agensi yang berkaitan seumpama LPP, Jabatan Perikanan, FELCRA, JPT, JKR, MARDI, Jabatan Pertanian, FELDA, RISDA dan juga Bank Pertanian. Kita mempunyai Unit

Pengurusan Projek yang diketuai oleh seorang pegawai projek. Apakala projek ini selesai dilaksanakan, maka ianya diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi penyelenggaraan seterusnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat akan mengimbuh sebanyak 50% daripada perbelanjaan penyelenggaraan yang tersebut iaitu 50% ditanggung oleh Kerajaan Pusat dan 50% lagi ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Projek IDP ini terbahagi kepada tiga: satu, peringkat yang telah siap, yang kedua peringkat hampir siap dan yang ketiganya peringkat pelaksanaan. Projek yang disebut oleh Yang Berhormat itu iaitu Projek Krian/Sungai Manik merupakan projek yang sudah siap atau selesai siap. Walau bagaimanapun, tentu ada kecacatan di sana-sini dan itulah sebabnya pada hari ini kita telah meminta Treasury memberi kebenaran kepada kita untuk mengekatkan Unit Pengurusan Projek yang saya sebut tadi supaya dapat kita menjalankan apa yang perlu apakala timbulnya kecacatan di mana-mana supaya pelaburan yang begini besar akan benar-benar dapat memberi keuntungan kepada petani-petani dengan pengendalian program-program yang bermacam-macam.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Larut juga membangkit berhubung dengan soalan pengaliran air. Saya suka nyatakan di sini bahawa pegawai JPT setakat ini belum pernah lagi.....

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi saya ingin mendapat penjelasan terhadap Projek Bukit Cawi dan Projek di Kampung Asam Jawa.

Bagi Projek Bukit Cawi peringkat awal seperti saya katakan, lebih kurang \$1 juta telah dibelanjakan untuk mengadakan satu sistem persawahan secara berkoperasi, secara beramai-ramai pada ketika itu. Apa yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa ianya diserahkan kepada FELCRA. Tetapi apa yang saya dapat tahu yang diserahkan kepada FELCRA hanya saya rasa pada tahun ini. Tetapi yang peringkat awal ini yang diserahkan kepada FELCRA ini adakah kerana gagalannya peringkat awal dan sistem yang hampir kita kata mungkin sebagai satu pendekatan kepada commune system of farming, dengan izin, Tuan Pengerusi. Adakah kerana kegagalan ini maka hendak diserahkan kepada FELCRA? Adakah juga projek di Bukit Cawi yang saya katakan pendekatan dalam bentuk tadi itu sama dengan projek yang dijalankan di Asam Jawa yang memang sangat masyhur pada tahun 1970an di mana ramai wakil-wakil peladang daripada beberapa buah negeri datang ke Kampung Asam Jawa hendak melihat sistem pertanian yang telah diterapkan kepada penduduk-penduduk kampung di situ. Ini yang saya hendak dapat penjelasan. Bagaimanakah hilangnya atau habisnya duit yang dikatakan \$1 juta sehingga pada satu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke kawasan itu berhelikopter, ada majlis dan berbagai-bagai lagi.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya ingin mendapat penjelasan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, setahu saya daripada dahulu lagi projek Bukit Cawi ini dikendali oleh FELCRA. Pada hari ini FELCRA terletak di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jadi segala-galanya diuruskan oleh Kementerian tersebut. Bukanlah ini merupakan satu kegagalan tetapi ini merupakan satu handing over daripada satu Kementerian kepada Kementerian yang lain. Jadi....

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ini check the fact peringkat awal bukan peringkat sekarang kerana ini menjadi satu perbalahan pada ketika itu antara Kerajaan Negeri dan kuasa di pusat tentang hendak menyerahkan projek ini kepada FELCRA dan apa yang saya dapat ketahui penyertaan FELCRA pada ketika itu telah ditolak dan baru ini sahaja diserahkan kepada FELCRA. Tetapi kalau saya silap saya hendak terima jawapan dan kalau boleh saya minta diberi jawapan bertulis kepada saya Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, saya akan check dalam persoalan ini dan jikalau ianya tidak secukup dengan apa yang telah saya katakan tadi saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat sebagai yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Soalnya pada hari ini soal kita hendak mengendalikan sesuatu yang boleh memberi keuntungan kepada petani. Apa cara, bagaimana sekali pun itu adalah soal yang kita tidak harus membangkitkan dalam Dewan ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Pengerusi, bila bercakap soal FELCRA, saya terpaksa memberi penjelasan sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELCRA.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh minta penjelasan. Yang Berhormat tidak boleh beri penjelasan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Sebenarnya Bukit Cawi baru tahun ini diserahkan kepada FELCRA, dahulunya kepada syarikat yang lain bukan di bawah FELCRA.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, saya akan membuat satu

penyiasatan bagaimana kedudukan yang sebenar dan jikalau itulah yang benar, saya akan memberitahu kepada Yang Berhormat yang berkenaan. Apa yang dinyatakan tadi, kita tidak mahulah berdebat dalam soal ini di Dewan ini sebab tujuan atau objektif kita ialah semata-mata untuk menolong petani yang pada masa ini berada dalam suasana yang miskin.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, saya hendak minta maaf dahulu. Tidak ada niat buruk ataupun bukan untuk hendak mengelirukan keadaan. Soalan saya peringkat awal tadi hendak mengetahui kenapakah peringkat awal projek ini gagal, itu sahaja. Tetapi oleh sebab Yang Berhormat mengatakan bahawa projek ini telah diserahkan kepada FELCRA tetapi apa yang saya tahu tidak. Jadi yang saya hendak tahu kenapa gagal dan apakah bezanya Bukit Cawi dengan Asam Jawa dan kita dapat tahu kalau ini gagal supaya kita tidak implementkan pendekatan ini di tempat lain pada masa yang akan datang. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Tidak ada niat buruk. Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, pihak saya pun begitu juga, tidak ada niat buruk (*Ketawa*) (*Tepuk*). Masing-masing bertujuan untuk memperbaiki rakyat jelata kita khususnya petani-petani.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya beralih sedikit kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut. Yang Berhormat memperkatakan bahawa terdapatnya kerja-kerja pembersihan sungai dan kawasan-nya tidak begitu elok dilaksanakan,

maka saya sukalah memberi jaminan kepada Yang Berhormat jikalau perkara ini berlaku saya akan menyiasat dan saya akan meminta pegawai berkenaan meneruskan kerjanya selama ini pada pandangan saya adalah baik.

Tuan Pengerusi, dengan penjelasan-penjelasan itu saya sekali lagi mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi ataupun membangkitkan soal-soal yang saya nyatakan sekejap tadi, Yang Berhormat dari Padang Terap, Yang Berhormat dari Bagan Serai dan Yang Berhormat dari Larut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$7,819,400 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,819,400 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1988.

Maksud P.21 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988-

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.21 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.27 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbincangan atas Maksud Pembangunan 21 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan secara khususnya saya

ingin merujuk kepada Butiran projek 002000 untuk Kompleks Budaya Negara di mana satu tambahan sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja membaiki dan mengubahsuai bangunan Kompleks Budaya Negara untuk menampung beberapa aktiviti kebudayaan.

Bercakap saya atas Kompleks Budaya Negara ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam saat di mana Malaysia sedang giat berusaha untuk menggalakkan pelancongan dan mencari jalan untuk menarik lebih ramai pelancong untuk melawat negara kita, adalah perlu bagi kita menunjukkan kepada pelancong-pelancong asing keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengandungi pelbagai kaum, pelbagai budaya dan pelbagai agama.

Dalam hubungan ini satu perkara yang menarik pelancong-pelancong asing ialah ikatan dan jalinan pelbagai kaum dalam masyarakat di negara kita. Maka adalah perlu kita mempunyai sebuah Kompleks Budaya Negara yang boleh bertindak sebagai sebuah Pusat Kebudayaan bagi menggalakkan kekayaan kebudayaan sebuah masyarakat majmuk seperti yang terdapat di negara kita di Malaysia di mana pertunjukan kebudayaan semua kaum boleh dapat dipertunjukkan kepada pelancong-pelancong asing sebagai satu bentuk atau cara tarikan.

Saya ingin mencadangkan di sini kepada Kementerian berkenaan bahawa Kompleks Budaya Negara patutlah mengkaji di samping hal-hal lain, satu rancangan jangka panjang yang viable untuk membantu menggalakkan aspek pelbagai kaum di negara kita dan juga menyajikan kepada para pelancong asing pertunjukan-pertunjukan kebudayaan yang mencerminkan kepelbagaian kebudayaan Malaysia sebagai satu cara menarik pelancong.

Saya menyokong cadangan tambahan peruntukan untuk tujuan yang tersebut dalam Kertas Perintah 23 (A) 1988 ini.

Satu perkara yang lain yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Butiran 2, Projek 00300, Pusat Penerangan Pelancongan, Kuala Lumpur. Saya menyokong cadangan tambahan peruntukan \$4.5 juta untuk membayar kerja pengubahsuaian Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang, Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat maklumat ataupun sebagai sebuah pusat penerangan untuk pelancong. Sebuah pusat maklumat pelancong sangat diperlukan di Kuala Lumpur yang biasanya menjadi destinasi pertama para pelancong apabila mereka melawat negara kita. Pusat tersebut hendaklah dibekalkan dengan kakitangan-kakitangan yang cukup terlatih yang mudah dan sering bersikap ramah dan berbudi bahasa supaya mereka akan menunjukkan satu gambaran yang baik kepada para pelancong asing dan menjadikan diri mereka merasa dialu-alukan. Pusat ini hendaklah juga dilengkapi secukupnya dengan semua jenis bahan-bahan maklumat yang akan membantu para pelancong. Pusat ini memainkan satu peranan yang penting dalam memberikan gambaran yang tepat tentang negara Malaysia untuk difahami oleh para pelancong. Manakala mengenai perkara pelancongan dan industri pelancongan yang mesti dibangunkan sepenuhnya bagi menjadikannya sebagai satu punca pendapatan pertukaran asing yang utama bagi Malaysia, saya suka mengambil kesempatan ini untuk meminta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan Pelan Induk Kebangsaan bagi pelancongan supaya Dewan ini dapat mengetahui perkembangan terakhir perkara ini, oleh sebab ini ada berkaitan dengan Pusat Penerangan Pelancongan untuk Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya, saya juga suka mendapat satu jawapan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan mengenai satu soalan yang saya anggap adalah penting tentang Perbadanan Kemajuan Pelancongan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar tentang satu siaran dalam akhbar *The New Straits Time* pada 17hb Mei, 1988 yang melaporkan satu kenyataan oleh Presiden Kesatuan Kakitangan Perbadanan Kemajuan Pelancongan mengenai keretakan perhubungan antara Kementerian yang berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa semangat dan prestasi kakitangan Perbadanan Kemajuan Pelancongan merosot ataupun telah menurun akibat kekurangan arahan dan kepimpinan yang betul, ekoran perhubungan yang buruk di antara Perbadanan Kemajuan Pelancongan dengan Kementerian yang berkenaan. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya sangat mengambil berat seperti lain-lain rakyat Malaysia mengenai perkembangan ini.

Menteri patut memandangkan perkara ini sebagai sehus kerana ia tidak patut berlaku dalam industri pelancongan. Dan matlamat-matlamat Kementerian berkenaan akan terjejas kerana kewujudan masalah yang disebutkan oleh saya tadi ataupun oleh kerana beberapa kakitangan Kerajaan tidak bertegur sapa antara satu sama lain. Menteri patut menyedari bahawa kita tidak patut membiarkan masalah seumpama ini berlaku pada masa ini apabila kita semua sedang berusaha menggalakkan industri pelancongan. Orang ramai tidak syak lagi merasa bimbang terutamanya pembayar-pembayar cukai memandangkan lebih \$100 juta telah diperuntukkan untuk TDC pada tahun ini untuk membolehkannya mencapai perkembangan yang lebih pesat.

Maka dengan ini saya hendak mengakhiri ucapan saya dan saya berharap bahawa perkara-perkara yang disebut, Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan dan jawapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengentsi (Tuan D.P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

4.36 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membangkitkan perkara P.21, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bagi Butiran Projck 00300 iaitu Pusat Penerangan Pelancongan Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$4,560,000. yang dikehendaki bagi membiayai kerja-kerja mengubahsuai Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur sebagai Pusat Penerangan Pelancongan, saya berpendapat adalah patut disokong. Dan tindakan mengubahsuai bangunan yang bersejarah sebagai Pusat Penerangan Pelancongan ini saya anggap merupakan tindakan dan pilihan yang tepat pada masa dan tempatnya. Sesuai dengan peranan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, penubuhan satu Pusat Penerangan yang tetap dan lengkap ini diperlukan sebagai sebuah bangunan dan sebagai sebuah bangunan yang menjadi Pusat Penerangan Pelancongan walaupun ia tidak mencerminkan ciri-ciri keMalaysiannya yang sebenar, tetapi kita harap pusat ini menjadi pusat sumber berita yang meliputi mengenai Malaysia.

Kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, ia sepatutnya menjadi nadi bagi pengumpulan dan penyebaran maklumat dan berita sama ada untuk keperluan pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong dari luar negeri tetapi juga dari dalam negeri dan

seterusnya bagi menyediakan dan memberikan apa jua penerangan yang diperlukan mengenai Malaysia oleh semua pihak yang memerlukannya. Maklumat Malaysia yang patut disebarkan seluas-luasnya tidak patutlah dikawal dan diketatkan atau dihadkan penyebarannya. Bagi memastikan penyebaran maklumat mengenai Malaysia ini tidak salah atau mengelirukan, maka segala maklumat yang hendak disebarkan mestilah dipastikan kebenarannya dan ketepatannya. Dengan cara ini, Pusat Penerangan Pelancongan ini mestilah mempunyai maklumat yang mutakhir ataupun up-to-date, sesuai dengan pusat yang benar-benar informative.

Tuan Pengerusi, pusat ini juga sewajarnya memberikan perkhidmatan yang tidak terhad dari segi berita dan masa. Layanan yang baik adalah amat perlu. Selain daripada itu bahan-bahan berita patutlah terkandung dalam berbagai bahasa dan dijaga pula oleh pegawai-pegawai yang berkelulusan dan berpengetahuan luas iaitu, dengan izin, knowledgeable mengenai Malaysia serta fasih menggunakan berbagai-bagai bahasa. Dengan adanya pusat ini diharap ia boleh membantu pegawai-pegawai di luar negeri memberikan maklumat yang betul di luar negeri yang mana negara ini seringkali diberikan gambaran-gambaran yang salah. Perkara ini dapat dilaksanakan secara berkesan jika ada kerjasama dan hubungan yang rapat antara Pusat Penerangan Pelancongan ini dengan Kementerian Luar melalui pejabat-pejabat Suruhanjaya Tinggi di luar negeri dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Suruhanjaya Perdagangan di luar negeri, dan selain daripada itu Pejabat-pejabat TDC di luar negeri sendiri.

Tuan Pengerusi, oleh kerana begitu besaraya peranan pusat ini, maka patutlah ia juga dilengkapi dan disediakan dengan kutub-khanah dan

pusat penyelidikan untuk berita-berita mengenai Malaysia supaya ia sentiasa kemas-kini dan seterusnya dilengkapi dengan bilik-bilik pameran untuk pameran mengenai Malaysia sama ada dalam bentuk pameran bergambar ataupun dalam bentuk-bentuk yang lain yang boleh didapati dan dilihat pada bila-bila masa.

Tuan Pengerusi, kita harap dengan cara ini pelancongan akan menjadi suatu industri yang besar dan seterusnya saya menyentuh tentang industri pelancongan yang telah disebutkan sebentar tadi dan juga perancangan bagi mewujudkan pelan induk industri pelancongan di negara kita ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah dalam pelan induk industri pelancongan itu telah dapat dirancang dengan cara memberikan tumpuan, bukan sahaja dari segi perancangan di dalam negeri, tetapi juga mengenai kaitannya dengan pelancongan yang terdapat di negara yang terdekat iaitu di Singapura. Oleh kerana tujuan kita adalah selain daripada kita menarik pelancong terus daripada luar negeri ke negara ini, kita harap juga Singapura akan menjadi laluan dan sejumlah 3.5 juta pelancong ke Singapura itu sekurang-kurangnya, walaupun tidak 50%, tetapi sejumlah peratusan yang lebih tinggi akan dapat ditarik ke negara kita. Dengan itu akan membantu industri pelancongan di negara kita menjadi lebih maju.

Tuan Pengerusi, tindakan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan patut dipuji dan sejauh ini Kementerian berkenaan telah dapat mengatur berbagai program yang baik untuk promosi pelancongan dalam negeri. Dan saya terus mengharapkan supaya Kementerian ini dapat menjalankan perancangan-perancangan yang lebih banyak, terutama dengan menitikberatkan kepada usaha-usaha kerjasama yang lebih rapat dan lebih banyak

dengan pihak-pihak swasta yang akan turut membantu usaha-usaha pelancongan di dalam negara ini.

Pusat-pusat penerangan pelancongan itu hendaknya juga diikuti dengan penubuhan pusat-pusat pelancongan yang lebih kecil tetapi lengkap di tiap-tiap negeri, terutama negeri-negeri yang penting seperti di Kedah, di Pulau Pinang dan di Johor Bharu dan juga di tempat-tempat yang lain supaya penerangan-penerangan itu bukan sahaja terletak di Kuala Lumpur atau di peringkat Pusat sahaja, tetapi juga akan tersibar di pusat-pusat yang penting.

Dan kita mengharapkan juga pusat penerangan pelancongan yang ada di Kuala Lumpur ini akan sentiasa menjalin hubungan yang erat dengan negara-negara lain supaya pusat penerangan pelancongan itu tidak terhad dari segi berita. Saya mencadangkan supaya ada kerjasama yang baik pusat penerangan pelancongan ini dengan negara-negara lain, khususnya negara ASEAN iaitu negara-negara ahli dalam ASEAN supaya sekurang-kurangnya berita-berita, pertukaran-pertukaran berita dapat dilakukan antara negara-negara ASEAN kerana kedatangan pelancong-pelancong ke negara-negara ASEAN boleh juga kita kaitkan dengan kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita sendiri.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja perbahasan saya dan saya menyokong peruntukan yang diminta ini.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.45 *ptg.*

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bertehma kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga dari Pagoh

di atas sokongan terhadap permintaan peruntukan untuk memperbaiki Kompleks Budaya Negara dan Pusat Penerangan Pelancongan di Kuala Lumpur ini, iaitu sebanyak \$6.56 juta keseluruhannya.

Dalam pada itu saya juga mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang beberapa pertanyaan dan persoalan yang dikemukakan-nya itu seharusnya dikemukakan oleh beliau sewaktu membicarakan perkara dasar kerana saya rasa sekarang ini hanya berkaitan dengan Pusat Kompleks Budaya Negara dan juga Pusat Penerangan sahaja, tak patut dikemukakan perkara-perkara seperti pelan induk pelancongan, kerana tak ada disebutkan dalam Peruntukan Tambahan ini. Begitu juga tak ada disebutkan tentang gaji di mana hendak disebutkan fasal staf, fasal pekerja-pekerja. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih juga kerana dapat memberikan penerangan berkenaan dengan perkara ini.

Jadi, berkenaan dengan pelan induk pelancongan itu, sebenarnya beberapa kali telahpun kita memberikan penerangan iaitu kajian masih lagi dalam proses. Suatu agensi dari Jepun telah menolong kita membuat kajian ini, laporan awal telah diberi dalam bulan Mei, laporan sepenuhnya akan diberi kira-kira dalam bulan Oktober/November tahun ini, insya Allah. Kita harap akan dapat memberikan penerangan lanjut apabila kita mendapat laporan selengkapnya kelak kira-kira dalam bulan Oktober/November hujung tahun ini.

Berkenaan dengan berita yang disiarkan dalam akhbar New Straits Times seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, bertarikh 17hb Mei, yang sebenarnya itu adalah suatu siaran akhbar yang dibuat oleh Presiden Union Pekerja-pekerja Bawah TDC yang mengatakan ada sedikit perselisihan faham di

antara Kementerian dengan pihak Ketua Pengarah TDC ataupun Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

Sebenarnya pegawai yang dimaksudkan ialah Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah TDC. Ini tidak melibatkan Kementerian secara menyeluruh yang mana di dalam mana-mana juga organisasi biasanya mungkin terdapat perselisihan faham di antara orang-orang tertentu. Namun demikian, perkara ini telahpun selesai. Sebagai contohnya, kita telah memastikan supaya mereka yang tidak seocok dengan mana-mana pihak akan membuatkan perangai mereka. Insya Allah, kalau ada lagi yang kita fikir tak patut bekerja di Kementerian berkenaan, kita akan meaporkan kepada pihak tertentu supaya tindakan yang sewajarnya diambil terhadap pihak yang bersalah.

Berkenaan dengan Pusat-pusat Penerangan Kecil yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, perkara itu juga patut dikemukakan sewaktu membincang di peringkat dasar. Namun demikian, saya rasa itu cadangan yang baik. Insya Allah, kita akan cuba memohon kepada pihak berkenaan mengenai peruntukan yang diperlukan supaya ianya dapat didirikan dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai Kompleks Budaya Negara, sebenarnya seperti yang disebutkan oleh wakil dari Bukit Bintang tadi, kompleks ini memang boleh digunakan oleh semua kaum untuk mengadakan apa juga tarian yang mereka fikir boleh mereka pelajari dari Kompleks Budaya Negara itu dan pihak Kementerian akan sentiasa bekerjasama untuk memberikan latihan yang diperlukan oleh segala persatuan-persatuan yang memerlukan tempat latihan. Di dalam Kompleks Budaya Negara itu sebenarnya, akan terdapat beberapa bangunan baru yang akan didirikan, di bangunan itu termasuk

juga satu theater terbuka yang boleh digunakan oleh pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan kebudayaan yang mahu menggunakan tempat itu bagi latihan-latihan mereka.

Cadangan wakil dari Bukit Bintang supaya dipertunjukkan kesenian yang mencerminkan pelbagaian kebudayaan, yang sebenarnya ini memang pun sudah dijalankan, maka itulah terdapat bermacam-macam pertunjukan kesenian yang diadakan sama ada sewaktu menyambut Hari Kemerdekaan ataupun menyambut perayaan-perayaan lain. Kerajaan tidak pernah menghalang ataupun melarang mana-mana pertubuhan mengadakan pertunjukan masing-masing asalkan ianya tidak bertentangan dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Berkenaan dengan Pusat Penerangan Pelancongan Kuala Lumpur ini, kedua-dua Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga Pagoh telah meminta penerangan yang lanjut dan membuat beberapa cadangan. Saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya kemudahan-kemudahan yang akan terdapat di Pusat Penerangan ini termasuk tempat penempahan tiket kapal terbang, tempat menempah tiket keretapi, tempat menempah hotel dan juga tempat menukar matawang asing. Inijugaakan disediakan. Selain daripada itu juga akan diadakan ruang pameran mengikut negeri-negeri di negara kita ini. Semua negeri-negeri akan mempunyai ruang pameran masing-masing. Satu pawagam kecil (theatret) untuk pertunjukan video yang ada kaitannya dengan pelancongan di negara kita. Juga akan diadakan sebuah Dewan Pertunjukan Kebudayaan. Dewan Tunku Abdul Rahman yang ada sekarang ini akan diubahsuai dijadikan Dewan Pertunjukan Kebudayaan. Kira-kira 300 orang boleh duduk melihat pertunjukan kebudayaan itu. Juga akan diadakan sebuah panggung terbuka untuk pertunjukan kesenian dan kebudayaan.

Selain daripada itu juga ruang laman untuk pertunjukan permainan tradisional akan disediakan. Ini termasuk permainan gasing dan sebagainya, juga akan diadakan pusat kraftangan, sebuah restoran selain daripada ruang-ruang pejabat dan juga tempat letak kereta dan juga tempat letak bas-bas pelancongan. Ini akan diadakan.

Setakat ini pihak Kementerian telahpun mendapat kebenaran daripada pihak Dewan Bandaraya mengenai pelan rekabentuk daripada pihak Dewan Bandaraya dan tender, insya Allah, akan dipanggil pertengahan bulan Julai ini dan ini dijangka akan siap kira-kira dalam pertengahan tahun hadapan. Bagi Kompleks Budaya Negara, kelulusan juga sedang diperolehi. Apabila kelulusan diperolehi, tender juga akan dipanggil dan dijangka akan siap kira-kira pertengahan tahun hadapan.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh supaya sebahagian daripada pelancong-pelancong yang berjumlah 3.5 juta ke Singapura supaya datang ke Malaysia. Sebenarnya memang ada kerjasama di antara TDC ataupun PKPM (Pusat Kemajuan Pelancongan Malaysia dengan STPB (Singapore Tourist Promotion Board). Ini memang ada kerjasama dan tiap-tiap satu badan menyediakan kira-kira satu juta Singapore dollars bagi promosi bersama. TDC juga mempunyai kerjasama dengan pihak TAT (Tourist Authority of Thailand). Kita mempunyai kerjasatna dengan mereka, selain daripada itu ASEAN sendiri mempunyai kerjasama di bidang pelancongan. Insya Allah mulai bulan Ogos, satu pusat atau ATIC (ASEAN Tourist Information Centre) akan didirikan di Kuala Lumpur di mana keenam-enam buah negara dalam ASEAN ini akan bekerjasama di dalam bidang pelancongan. Ketua Pengarah yang pertamanya ialah terdiri daripada seorang Malaysia. Ini satu penghormat-

an kepada kita dan ARTIC ini akan ditubuhkan di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat dari Pagoh juga mengharapkan supaya maklumat-maklumat ini sentiasa informative. Malah bukan sahaja informative, kita juga memastikan ianya kemaskini dan insya Allah kita akan pastikan supaya bahan-bahan ini sentiasa diperbaharui supaya kemaskini. Kita berharap juga melalui penerangan-penerangan ini, gambaran-gambaran yang akan diberi terhadap negara kita akan lebih benar, akan lebih menyerupai keadaan sebenar daripada yang ada sekarang ini, walaupun sering kali kita memberi gambaran yang betul, tetapi kadangkala ada orang-orang tertentu yang sengaja suka memberi gambaran-gambaran yang tidak betul. Kadangkala gambar yang betul laporannya tidak betul.

Baru-baru ini misalnya, ada satu suratkhbar Malaysia yang melaporkan kononnya satu Fuji Television Company memaksa atau menyuruh orang Murut membuat kelakuan tertentu untuk diambil gambar. Kita menyelidiki, saya sendiri lihat video ini dan tidak ada yang seperti itu. Hanya reporter ini sahaja yang hanya membuat laporan-laporan yang sensation. Sebenarnya dia sengaja membuat laporan seperti itu, tujuannya kita tidak tahu. Kita dapati bahawa gambar yang disiarkan itu tidak ada salah, laporannya yang sengaja disalahkan. Ini sehng berlaku malangnya terhadap negara kita.

Saya kira itulah sahaja yang dapat saya perkatakan. Walau bagaimanapun kalau sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh, percayalah, ianya akan kita teliti kembali dan segala cadangan-cadangan kita akan praktikkan dan terima kasih. Dengan adanya cadangan-cadangan seperti ini saya percaya semuanya akan

berjalan lebih lancar lagi demi kepentingan kita bersama.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,560,000 yang disebutkan dalam Maksud P.21 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,560,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.I) 1988.

Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(BiU) 1988)-

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Maran.

5.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Kepala P.26, di bawah Kementerian Pendidikan dan merujuk kepada Butiran (Projek) 02800, Universiti Islam Antarabangsa.

Pertama, peruntukan sebanyak \$100 juta dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja awal- pembinaan kampus Universiti Islam Antarabangsa di Bertong. Peruntukan ini memang wajar kerana ini merupakan satu pembinaan kampus universiti yang baru dan sudah barang tentu akan memakan belanja yang besar bagi menyiapkan kampus tersebut.

Dalam hal ini, saya ingin mendapat penjetasan daripada Kementerian yang berkenaan iaitu apakah kerja-kerja

awal yang akan dibuat kepada pembinaan kampus tersebut dan bilakah pembinaan bangunan bagi kampus itu bermula dan bila dijangka siap dan bila pula masanya boleh digunakan kampus tersebut. Kerana buat masa sekarang Universiti Islam Antarabangsa ini hanya menumpang sementara di bangunan Kolej Islam Petaling Jaya dahulu.

Saya percaya oleh kerana banyak lagi kursus-kursus yang akan dianjurkan sudah barang tentu akan menambahkan lagi bilangan pelajar yang memerlukan kelengkapan yang baik dan sempurna, dan juga memerlukan bilik-bilik kuliah bagi menampung pelajar-pelajar yang berctambah dari masa ke semasa.

Sebagaimana diketahui baru-baru ini juga beberapa pengajian baru ataupun kursus baru akan diperkenalkan di universiti ini.

Saya juga ingin mendapat penjelasan adakah pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk menambahkan satu fakulti ataupun kuliah bahasa Arab atau "kuliatul-lurah". Jadi, saya percaya dengan adanya kuliah ini akan menambahkan lagi pelajar kita yang boleh berbahasa Arab ataupun kita tidak perlu menghantar pelajar-pelajar belajar ke luar negeri kerana kita mempunyai kuliah bahasa sendiri di universiti tersebut.

Saya rasa ini sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

5.03 ptg

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, P. 26 berhubung dengan sejumlah \$12.84 juta yang diperuntukkan secara langsung pada asalnya,

kedua-dua institusi pengajian tinggi ini menerima sejumlah \$142.84 juta, dalam peruntukan untuk membiayai kerja awal pembinaan kampus tetap masing-masing di Bentong, Pahang dan di Sintok, Kedah.

Tambahan peruntukan ini merupakan yang paling besar sekali di antara Kementerian-kementerian yang menerima tambahan perbelanjaan pada kali pertama bagi tahun ini. Ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menambahkan bilangan institusi pengajian tinggi dan peruntukan yang besar ini juga mungkin didorong oleh hasrat Kerajaan untuk meningkatkan standard universiti-universiti tempatan dan dalam aspek fizikal.

Tuan Pengerusi, Kerajaan seharusnya menjelaskan kepada rakyat jelata jenis standard yang diidam-idamkan oleh Kementerian baik dalam bentuk fizikal mahupun dari segi mutu keilmuan iaitu standard pensyarah serta pelajar.

Standard universiti asing yang manakah yang akan dipilih untuk menjadi model universiti-universiti tempatan. Adakah peruntukan tambahan ini akan menjadi pelaburan asas kepada universiti idaman Kementerian dalam semua aspek atau semata-mata satu pencapaian dalam reka bentuk sahaja. Dengan tersiarnya standard yang ingin dicapai oleh Kementerian dalam kedua-dua aspek fizikal dan keilmuan bagi universiti-universiti tempatan maka barulah rakyat Malaysia boleh menentukan sama ada wang peruntukan yang sebegitu banyak itu telah digunakan dengan secekap-cekapnya.

Tuan Pengerusi, pada dua tiga hari yang lepas saya pun ada membangkitkan mengenai standard universiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Tetapi selepas itu tidak ada jawapan semasa Menteri

menjawab teguran-tcguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kali ini saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dapat menjawab soalan saya yang begitu penting untuk negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Simunjan.

5.06 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya minta maaf kerana ini pertama kali saya semenjak dipindahkan di tempat duduk ini saya bercakap mengenai pelajaran.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta maaf, untuk apa?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kerana dulu pelajaran juga, tetapi sekarang hendak sentuh sedikit. Sudah lama tidak ada hal. Edahnya sudah cukup. Dalam agama Islam edahnya sudah cukup.

Saya ingin bercakap mengenai Universiti Islam Antarabangsa ini. Nama ini seolah-olah menunjukkan bahawa universiti ini ialah universiti antarabangsa yang dimiliki oleh bukan hanya Malaysia tetapi seluruh umat Islam di seluruh dunia termasuklah negara-negara Islam yang telah selama ini bersetuju untuk menyumbangkan kepada pembangunan Universiti Islam Antarabangsa ini.

Apa yang hendak saya timbulkan ialah apakah Universiti Islam Antarabangsa ini benar-benar mempamerkan satu identiti Universiti Islam Antarabangsa yang dimiliki oleh seluruh negara Islam di dunia ini. Itu satu.

Kedua, apakah sekiranya ianya dipertanggungjawabkan kepada negara-negara Islam di seluruh dunia yang sudah bersetuju ataupun yang setidak-

tidaknya yang sudah bersetuju bahawa mereka akan menyumbangkannya. Apakah beban ini harus dipikul oleh semua ataupun dipikul oleh Malaysia sendiri. Apa yang saya dapat tahu ialah negara-negara Islam yang telah berjanji menyumbang setakat ini tidak menepati janji dengan memuaskan. Setelah mereka gagal menepati janji, maka Malaysia terpaksa menanggung beban untuk meneruskan perjuangan bagi mewujudkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa ini.

Saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian. Apakah kemajuan setakat ini dan apakah mereka ini telah benar-benar tampil ke hadapan menyumbangkan kepada pembangunan Universiti Islam Antarabangsa ini.

Dan negara-negara Islam manakah yang setakat ini sudah menyumbangkan, berapajumlah yang disumbangkan dan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menentukan mereka ini sama-sama terus tampil ke hadapan untuk menyumbangkan kepada pembangunan universiti ini ataupun, dengan izin, is it totally a Malaysian struggle. Tuan Pengerusi, itu pertama dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk pergi ke negara-negara Islam dengan lebih kerap supaya mereka dapat memberi penjelasan dan sebagainya supaya negara-negara ini akan dapat menyumbangkan kepada universiti ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ialah saya melihat bahawa selama ini langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menubuhkan universiti ini ialah pertama, dengan mengumumkan universiti ini akan ditubuhkan, diwujudkan, kemudian tibalah masanya untuk negeri-negeri masing-masing negeri dicadangkan di mana universiti akan diadakan untuk lobi supaya cepat universiti itu didirikan. Misal kata di satu ketika dahulu sebuah cawangan Universiti Sains Malaysia ditubuhkan

di Perak, jadi lobi-melobi itu dilakukan hingga terpaksa Kerajaan menggunakan sebuah tempat yang usang, yang tua untuk meneruskan perjuangan menubuhkan universiti sementara hingga universiti tetap itu diadakan, jadi perbelanjaan begitu besar. Begitu jugalah dengan Universiti Utara Malaysia terpaksa secara melulu, secara tergesa-gesa dibuat peruntukan dalam tahun itu hingga memotong peruntukan di sana-sini untuk menentukan supaya universiti itu diadakan dengan cepat dan menggunakan tempat yang 'temporary', dengan izm. Jadi ini nampaknya membazirkan wang Kerajaan.

Saya cadangkan supaya di masa akan datang kalau sekiranya kita membuat perancangan yang terperinci jangka panjang, saya rasa untuk mengelak daripada membelanjakan wang begitu banyak adalah lebih baik untuk Kerajaan apabila hendak merancangkan buatlah perancangan jangka panjang umum, kemudian tetapkan tempat, kemudian apabila tempat sudah dibuat, barulah pindah ke sana supaya tetap itu tetap dan perbelanjaan tidak dibazirkan untuk tujuan ini. Jadi, saya rasa ini harapan saya bukan hanya semata-mata untuk mengelak daripada pembaziran wang untuk belanja universiti sementara itu tetapi mengelakkan daripada kurang usaha pihak Kerajaan untuk merancang dengan lebih teliti di dalam jangka masa lebih panjang.

Akhir sekali, saya hendak komen ialah universiti-universiti ini, kadang-kadang menjadi rebutan, negeri ini minta universiti, negeri ini minta universiti, Sarawak minta universiti, Sabah pun minta universiti juga, Simunjan kawasan saya pun minta juga sebuah universiti, kalau dapat saya minta ini satu.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Itu dasar, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, dasar. Curi-curi sedikit, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Sudahlah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya. Jadi saya kata kurangkan mempolitikkan ini untuk negeri-negeri ini, kalau dapat beri Sarawak satu, Simunjan satu. Itu sahaja, terima kasih, Tuan Pengerusi.

5.15ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan bagi membahaskan Maksud P.26 Kementerian Pendidikan dengan merujuk kepada Butiran 02800 Universiti Islam Antarabangsa. Saya kira wujudnya Universiti Islam Antarabangsa telah meletakkan negara kita ini ke satu tahap yang tinggi, bukan sahaja memenuhi kehendak permintaan masyarakat Malaysia yang mahukan Universiti Islam wujud di negara iri tetapi juga telah meletakkan satu tahap yang tinggi di mana Malaysia memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pendidikan Islam bukan sahaja di nusantara ini, mungkin juga di peringkat antarabangsa.

Sudah lama diperkatakan tentang kemunculan Universiti Islam Antarabangsa ini tetapi yang agak mendukacitakan ialah soal pembinaan kampus tetap universiti ini agak begitu lewat kalau dibandingkan dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang juga ada disebut dalam Butiran berikut, saya kira Universiti Islam Antarabangsa agak lembab sedikit. Oleh hal yang demikian, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian dan Kerajaan yang telah memperuntukkan \$100 juta bagi pembinaan ini. Saya harap pembinaan ini akan tidak tergendala dan akan terus menjadi kenyataan dan akan dapat digunakan secepat yang mungkin bagi

mengatasi tempat Universiti Islam Antarabangsa kampus sementara di Lembah Pantai yang ada pada masa ini.

Saya juga berharap pihak Kementerian Pendidikan dalam usaha pembentukan pengwujudan universiti ini supaya dapat jangan mengambil kira dari segi kualiti bangunan semata-mata kerana kita telah banyak memperkatakan soal penjimatan dan kita tidak mahu Universiti Islam Antarabangsa ini walaupun ia bertaraf antarabangsa seperti Universiti Teknologi Malaysia di Sekudai, Johor yang telah memakan belanja begitu tinggi. Apa yang dipentingkan saya rasa adalah kualiti pembelajaran yang diwujudkan dalam universiti tersebut. Seperti yang saya kata tadi walaupun ini merupakan antarabangsa dan kita lihat di negara-negara Islam yang lain pusat-pusat pengajian tinggi mereka saya rasa juga tidak mementingkan dari segi bentuk fizikal, tetapi dari segi keilmuan yang kita wujudkan dalam universiti-universiti yang berkenaan.

Saya juga ingin bertanya Kementerian Pendidikan adakah Universiti Islam Antarabangsa ini akan setanding ataupun melebihi universiti-universiti Islam yang terkenal di seluruh dunia, seperti Azhar Universiti, pusat pengajian di Arab Saudi, di Maghribi dan sebagainya. Kalau itulah tujuan objektif Kementerian ini, saya kira adalah sangat-sangat dialukan tetapi kalau hanya meletakkan dari segi nama sahaja, pada saya adalah suatu yang tidak kena. Oleh hal yang demikian, sekali kita meletakkan harapan seluruh umat Islam untuk mewujudkan satu pusat pengajian dan yang akan menjadikan negara ini sebagai negara yang dikenali di seluruh dunia satu pusat pendidikan yang tinggi mestilah dijadikan usaha yang terus-menerus dan ditingkatkan mutu pembelajaran di Universiti Islam Antarabangsa ini.

Saya berharap sumbangan Kerajaan-kerajaan atau negara-negara luar bagi

membiayai universiti ini juga mestilah diambil kira sepertimana pandangan-pandangan ahli-ahli yang telah memperkatakan soal ini. Ia tidak boleh dibebankan kepada Malaysia sahaja oleh kerana kita telah meletakkan universiti ini bertaraf antarabangsa, maka sampailah pihak Kementerian dan juga mungkin dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri kita bagi membincangkan perkara-perkara ini dalam segenap ataupun sebarang persidangan Islam yang bercorak antarabangsa bagi memuatkan perbincangan ini menjadikan ini satu isu yang perlu dibincangkan kerana saya rasa kalau semua negara-negara Islam, terutama negara-negara yang kaya, negara-negara Arab sendiri mengambil berat dalam soal Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia ini kemungkinan kita akan dapat menyegerakan pembinaan pengwujudan universiti ini dalam ini kata kampus yang tetap.

Kita berharap sekiranya perkara ini dapat dilakukan, bukan sahaja kita dapat memberikan tempat yang lebih kepada pelajar-pelajar kita dalam negara Malaysia sendiri, tetapi juga akan dapat memenuhi permintaan daripada seluruh masyarakat Islam yang ingin belajar di negara kita ini.

Saya mendapat tahu Universiti Islam Antarabangsa ini memberikan keutamaan pembelajaran dari segi dua bahasa pengantar, Bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Adalah juga sampai masanya supaya Bahasa Malaysia juga dijadikan salah satu bahasa rasmi pengantar di Universiti tersebut. Ini sesuai dengan peningkatan penggunaan Bahasa Malaysia di tempat yang lebih meluas lagi, bukan sahaja untuk orang-orang Malaysia tetapi juga kepada pelajar-pelajar yang datang belajar di universiti tersebut dan dengan ini sekali gus menjadikan bahasa kita bahasa yang diakui, kita harap satu masa di peringkat antarabangsa dan kita janganlah menumpukan soal bahasa-

bahasa yang lain walaupun ianya penting, tetapi kita tidak boleh melupakan bahasa ibunda kita sendiri yang berkebetulan tempat Universiti Islam Antarabangsa juga di negeri kita.

Saya juga berharap dengan penubuhan universiti ini nanti akan memberikan keutamaan kepada orang-orang Mataysia sendiri. Ianya bukan sahaja kepada kalangan penuntut, termasuk kakitangan-kakitangan dan pensyarah-pensyarah dan juga kalau boleh biarlah Rektor ataupun kalau istilah universiti yang lain sebagai Vice-Chancellor terdiri daripada orang Malaysia. Barangkali di peringkat permulaan ini Malaysia telah melantik seorang Rektor daripada negara luar bagi memperlihatkan kepada dunia bahawa suatu universiti yang berwibawa patut wujud di sini dengan melantik seorang Rektor dari orang luar. Sampai masanya saya kira orang Mataysia sendiri boleh menerajui, mengambil tempat sebagai Rektor di universiti ini. Itu sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.24 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillah-rahmannirrahim. Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta membahaskan maksud P.26- Kementerian Pendidikan kerana sebelum ini saya telahpun membangkitkan beberapa perkara tetapi tidak mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya rasa perkara-perkara yang saya bangkitkan dahulu itu agak penting diketahui oleh kita. Maka saya berharap benar kepada pihak Timbalan Menteri Pendidikan dapat memberi penjelasan-penjelasan yang saya akan ringkaskan sahaja.

Pertamanya, apakah ciri-ciri antarabangsa yang ada di dalam Universiti

Islam Antarabangsa. Berapakah bilangan pelajar-pelajar Islam dan pelajar-pelajar bukan Islam, kerana Universiti Islam juga adalah untuk semua. Berapakah jumlah derma yang telah dijanjikan oleh negara-negara Islam? Berapakah jumlah yang telah dipungut? Apakah usaha-usaha yang dibuat untuk memungut derma-derma itu?

Memang sudah ada beberapa buah negara Islam di dalam Persidangan Antarabangsa ataupun di dalam masa mereka melawat ke Malaysia telah membuat janji-janji berkenaan, tetapi jumlah sebanyak manakah yang sebenarnya yang telah mereka sumbangkan. Adakah kita telah berusaha untuk memungut derma-derma yang telah dijanjikan itu kerana biasanya janji sangatlah mudah, sangatlah manis, tetapi apabila sampai hendak melaksanakannya maka agak susah. Jadi, apa yang telah dijanjikan itu adalah menjadi hak kita dan menjadi hak kita juga menuntut kepada orang-orang yang telah menjanjikannya. Kita berharap supaya Universiti Islam Antarabangsa merupakan sebenar-benarnya Universiti Islam Antarabangsa ditanggung oleh semua negara-negara Islam, bukan bagi pihak kita sahaja, bukan kita sahaja yang semestinya menanggung beban Universiti Islam Antarabangsa itu.

Selain daripada itu, kita juga perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh memungut derma-derma baru dari negara-negara Islam. Kita dapat tahu dan selalu pemimpin-pemimpin dari negara kita melawat ke negara-negara Islam, maka patutlah diambil kesempatan daripada lawatan-lawatan itu untuk mencari sumbangan danderma untuk Universiti Islam Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

5,28 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi soalan dan cadangan yang membina untuk membantu Kementerian Pendidikan untuk membangunkan prestasi dan pembangunan Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa, dan izinkan saya memberi sedikit jawapan di sini.

Yang Berhormat dari Maran menyoal berkaitan dengan kerja-kerja awal yang sudah diambil untuk membina kampus tetap Universiti Utara Malaysia dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja awal yang sudah dilaksanakan ialah perlantikan Perunding Pembinaan Projek Kampus Tetap Universiti Utara Malaysia telah dilaksanakan dalam bulan Jun, 1988 ini. Pihak JKR sedang menyediakan kerja-kerja infrastruktur iaitu jalan.....

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: (*Bangun*). Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Maran bangun, minta penjelasan.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Universiti Islamkah ataupun Universiti Utara Malaysia yang dijawab oleh Timbalan Menteri?

Tuan Woon See Chin: Tuan Pengerusi, Universiti Islam Antarabangsa itu projek pengkajian awal sudah dijalankan oleh JKR dan perunding kita tetapi pembinaan akan dibina apabila semua pelan induk sudah disediakan dan peruntukan itu disediakan dan pada tahun ini selepas peruntukan ini sudah diluluskan, pembinaan akan dijalankan di kampus baru ini.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Kuliah Bahasa Arab, Kementerian Pendidikan akan menimbang cadangan itu.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Simunjan, Sabak Bernam dan Sungai Petani ada menyoal berkaitan dengan adakah negara-negara asing bertanggungjawab untuk memberi sumbangan untuk membina Universiti Islam Antarabangsa dan sebab apakah pembinaan Universiti Islam Antarabangsa sangat lambat jika dibandingkan dengan universiti-universiti tempatan yang berada di sini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya hendak menerangkan di sini bahawa Negara-negara Islam lain tidak ada menjanji sebarang sumbangan untuk membina Universiti Islam Antarabangsa ini, sebaliknya Negara-negara Islam tersebut telah membiayai peruntukan penuntut-penuntut tajaan dari negara-negara masing-masing. Jumlah wang tajaan yang telah dibayar setakat ini ialah sebanyak \$6,271,105.

Berhubung dengan rekabentuk bangunan Universiti Islam Antarabangsa, perkara ini akan diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan dalam pimpinan Yang Berhormat Tuan Anwar Ibrahim sedang berusaha untuk mendapat perhubungan rapat dengan Negara-negara Islam di antarabangsa ini untuk mendapat kerjasama dari mereka dan rombongan sudah diambil untuk melawat Negara-negara Islam dan universiti-universiti di Asia Tenggara untuk mendapat pengalaman dan wakil-wakil dari Negara-negara Islam pun ada membuat lawatan ke Universiti Islam Antarabangsa ini. Kementerian Pendidikan dengan pimpinan Menteri Pendidikan ada membuat usaha untuk menarik mereka dan pada tahap sekarang kita tidak dapat sumbangan yang banyak dari banyak Negara-negara Islam ialah sebab mereka pun tidak mencukupi kewangan

prcruntukan sendiri dan di Universiti Islam Antarabangsa bilangan pelajar tempatan lebih ramai dibandingkan dengan pelajar dari negara asing atau negara-negara Islam dan sebab itu tidak patutlah kita memaksa Negara-negara Islam untuk memberi sumbangan yang tidak seimbang dengan pelajar-pelajar yang belajar di Universiti Islam Antarabangsa ini.

Selepas kita membesarkan kampus Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Islam Antarabangsa nanti menjadi satu kampus yang bersejarah di dunia ini, saya yakin bahawa lebih ramai pelajar-pelajar dari Negara-negara Islam dan negara-negara lain pun akan berminat untuk menghantar pelajar-pelajar ke Universiti Islam Antarabangsa ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat dari Sabak Bernam bahawa kita hendaklah mengutamakan memberi peluang kepada pelajar tempatan, saya hendak menjawab bahawa pada masa sekarang kita memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar tempatan sebab kitapun tidak dapat ramai pelajar-pelajar dari negara asing dan pada masa ke hadapan sekiranya kita sudah dapat satu Universiti Islam Antarabangsa sebagai satu universiti yang bersejarah, nanti kita dapatlah menahk lebih ramai pelajar dari negara asing.

Berkaitan dengan Bahasa Malaysia-aaa untuuk digunakan di Universiti Islam Antarabangsa, saya hendak menerangkan di, sini Bahasa Malaysia adalah diajar di sana tetapi tidak adillah kita memaksa pelajar asing untuk mempelajari Bahasa Malaysia sebab ini akan menakutkan mereka untuk berminat untuk belajar di Universiti Islaam Antarabangsa kita ini tetapi kita hendak menarik minat mereka untuk mempelajari Bahasa Malaysia kita ini untuk mendapat satu perhubungan yang lebih rapat di antara negara-negara mereka dengan negara kita ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat dari Kepong berkaitan dengan prestasi universiti-universiti di negara kita ini, saya hendak meyakinkan Yang Berhormat bahawa jangan bimbang bahawa prestasi universiti-universiti tempatan ini sudah jatuh - tidak. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan mutu pendidikan universiti-universiti tempatan dan menjaminkan bahawa prestasinya setanding dengan taraf akademik universiti-universiti terkenal di dunia ini. Setakat ini graduan-graduan lepasan universiti tempatan kita sentiasa mendapat pengiktirafan dari institusi pengajian tinggi luar negeri dan semua universiti-universiti di Malaysia ini ada berusaha untuk membuat rombongan melawat ke universiti-universiti yang terkenal di duhia dan ada juga menjemput pensyarah-pensyarah atau pakar-pakar yang terkenal di dunia ini untuk melawat universiti dan memberikan syarahan-syarahan dan dengan pertukaran pengalaman dan ilmunya bahawa prestasi universiti-universiti tempatan kita dapat dipertingkatkan lagi, Ini satu usaha yang kita terus jalankan.

Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan apa yang saya tidak dapat jawab iaitu cadangan-cadangan yang sangat membina yang sudah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil ingatan dan perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhonnat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$ 130,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$130,000,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1988.

MaksudP.31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P. 31 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,130,000 yang disebutkan dalam Maksud P.31 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kewangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,130,000 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1988.

MaksudP.33 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988) -

Tuan Pengerusi (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P. 33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.42 ptg.

Dr Goh Cbeing Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P.33, Butiran (Projek) 00100 Pinjaman Kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Pada prinsipnya saya menyokong pinjaman ini sebanyak \$30.8 juta kerana Kerajaan-kerajaan Negeri memang memerlukan bantuan kewangan daripada Kerajaan Perseku-

tuan. Tetapi saya berharap duit ini tidak akan digunakan oleh pihak yang berkenaan untuk membiayai hutang-hutang yang dialami oleh usaha-usaha perniagaan yang merugikan.

Kerajaan Persekutuan tidak menguasai Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Hakikat ini tidak boleh dinafikan. Walau bagaimanapun, ia dapat mempengaruhi keputusan mereka terutama sekali melalui gran dan pinjaman yang dipohon.

Ingin saya menyeru kepada Kementerian Perusahaan Awam, agensi Persekutuan yang ditanggungjawabkan untuk menyelaraskan kegiatan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini, supaya mempercepatkan proses menutup atau menswastakan usaha-usaha ekonomi yang masih merugikan. Kerajaan, sama ada Negri atau Persekutuan, haruslah menumpukan segala perhatiannya terhadap tugas utamanya iaitu memerintahkan negara. Ia patutlah menyerahkan perniagaan dan lain-lain kegiatan ekonomi kepada sektor swasta.

Di ucapan Belanjawan tahun yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menswastakan atau menutup beberapa syarikat yang terus mengalami kerugian.

Tuan Pengerusi, saya dengan hormatnya menggesa Kerajaan baikpun Negeri mahupun Persekutuan terus beraazam untuk menutup atau menswastakan perniagaan-perniagaan yang merugikan dan mengekalkan momentum ini sehingga beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan di dalam bentuk subsidi, pinjaman dan lain-lain bantuan dapat dikurangkan dan diminimalkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Kepong.

5.47ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, permintaan untuk menambahkan perbelanjaan sebanyak \$30.82 juta untuk maksud pinjaman pada Perbadanan Kemajuan Negeri di Semenanjung membangkitkan soalan di kalangan kami.

Pada keseluruhannya pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri di Semenanjung telah meningkat kepada \$71.3 juta bagi tahun 1988. Jumlah besar wang pinjaman ini adalah lebih besar daripada perbelanjaan sebenar tahun 1986 dan anggaran perbelanjaan 1987 bila dikira bersama-sama iaitu sebanyak \$68.828 juta. Keadaan ini adalah bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh Menteri Perusahaan Awam pada bulan Mac yang lalu semasa beliau merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Kordinasi kedua-dua Perbadanan Kemajuan Negeri serta Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri. Beliau telah menyarankan bahawa kedua-dua Perbadanan ini supaya mengurus dengan ketatnya kewangan mereka dengan mengurangkan pembaziran dan meningkatkan produktiviti pada setiap masa kerana jumlah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan akan dikurangkan, tambahan lagi pada bulan November tahun lepas Menteri tersebut yang sama telah mengatakan bahawa 12 daripada 13 buah Perbadanan Kemajuan Negeri telah bersama-sama mencatatkan keuntungan terkumpul sebanyak \$1.3 billion sejak penubuhan badan-badan tersebut, walaupun kira-kira 300 daripada 700 buah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri dilaporkan pada bulan Ogos tahun lepas sedang menghadapi kerugian yang besar. Maklumat-maklumat seperti ini adalah saling bertentangan dan amat

mengelirukan. Pada halnya angka-angka yang diberi oleh pihak Kerajaan seringkali menimbulkan kekeliruan.

Kesangsian mengenai kesihatan kewangan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri bertambah-tambah lagi apabila dilaporkan pada bulan Mac juga iaitu 15hb Mac tahun ini, bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan terlibat dalam pemberian pinjaman sebanyak \$63 juta tanpa dokumen sokongan kepada anak-anak syarikat dalam tahun 1984 dan ada setengah-setengah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri lain dilaporkan berbuat demikian. Sejauh manakah masalah pemberian pinjaman yang menyeleweng daripada prosedur biasa dilakukan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri di seluruh Semenanjung dan di Malaysia Timur tidaklah diketahui. Oleh itu Kerajaan harus menepati kata-katanya dan mengurangkan pembiayaan Perbadanan Kemajuan Negeri terutamanya terhadap mereka yang didapati menyeleweng daripada prosedur kewangan yang biasa dipraktikkan serta mengambil tindakan yang tegas ke atas mereka yang melakukan kesalahan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyeru Perbadanan-perbadanan Kerajaan supaya jangan menyeleweng dalam penggunaan peruntukan projek pembangunan pada beberapa hari yang lepas dan inilah peluang yang baik sekali bagi Yang Berhormat Menteri untuk membuktikan keikhlasan Kerajaan Pusat dalam usaha mengetatkan kewangan dan mengikiskan pembaziran serta penyelewengan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal dan Kepong kerana telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Kementerian Perusahaan Awam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telahpun diarahkan supaya meningkatkan kedudukan kewangan Perbadanan masing-masing. Daripada arahan-arahan inilah maka 12 daripada 13 Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telahpun mencatatkan keuntungan.

Selain daripada itu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri juga mestilah meneruskan peranan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menggerakkan ekonomi negara di samping memainkan peranan untuk membantu bumiputera dalam bidang-bidang ekonomi dan perniagaan yang mana kemampuan bumiputera belum lagi menguasai bidang-bidang yang berkenaan. Bahkan peranan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telahpun ditentukan sebagai badan yang menjadi payong ataupun melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang mana kemampuan bumiputera ataupun syarikat-syarikat bumiputera tidak boleh melibatkan diri mereka.

Ini jelas, bahkan pihak Kementerian telahpun mengarahkan beberapa anak syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri untuk tidak bersaing dengan aktiviti-aktiviti ekonomi ataupun perniagaan yang mana syarikat-syarikat bumiputera ataupun bumiputera individu mampu mengendalikannya.

Saya suka mengambil perhatian mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Nibong Tebal mengenai penyerahan syarikat-

syarikat kepada orang ramai. Sebenarnya ini memang dilakukan. Pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telahpun menyerahkan syarikat-syarikatnya kepada PNB untuk dilibatkan dalam Amanah Saham Nasional iaitu syarikat-syarikat yang telah mencapai keuntungan dan menjadikan satu unsur-unsur positif kepada penglibatan bumiputera dalam saham khususnya dalam Amanah Saham Nasional. Syarikat-syarikat yang rugi pula akan dipulihkan di mana ia boleh dipulihkan dan ini sangat menggalakkan, kerana banyak syarikat-syarikat yang rugi telahpun kembali semula mencapai keuntungan.

Di samping itu juga mana-mana syarikat yang rugi dan tidak boleh dipulih akan diserahkan kepada mana-mana pihak yang mahu mengambil-alih aktiviti-aktiviti tersebut ataupun syarikat-syarikat tersebut, dan sekiranya tidak ada pihak-pihak swasta ataupun pihak orang ramai yang mahu mengambil-alih syarikat-syarikat tersebut maka syarikat-syarikat tersebut akan ditutup. Ini telahpun kita lakukan berulang kali.

Tuan Pengerusi, mengenai saranan daripada Yang Berhormat dari Kepong, saya percaya pihak Menteri Perusahaan Awam tidak pernah menyatakan yang Perbadanan Ekonomi Negeri tidak akan lagi meminjam daripada Kerajaan Pusat ataupun mana-mana pihak. Seperti Yang Berhormat maklum, apa-apa perniagaan pun, walaupun perniagaan yang telah besar dan maju, ianya semestinya melibatkan diri dalam penambahan modal. Modal itu ada kalanya diperolehi daripada pemegang-pemegang saham dan ada katanya pula daripada pinjaman-pinjaman kerana ini menjadi hakikat cara perniagaan yang sebenar. Sekiranya gearing syarikat perniagaan itu begitu rendah, maka adalah menjadi satu tabii syarikat-

syarikat untuk meminjam sebagai satu cara penambahan modal.

Dalam ekonomi yang sedang pulih untuk menggerakkan peluang-peluang ekonomi dan aktiviti-aktiviti perniagaan, maka masa sekaranglah peluang-peluang yang wujud, yang hendak diambil dengan secepat mungkin melalui kegiatan ekonomi dan perniagaan yang boleh menggerakkan kemampuan syarikat-syarikat ataupun perbadanan untuk mencapai keuntungan yang lebih besar ataupun memperbesarkan perniagaan.

Adalah tidak lojik sekiranya kita hendak menggerakkan atau membesarkan sesuatu aktiviti perniagaan dengan tidak menambahkan modal. Maka oleh sebab itulah dijangkakan segala peruntukan yang dipohonkan oleh Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri telahpun dikaji dengan teliti bukan sahaja daripada pihak Perbadanan bahkan daripada pihak Kementerian sendiri dan menentukan peruntukan ini hanyalah diberikan ataupun dipohon untuk projek-projek yang akan memberikan keuntungan sahaja dan projek-projek yang tidak memberi keuntungan tidak akan dibenarkan untuk dipohon oleh Perbadanan Ekonomi Negeri. Dan dalam hal ini sukalah saya menyatakan iaitu penelitian telah dibuat dan kajian yang teliti telah dibuat sebelum permohonan Perbadanan ini diutarakan.

Saya suka juga memberi perhatian iaitu pihak Perbadanan akan terus memainkan peranan untuk menjadi penggerak kepada ekonomi negara di samping membantu kegiatan ekonomi bumiputera. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30,823,000 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan Tam-

bahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Perusahaan Awam hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30,823,000 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1988.

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(BiU) 1988)-

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$500,000 yang disebutkan dalam Maksud P.44 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$500,000 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1988.

Maksud P.46 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1988-

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat daripada Hulu Selangor.

5.59ptg.

Tuaa S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Maksud P.46, Butiran

00100 iaitu Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang telah dapat memperuntukkan lebih kurang \$6 juta untuk pembelian beberapa alat-alat penting kepada Kementeriannya. Nampaknya alat-alat ini akan membawa negara kita ke satu taraf yang lebih maju dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian yang berjaya di atas usaha-usaha ini.

Terlebih dahulu saya ingin juga menyentuh di bawah perkara pembinaan Pusat Pembangunan Industri Kecil dan Pusat Teknologi Faundri ini. Sepertimana yang kita semua dapat tahu, pihak Pusat Pembangunan Industri Kecil boleh jadi satu pusat yang asas untuk membangunkan semua industri-industri kecil di dalam negara kita dan saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk membawa pusat ini kepada semua pihak-pihak Industri Kecil yang kita adakan di dalam negara kita dan bukan sahaja menjadi satu pusat yang akan memberi khidmat kepada satu segi kumpulan di dalam negara kita sahaja. Sepertimana kita dapat lihat di dalam lain-lain negara di mana kemajuan di bawah industri-industri kecil telah sampai ke satu taraf yang begitu tinggi di mana pihak Kerajaan sedang berhubung yang begitu erat dengan pihak swasta untuk membiayai dan juga untuk membangunkan industri-industri kecil ini. Saya ingin memohon kepada Kementerian juga untuk memainkan peranan yang begitu untuk membawa negara kita ke satu taraf yang begitu tinggi di dalam industri-industri kecil.

Seterusnya juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan pembelian peralatan komputer untuk Pusat Pembangunan Industri Logam. Ini juga ialah satu usaha yang harus kita mengalu-alukan, tetapi saya suka juga

menyentuh di sini ada lam-lam jabatan yang lain yang penting sedang berusaha untuk membawa industri-industri logam dan industri perlombongan kita ke satu taraf yang lebih tinggi. Sebagaimana kita dapat lihat di dalam 10 atau 20 tahun yang lepas, kita tidak dapat menampung lagi atau melanjutkan lagi usia ataupun life expectancy industri perlombongan kita. Dan inilah satu kekalahan yang besar dari segi Kerajaan kita oleh kerana nampaknya usaha-usaha dan juga tindakan-tindakan yang telah diambil oleh beberapa pihak Kerajaan negara kita tidak begitu berjaya. Dan saya memohon kepada pihak Kementerian ini untuk menggunakan alat komputer yang sedang diperolehi untuk memberi lebih faedah kepada industri perlombongan kita. Oleh kerana industri perlombongan kita sedang menghadapi beberapa banyak masalah di mana nampaknya tidak begitu lama lagi industri perlombongan kita akan tamat. Dan jika lebih usia yang akan diambil oleh pihak Kementerian ini dengan menggunakan peralatan komputer ini, nampaknya kita boleh dapat lanjut lagi semua life expectancy di atas industri perlombongan kita.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 00500, Kawalan Alam Sekitar. Saya suka juga mengucapkan tahniah kepada pihak Kementehnan yang telah dapat perolehi \$2.5 juta untuk membiayai kos pembelian peralatan bagi kawasan tumpahan minyak di Selat Mclaka kita. Dan dari segi ini saya suka juga menyentuh di sini satu pantai yang begitu indah yang kita adakan dalam negara kita ialah pantai Port Dickson di Negeri Sembilan, tetapi nampaknya pantai ini menjejaskan bukan sahaja tumpahan minyak tetapi juga daripada air yang keluar daripada sewerage tank, dengan izin, Tuan Pengerusi, daripada semua pembahgunan dan juga rumah-rumah yang sedang didirikan dalam pantai ini. Dan apabila kita lihat lain-lain pantai di lain-lain

negara yang begitu indah juga, khasnya Hawaii di mana saya baru ini melawat kawasan itu, walaupun ada beribu-ribu rumah yang telah diadakan berhampiran dengan pantai itu tetapi nampaknya air itu begitu jernih dan begitu indah, tetapi pantai Port Dickson ini nampaknya sudah jadi satu pantai di mana pihak yang melawat di kawasan itu tidak begitu berani untuk masuk ke dalam air berhampiran pantai itu, tetapi ingin masukkan air dalam swimming pool di hotel-hotel di kawasan itu. Inilah satu perkara yang pihak Kementerian harus menjaga dan memberi lebih perhatian kepada perkara itu.

Saya ingin memohon kepada pihak Kementerian di masa akan datang untuk memberi lebih peruntukan untuk menjaga kawasan pantai kita di seluruh negara kita daripada segi menghadkan ataupun mencari jalan lain untuk mengawal pantai kita daripada air sewerage tank kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.06 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Institut Piawan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia sebanyak lebih \$6 juta ditambah secara langsung pada peruntukan asal tahun 1988 iaitu lebih \$7 juta menjadikan jumlah besar perbelanjaan pembangunan Butiran ini lebih \$13 juta. Di antaranya sebahagian peruntukan digunakan untuk membiayai perbelanjaan bagi meningkatkan kemudahan di pusat pemindahan teknologi. Sesungguhnya negara kita pada kebelakangan ini banyak memperlihatkan pelaburan dari usahawan-usahawan Jepun, Korea Selatan dan Taiwan dalam sektor pembuatan komponen elektronik, elektrik, textile dan sebagainya. Tenaga buruh masih

kurang pakar atau langsung tidak mempunyai kepakaran dalam teknologi membuat barangan akhir elektronik seperti video atau komputer. Apatah lagi teknologi untuk mengusahakan industri yang berat seperti industri petrokimia atau industri pelaburan aluminium, aluminium smelting, dengan izin, Tuan Pengerusi. Dengan apa yang dimaksudkan di sini Pusat Pemindahan Teknologi, saya pun tidak tahu dengan pertambahan perbelanjaan ini sama ada pemindahan teknologi dapat dilakukan di kebanyakan bidang industri ataupun tidak.

Setahu saya yang terdapat sekarang pemindahan teknologi itu sangat tidak memuaskan, terutama semasa kami mengalami kesusahan atau kemerosotan ekonomi dan ketidakstabilan yang wujud kerana pelbagai kesalahan Kerajaan termasuk penangkapan besar-besaran ISA. Dan pada akhir ini ada Menteri-menteri Besar dan Menteri di dalam Kerajaan Pusat yang pergi banyak tempat termasuk Taiwan untuk menggalak pihak pelabur asing melabur di negara ini. Tetapi apa yang didapati atau yang dijanjikan atau yang dilaksanakan projek-projek elektronik dan elektrik itu hanya untuk komponen yang tertentu sahaja, bukan untuk end-user products seperti video dan komputer ataupun televisyen. Ini adalah satu kelemahan, satu langkah yang kurang memuaskan. Kalau ada pelaburan pun di sini untuk jangka masa pendek sahaja kerana lama ke lamaan bila berhentinya faktori-faktori ini, pekerja-pekerja negara kita tidak akan dapat kepakaran, cuma untuk komponen itu sahaja.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, pelaburan asing yang berjuta-juta ringgit itu tidak akan bermakna sekiranya Malaysia menghadapi penjajahan ekonomi menerusi teknologi. Faedah daripada perindustrian Malaysia tidak akan dicapai dengan sepenuhnya jika kita sentiasa dikuasai oleh pengusaha asing

dan diperalatkan semata-mata untuk kuota eksport, taraf GSP atau kerana buruh kita murah, sebab buruh yang murah ini akan hilang. Sebenarnya kos buruh di Indonesia dan di Thailand lebih murah daripada Malaysia dan kerana itulah kita nampak banyak syarikat pergi ke Thailand dan Indonesia.

Tuan Pengerusi, mengenai kawalan alam sekitar, sebanyak \$2.5 juta ditambahkan kepada peruntukan asal \$1.13 juta menjadikan jumlah besar peruntukan bagi tahun ini sebanyak \$3.63 juta. Salah satu kegunaan wang ini adalah untuk membeli sebuah komputer bagi penilaian alam sekitar. Berhubung dengan alam sekitar, negara kita perlu membina sebuah tapak pembuangan sisa beracun.

Tuan Pengerusi, negara ini bukan sahaja tidak mempunyai teknologi untuk menguruskan cara tersendiri industri-industri yang mengeluarkan sisa beracun, malah terpaksa menghadapi masalah pembuangan sisa beracun yang memakan kos berjuta-juta ringgit dan memerlukan teknologi asing untuk menguruskannya. Secara tidak langsung apabila kita meluluskan pelaburan asing dalam industri yang mengeluarkan sisa beracun itu tanpa apa-apa pertimbangan untuk memastikan pelabur asing bertanggungjawab bagi pembuangan sisa tersebut, maka kita boleh juga mengatakan bahawa negara kita digunakan sebagai salah satu, dengan izin, as a dumping ground for developed nations, bagi industri asing. Satu contohnya, Bukit Merah - Asian Rare Earth (ARE), di mana ada salah satu sisa yang dikeluarkan oleh kilang ARE itu adalah thorium yang menjadi satu isu pertikaian hangat sehingga sekarang kerana kilang seperti itu tidak terdapat di Jepun misalnya. Mereka tidak lagi mengadakan kilang seperti ini dan kilang seperti ini telah dipindahkan ke negara lain seperti Malaysia sebagai

dumping ground. Dengan adanya komputer yang dibeli daripada permintaan hari ini untuk menilaikan atom sekitar, saya berharap keberkesanan penilaian alam sekitar itu dapat ditingkatkan.

Misalnya di Kelang, ada sebuah syarikat Associated Steel Mill (ASM) yang mengeluarkan asap dan bunyi-bunyi bising dan sebagainya yang mencemarkan alam sekitar. Walaupun pihak Kementerian ada membuat penilaian dan pemeriksaan ke atas kilang tersebut, akan tetapi penduduk-penduduk sekitarnya masih mengalami kesusahan kerana pencemaran itu terus berlaku. Pada siang hari nampaknya pencemaran kurang kerana pihak kilang dapat mengurangkan aktiviti dan pada sebelah larut malam, maka asap keluar dengan banyaknya. Salah satu faktor ialah kalau kilang tersebut hendak mengurangkan pencemaran itu, mereka terpaksa membelanjakan wang dengan banyak, berjuta-juta ringgit untuk mengurangkan asap, racun yang lain dan sebagainya.

Dari segi bidang perindustrian memang mereka hendak mengurangkan kos dan kalau hendak kurangkan kos mereka memang mencari cara-cara yang sofistikated untuk mengelakkan dari penilaian dan pemeriksaan pihak Kementerian. Di sini saya menyeru sekali lagi pihak Kementerian supaya dengan adanya komputer yang baru ini dapat mengesan, menilai dan memeriksa keadaan alam sekitar dengan lebih baik termasuk di sekitar kilang ASM supaya negara kita dapat menikmati udara, air dan sebagainya dengan mutu yang tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli dari Hulu Selangor dan juga Ahli dari Kepong yang telah mengambil bahagian di atas perbahasan tentang peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Mengenai teguran, pandangan dan syor-syor yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor mengenai industri kecil, memanglah ini menjadi hasrat Kementerian saya untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang telah diberi oleh SIRIM selama ini kepada industri-industri kecil di negara kita. Kementehaan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar peranan yang penting dimainkan oleh industri-industri kecil di dalam ekonomi negara kita dan juga dengan pertambahan peruntukan ini, saya berharap perkhidmatan sebagai 'consultant' dari SIRIM akan lebih memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga telah membangkitkan mengenai keadaan pantai di Port Dickson. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar masalah pencemaran di pantai Port Dickson itu dan Kementerian saya sudah mengambil beberapa rundingan dengan pihak Kerajaan Negeri Sembilan dan juga Penguasa-penguasa Tempatan dan saya diberitahu bahawa sebab-sebab pencemaran di pantai Port Dickson itu adalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Kebanyakannya 'sewerage' dari hotel-hotel di situ dan juga rumah-rumah teres yang telah mengakibatkan pencemaran itu dan saya telah diberitahu oleh pihak Kerajaan Negeri bahawa sudah ada satu ~~plan~~ untuk memperbaiki keadaan itu dengan kerjasama Penguasa Tempatan

dan Kementerian saya. Saya berharap di 'suatu masa kelak masalah itu akan dapat diatasi.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sokongan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk lebih banyak lagi peruntukan akan diberikan kepada Kementerian saya untuk membolehkan Kementerian saya menjalankan tugas-tugasnya yang telah ditetapkan di bawah bidangkuasa Kementerian saya. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan masalah kawalan alam sekitar mengenai isu pencemaran dilakukan oleh Associated Steel Mill di Kelang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sendiri telahpun membuat lawatan ke kilang itu dan telah mengadakan perbincangan dengan lembaga pengurusan dan juga persatuan-persatuan (citizens' association) di kawasan yang berkenaan.

Saya diberi tahu dalam taklimat itu beberapa juta ringgit telah dibelanjakan dan juga beberapa usaha telah diambil oleh pihak Steel Mill itu walaupun masih ada masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sana. Saya berharap juga Ahli Yang Berhormat yang juga wakil kawasan itu, kalau dapat bolehlah juga mengadakan rundingan dengan pihak yang berkenaan bersama-sama dengan pegawai dari Kementerian saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amitt bin Haji Daud): Sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan. Belum habis lagi.

Di sini Yang Berhormat mengatakan berunding dengan pihak ASM dan sebagainya. Saya pun dijemput untuk berunding. Tetapi saya hendak mereka itu terlebih dahulu memberi jaminan bahawa selepas rundingan saya dengan mereka itu, masalah pencemaran ini dapat diselesaikan. Tetapi sebenarnya, Tuan Pengerusi, semasa lawatan Timbalan Menteri dan sebagainya memang baik, semuanya teratur, layanan pun bagus, makanan pun baik dan enak belaka. Walaupun ada saranan dan kenyataan yang manis belaka, tetapi bila melaksanakan itu kurang. Sebab itu setakat ini saya tidak mahu melawat walaupun telah dijemput beberapa kali. Saya hendak jaminan kerana kilang ini di tengah bandar di tengah kawasan penduduk, itulah masalah yang pokok. Saya tidak kira syarikat tersebut akan membina berjuta-juta ringgit kilang tambahan untuk mengurangkan pencemaran kerana ini akan merugikan syarikat tersebut.

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih. Saya telah membuat lawatan ke Steel Mill itu di atas initiative, dengan izin, saya sendiri, bukan atas jemputan dari pihak industri yang berkenaan. Walaupun tujuan lawatan saya ke steel mill itu bukan untuk mendapat layanan yang istimewa kepada saya, tidak beri minum teh pun tidak apa, saya boleh bawa seridiri ke sana. Tujuan saya ke sana untuk melihat keadaan itu sendiri....

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, saya juga ada masalah sebegini, jadi saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Kementerian Yang Berhormat. Saya mendapat tahu, menjalankan tugas dalam mengawal alam sekitar dari sisi peruntukan rintangan didapati adalah serba kekurangan. Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk memaksa pekilang-pekilang ataupun pengusaha-pengusaha supaya mema-

tuhi peraturan-peraturan kawalan alam sekitar. Jadi adalah satu masalah yang berlaku di kawasan saya, telah diberi nasihat kepada pihak pekilang juga nasihat telah diberi oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tetapi Penguasa Tempatan dan pekilang atau pengusaha tidak menurut peraturan dan nasihat itu. Sering didapati nasihat itu tidak diambil berat oleh Penguasa-penguasa Tempatan serta pekilang-pekilang. Macam mana pihak Kementerian Yang Berhormat dapat menguatkuasakan peraturan dan kawalan alam sekitar?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab pertanyaan atau soalan Yang Berhormat dari Kampar itu semasa perbahasan umum dua hari lalu.

Berhubung dengan masalah pencemaran udara yang berlaku di Kampung Timah, Tanjong Tualang, Batu Gajah, Perak, sukacita saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa sebaik sahaja aduan diterima dari Ahli Yang Berhormat pada 20hb April, 1988 saya telah mengarahkan kes ini disiasat dan Pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar telah melawat punca pencemaran ini pada 23hb April, 1988. Laporan siasatan telahpun diterima baru-baru ini dan satu salinan laporan yang berkenaan telahpun dimajukan kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bidang tugas Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ialah untuk menentukan bahawa effluence yang dilepaskan oleh kilang adalah menepati paras yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan. Sekiranya paras effluence didapati melebihi paras yang ditetapkan, tindakan menurut undang-undang akan diambil ke atas kilang-kilang yang berkenaan. Mengenai pemindahan industri yang telah melanggar peraturan-peraturan itu

Kementerian saya hanya boleh memberi nasihat kepada Penguasa Tempatan atau Kerajaan Negeri atau bekerjasama untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah itu. Di dalam undang-undang yang ada sekarang, belum ada kuasa di bawah Akta berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan menimbangkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan mengenai tempat membuat sisa-sisa racun. Ini memang Ahli Yang Berhormat sedia maklum walaupun Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Pulau Pinang telah menawarkan tempat-tempat untuk tujuan tersebut dan siasatan masih dijalankan oleh pakar pakar perunding dari Amerika Syarikat dan Kementerian saya masih menunggu dan mengkaji laporan yang akan disampaikan kepada Kementerian saya. Memanglah menjadi hasrat Kementerian saya untuk menentukan negara kita tidak akan menjadi satu tempat untuk industri-industri yang membawa sisa-sisa beracun dan sebagai 'dumping ground' negara kita. Ini memang menjadi hasrat dan tanggungjawab Kementerian saya untuk menjaga kepentingan dan kesihatan rakyat kita semua.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung besok.

Tuan Law Hieng Ding: Saya tiada apa-apa lagi. Tuan Pengerusi, itu sahajalah penjelasan dari saya. Jikalau ada apa-apa pandangan atau teguran yang saya tidak sentuh, saya akan mengambil perhatian dan meneliti kesemua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

KUMPULAN WANG SIMPANAN PUSAT SINGAPURA - PENGELUARAN WANG

6.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa bulan lalu, saya telah dihubungi oleh ramai pekerja Malaysia dari Semenanjung Malaysia yang meminta saya mengingatkan Kerajaan mengenai isu pengeluaran wang simpanan atau caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (Central Provident Fund) Singapura kepada rakyat Malaysia yang tidak berhasrat untuk kembali bekerja semula di Singapura.

Rakyat dari Semenanjung yang pernah bekerja di Singapura tidak boleh mengeluarkan wang simpanan mereka di Kumpulanwang Simpanan Pusat Singapura walaupun mereka balik ke Malaysia untuk kebaikan diri mereka sendiri. Kesudahannya, berbilion ringgit wang kepunyaan para pekerja dari Semenanjung Malaysia tersimpan dan terpendam di Singapura.

Adalah tidak adil untuk menyekat rakyat Semenanjung diri mengeluarkan dan menggunakan wang simpanan mereka sedangkan orang-orang asing dan rakyat dari Malaysia Timur lainnya dibenarkan untuk mengeluarkan caruman masing-masing.

Para pekerja dari Semenanjung Malaysia yang pernah bekerja di Singapura pada masa lalu akan mendapati simpanan CPF berguna jika mereka dibenarkan mengambil balik wang mereka. Akan tetapi, di bawah seksyen 12 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pusat, seseorang rakyat dari Malaysia Barat yang meninggalkan Singapura hanya boleh mengeluarkan wang simpanan CPF mereka jika dia dapat memenuhi semua syarat-syarat berikut:-

- (i) bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia yang memegang satu kad pengenalan Malaysia;
- (ii) bahawa dia telah meninggalkan Singapura dengan tetap untuk mendiami Malaysia Barat;
- (iii) bahawa dia telah berumur melebihi 50 tahun;
- (iv) bahawa dia tidak bekerja di Singapura dalam tempoh 2 tahun sebelum membuat permohonan; dan
- (v) bahawa dia tidak memegang satu permit kerja Singapura.

Memandangkan syarat-syarat yang ketat di atas, terdapat puluhan ribu pekerja dari Semenanjung Malaysia yang terlibat dan simpanan mereka disandar di sana dengan tidak ada harapan untuk dikeluarkan meskipun mereka sedang berada dalam keadaan terdesak untuk menggunakan wang.

Kerajaan Malaysia patutlah peka kepada kehendak dan keperluan rakyat dari Semenanjung ini dan patutlah berunding dengan pihak berkuasa Singapura untuk membawa berbilion ringgit simpanan kepunyaan rakyat Malaysia. Wang tersebut juga akan menjadi satu galakan kepada pemuliharaan ekonomi negara kita.

Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya membangkitkan perkara pengeluaran wang caruman CPF kepada pekerja-pekerja dari Semenanjung Malaysia dengan rakan sejawatnya.

Menteri Kewangan patutlah mengambil daya usaha mengadakan perbincangan awal antara pihak berkuasa KWSP di Malaysia dan pihak berkuasa CPF di Singapura dan ini akan membolehkan kedua belah pihak.....

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, korum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha sila bilang. 19 orang. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, kurang 26 ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 21 orang. Tidak cukup kuorum. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 30hb Jun, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.

